

VOT 75193

**PENGUASAAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH  
ALIRAN AGAMA TERHADAP PENGAJIAN ILMU  
RETORIK ARAB**

**(THE MASTERY OF RELIGIOUS BASED SECONDARY SCHOOL  
STUDENT ON THE EDUCATION OF ARABIC RHETORIC)**

**AZHAR BIN MUHAMMAD  
ABDUL HAFIZ BIN ABDULLAH  
BUSHRAH BINTI BASIRON  
KAMARUL AZMI BIN JASMI  
SULAIMAN SHAKIB BIN MOHD NOOR**

**RESEARCH VOTE NO:  
75193**

**Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial  
Universiti Teknologi Malaysia**

**2006**

# DEDIKASI

**Penghargaan Khusus,**

**Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)**

**DAN**

**Pusat Pengajian Islam & Pembangunan Sosial (PPIPS)  
Universti Teknologi Malaysia**

**Jabatan Agama Johor (JAJ)**

**SMA Johor Yang Terlibat Dalam Penyelidikan Ini.**

**SERTA**

**Semua Penuntut, Pengajar dan Pencinta  
Ilmu-Ilmu Pengajian Bahasa Arab.**

**Penyelidik  
Vot Penyelidikan No: 75193  
PPIPS, UTM 2005/2006**

## ABSTRAK

### **PENGUASAAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH ALIRAN AGAMA TERHADAP PENGAJIAN ILMU RETORIK ARAB**

*(Kata kunci : penguasaan, pengajian ilmu retorik Arab)*

Kajian ini berkaitan dengan kesan pembelajaran ilmu Retorik Arab atau *al-Balaghah* di sekolah-sekolah menengah agama kerajaan Johor (SMA). Kajian bertujuan mengetahui persepsi dan pengetahuan pelajar terhadap pengajian ilmu retorik Arab, mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran ilmu retorik Arab dan untuk mengenalpasti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran ilmu retorik Arab di kalangan pelajar dan pengaplikasian ilmu ini dalam gaya bahasa mereka. Sebanyak 320 orang pelajar dari tingkatan lima sekolah-sekolah menengah agama di Johor telah dipilih sebagai sampel. Kajian ini menggunakan soal-selidik bagi mendapatkan data kajian dan memproses data yang diperolehi dengan menggunakan skala Likert. Dapatan kajian menunjukkan pelajar-pelajar mempunyai persepsi dan minat yang mendalam terhadap ilmu Balaghah dan kajian juga telah menunjukkan bahawa pengajaran ilmu Balaghah di sekolah yang dipilih berkesan dalam meningkatkan penguasaan pelajar terhadap ilmu Balaghah. Namun terdapat beberapa masalah yang dikenalpasti yang dihadapi oleh para pelajar yang boleh mengganggu mereka untuk menguasai ilmu ini. Bagi memastikan para pelajar dapat menguasai ilmu Balaghah dengan sebaik mungkin, penyelidik telah mencadangkan beberapa langkah yang boleh diperhatikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pengurusan sekolah dan para guru.

Penyelidik:

Azhar bin Muhammad (Ketua)  
Abdul Hafiz bin Abdullah  
Bushrah binti Basiron

Kamarul Azmi bin Jasmi  
Sulaiman Shakib bin Mohd Noor

Email : [azharmy@utm.my](mailto:azharmy@utm.my)  
Tel : 07-5535053  
Vot : 75193

### ABSTRACT

#### **THE MASTERY OF RELIGIOUS BASED SECONDARY SCHOOL STUDENT ON THE EDUCATION OF ARABIC RHETORIC**

*(Keywords: mastery, education of Arabic rhetoric)*

This study is done on the effect of Arabic rhetoric or *al-Balaghah* in Johor religious based secondary school. It is done in order to determine the perception and knowledge of student on the *al-Balaghah* knowledge, identify the problems faced by student in Arabic literature knowledge education and to identify the effectiveness of teaching and learning of Arabic literature knowledge education among the student and the application of this knowledge in their language style. 320 form five students from religious based secondary schools in Johor was chosen as sample for this study. This research uses questionnaires in order to obtain research data and the data obtained is processed using Likert scale. Result of this study shows that the students have deep perception and interest on the *al-Balaghah* knowledge and the result also shows that the teaching of *al-Balaghah* knowledge in chosen schools is effective in increasing the student mastery on the *al-Balaghah* knowledge. Unfortunately, there are few problem facing these students had been identified which could prevent them from mastering this knowledge. To ensure that the students can master the *Balaghah* knowledge as much as they can, researchers suggested a few steps that can be taking account by Ministry of Education, school committee and the teachers.

Key Researchers :

Azhar bin Muhammad (Head)

Abdul Hafiz bin Abdullah  
Bushrah binti Basiron  
Kamarul Azmi bin Jasmi  
Sulaiman Shakib bin Mohd Noor

Email : [azharmy@utm.my](mailto:azharmy@utm.my)  
Tel : 07-5535053  
Vot : 75193

## KANDUNGAN

<b>BAB SURAT</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA</b>
	<b>JUDUL</b>	
	i	
	<b>DEDIKASI</b>	
	ii	
	<b>ABSTRAK</b>	
iii		
	<b>ABSTRACT</b>	
iv		
	<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	
	v	
	<b>SENARAI JADUAL</b>	
ix		
	<b>SENARAI RAJAH</b>	
xiii		
	<b>SENARAI SINGKATAN/TATANAMA</b>	
xiv		

## SENARAI LAMPIRAN

xv

### **BAB I                    PENDAHULUAN**

- 1.0 Pengenalan  
1
- 1.1 Latar Belakang Masalah  
4
- 1.2 Pernyataan Masalah  
5
- 1.3 Objektif Kajian  
6
- 1.4 Persoalan Kajian  
7
- 1.5 Kepentingan Kajian  
7
- 1.6 Batasan dan Skop Kajian  
9
- 1.7 Definisi Terminologi  
9
- 1.8 Kesimpulan  
11

### **BAB II                    KAJIAN LITERATUR**

- 2.0 Pengenalan  
12

2.1	Perkembangan ilmu Retorik Arab di Malaysia	12
2.1.1	Latar Belakang Bahasa Arab	12
2.1.2	Sejarah Perkembangan Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia	14
2.1.3	Perkembangan Pengajaran Retorik Arab di Malaysia	17
	2.1.3.1 Pengenalan kepada Retorik Arab/Balaghah	17
	2.1.3.2 Sejarah Kelahiran dan Perkembangan Retorik Arab	20
	2.1.3.3 Matlamat Mempelajari Retorik Arab	24
	2.1.3.4 Kesan Retorik Arab kepada Bahasa Melayu	26
	2.1.3.5 Perkembangan Pengajaran Balaghah di Malaysia	30
2.2	Retorik Arab Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)	32
2.3	Latar Belakang Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor (SMA)	36
2.4	Pengajaran dan Pembelajaran Retorik Arab	38
	2.4.1 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Retorik Arab	38
	2.4.1.1 Kaedah Induktif	39
	2.4.1.2 Kaedah Deduktif	41

2.4.2	Isu-isu Pengajaran dan Pembelajaran Retorik Arab	43
2.5	Kajian-kajian Lepas Berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran Retorik Arab	45
2.6	Kesimpulan	48

### **BAB III                      METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pengenalan	50
3.1	Reka bentuk Kajian	50
3.1.1	Pengumpulan Data Primer	52
3.1.1.1	Soal Selidik	53
3.1.1.2	Temu bual	57
3.1.2	Pengumpulan Data Sekunder	58
3.1.2.1	Perpustakaan	59
3.2	Lokasi Kajian	61



3.3	Sampel kajian	61
3.4	Instrumen Kajian	65
3.5	Penganalisan data	66
	3.5.1 Kaedah Kualitatif	67
	3.5.2 Kaedah Kuantitatif	67
3.6	Jangka Masa Kajian	70
3.7	Tatacara Kajian	71
3.8	Kesimpulan	72

## **BAB IV                      ANALISIS DATA**

4.0	Pengenalan	73
4.1	Bahagian A (Latar Belakang Responden)	75
4.2	Bahagian B (Analisis Item)	84
	4.2.1 Analisis Mengikut Setiap Item	84
	4.2.1.1 Persepsi dan Pengetahuan Pelajar Terhadap Pengajian	

	Ilmu Retorik Arab	
85		
	4.2.1.2 Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar Dalam Pembelajaran Ilmu Retorik Arab/ al-Balaghah	96
	4.2.1.3 Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu Retorik Arab atau al-Balaghah di Kalangan Pelajar	106
4.2.2	Analisis Secara Keseluruhan (Bahagian B)	116
	4.2.2.1 Persepsi dan Pengetahuan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab	117
	4.2.2.2 Masalah-masalah yang Dihadapi Oleh Pelajar Dalam Pembelajaran Ilmu Retorik Arab/ al-Balaghah	119
	4.2.2.3 Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu Retorik Arab atau al-Balaghah di Kalangan Pelajar	122
4.3	Kesimpulan	125

**BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.0	Pengenalan	127
5.1	Perbincangan	128
5.2	Rumusan	137
5.3	Cadangan	138
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	141
5.5	Penutup	142

## **RUJUKAN**

143

## **LAMPIRAN**

147

## **SENARAI JADUAL**

<b>NO JADUAL SURAT</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA</b>
2.1	Kandungan mata pelajaran Balaghah di peringkat SPM	34
3.1	Skala Likert	66
3.2	Skala Pengukuran Tahap Penguasaan	70

- 3.3 Jangka masa kajian  
70
- 4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina  
76
- 4.2 Taburan responden menurut minat mempelajari bahasa Arab  
77
- 4.3 Taburan responden menurut peringkat pendidikan mula mempelajari Bahasa Arab  
77
- 4.4 Taburan responden mengikut masa mengulangkaji bahasa Arab seminggu  
78
- 4.5 Taburan responden mengikut keputusan peperiksaan Bahasa Arab Komunikasi PMR  
79
- 4.6 Taburan responden mengikut kedapatan saudara mara responden yang mempelajari bahasa Arab  
80
- 4.7 Taburan responden mengikut tujuan mempelajari bahasa Arab  
81
- 4.8 Taburan Penguasaan responden mengikut sebab mengambil subjek Bahasa Arab Tinggi SPM  
82
- 4.9 Kedudukan Balaghah dalam turutan minat responden daripada elemen-elemen subjek Bahasa Arab yang lain  
83
- 4.10 Taburan kerap dan peratus responden mengikut kesedaran tentang kewujudan pengajian *al-Balaghah* dalam kertas Bahasa Arab Tinggi  
85
- 4.11 Taburan kerap dan peratus responden mengikut minat untuk

- mempelajari pengajian *al-Balaghah*  
86
- 4.12 Taburan kerapan dan peratus responden mengikut kesedaran tentang tujuan, faedah dan manfaat yang akan didapati jika mempelajari ilmu *al-Balaghah*  
87
- 4.13 Taburan kerapan dan peratus responden mengikut kesedaran terhadap kewujudan unsur-unsur ilmu *al-Balaghah* dalam bahasa Arab.  
88
- 4.14 Taburan kerapan dan peratus responden mengikut keyakinan bahawa pengajian *al-Balaghah* dapat membantu dalam memahami teks-teks Arab  
89
- 4.15 Taburan kerapan dan peratus responden mengikut keyakinan bahawa pengajian *al-Balaghah* dapat membantu dalam memahami al-Quran dan Hadis  
90
- 4.16 Taburan kerapan dan peratus responden mengikut kemampuan membezakan bezakan gaya bahasa Arab yang baik dan tidak melalui pengajian ilmu *al-Balaghah*  
92
- 4.17 Taburan kerapan dan peratus responden mengikut kebolehan memahami tajuk-tajuk yang diajar dalam *al-Balaghah*  
93
- 4.18 Taburan kerapan dan peratus responden mengikut kebolehan menguasai ilmu *al-Balaghah* setakat yang telah dipelajari  
94
- 4.19 Taburan kerapan dan peratus responden mengikut minat dan kesediaan

- untuk mempelajari *al-Balaghah* ke peringkat yang lebih tinggi.  
94
- 4.20 Taburan kerapan dan peratus responden mengikut kefahaman terhadap bahagian-bahagian ilmu *al-Balaghah* seperti al-Ma'ani, al-Bayan dan al-Badi' atau setakat yang telah dipelajari  
96
- 4.21 Taburan kerapan dan peratus responden mengikut pengetahuan bahawa tajuk-tajuk yang diajar dalam *al-Balaghah* mempunyai kaitan antara satu sama lain dalam penggunaan ayat  
97
- 4.22 Taburan kerapan dan peratus responden mengikut kemudahfahaman kepada contoh dan huraian *al-Balaghah* dalam buku teks Bahasa Arab Tinggi (BAT)  
98
- 4.23 Taburan kerapan dan peratus responden mengikut kecukupan masa yang diperuntukkan untuk belajar *al-Balaghah* dalam kelas  
99
- 4.24 Taburan kerapan dan peratus responden mengikut kefahaman terhadap kaedah-kaedah *al-Balaghah* yang dipelajari  
100
- 4.25 Taburan kerapan dan peratus responden mengikut kemampuan menggunakan buku teks BAT sebagai sumber utama semasa mempelajari ilmu *al-Balaghah*  
101
- 4.26 Taburan kerapan dan peratus responden mengikut penggunaan bahasa Arab oleh guru semasa mengajar *al-Balaghah* berbanding penggunaan bahasa Melayu  
102
- 4.27 Taburan kerapan dan peratus responden mengikut huraian yang dibuat oleh guru yang jelas dan mudah difahami  
103

- 4.28 Taburan kerapian dan peratus responden mengikut kemampuan membuat latihan yang diberikan oleh guru berdasarkan pemahaman yang diberikan di dalam kelas  
104
- 4.29 Taburan kerapian dan peratus responden mengikut membantunya format dan bentuk soalan yang digunakan untuk menguasai ilmu *al-Balaghah*  
105
- 4.30 Taburan kerapian dan peratus responden mengikut pengetahuan bahawa dalam bahasa Arab banyak ayat yang berunsurkan sastera  
106
- 4.31 Taburan kerapian dan peratus responden mengikut kemampuan untuk menentukan beberapa unsur Balaghah yang terdapat dalam teks-teks Arab  
107
- 4.32 Taburan kerapian dan peratus responden mengikut kemampuan memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu al-Bayan seperti al-Tasybih dan lain-lain setakat yang dipelajari dalam kelas  
108
- 4.33 Taburan kerapian dan peratus responden mengikut kemampuan untuk memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu *al-Ma'ani* seperti ayat *Insyah*, *Khabar* dan lain-lain setakat yang dipelajari dalam kelas  
109
- 4.34 Taburan kerapian dan peratus responden mengikut kemampuan memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu *al-Badi'* seperti *al-Jinas*, *al-Tibaq* dan lain-lain setakat yang dipelajari dalam kelas  
110
- 4.35 Taburan kerapian dan peratus responden mengikut pengetahuan bahawa terdapat banyak ayat al-Quran yang mempunyai unsur-unsur

	Balaghah	
		111
4.36	Taburan kerapian dan peratus responden mengikut kemampuan menentukan unsur Balaghah yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran setakat yang dipelajari	
		112
4.37	Taburan kerapian dan peratus responden mengikut pengetahuan tentang betapa indahnyanya gaya bahasa Arab setelah mempelajari al-Balaghah dalam kelas	
		113
4.38	Taburan kerapian dan peratus responden mengikut kesedaran bahawa mempelajari <i>al-Balaghah</i> banyak membantu untuk mengolah dan mengungkap ayat-ayat yang baik dalam bahasa Arab	
		114
4.39	Taburan kerapian dan peratus responden mengikut kebenaran bahawa pengajaran dan pembelajaran <i>al-Balaghah</i> membuatkan lebih berminat mempelajari bahasa Arab	
		115
4.40	Taburan Peratusan dan Min Bagi Objektif Yang Pertama	
		117
4.41	Taburan Peratusan dan Min Bagi Objektif Yang Kedua	
		119
4.42	Taburan Peratusan dan Min Bagi Objektif Yang Ketiga	
		122
4.43	Min Keseluruhan Bagi Setiap Bahagian (I, II dan III)	
		125



**SENARAI RAJAH**

<b>NO RAJAH SURAT</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA</b>
2.1	Kedudukan Balaghah dalam Kurikulum Bahasa Arab Tinggi SPM.	33
2.2	Kedudukan Balaghah dalam Silibus Bahasa Arab STPM	35
3.1	Tatacara Kajian	71

**SENARAI SINGKATAN**

<b>BAK</b>	Bahasa Arab Komunikasi
<b>BAT</b>	Bahasa Arab Tinggi
<b>JAJ</b>	Jabatan Agama Johor
<b>JAPIM</b>	Jabatan Pendidikan Islam & Moral
<b>JPA</b>	Jabatan Perkhidmatan Awam
<b>KBSM</b>	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
<b>KPM</b>	Kementerian Pelajaran Malaysia
<b>MARSAH</b>	Institut Pengajian Tinggi Islam dan Bahasa Arab
<b>MPM</b>	Majlis Peperiksaan Malaysia
<b>MPTI</b>	Maktab Perguruan Temenggung Ibrahim
<b>PMR</b>	Penilaian Menengah Rendah
<b>PSI</b>	Perpustakaan Masjid Sultan Ismail
<b>PSZ</b>	Perpustakaan Sultanah Zanariah
<b>P&amp;P</b>	Pengajaran dan Pembelajaran
<b>SMA</b>	Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor
<b>SMAKJ</b>	Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor
<b>SMKA</b>	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama

<b>SPM</b>	Sijil Pelajaran Malaysia
<b>SPSS</b>	<i>Statistical Package For Social Sciences</i>
<b>STAM</b>	Sijil Tinggi Agama Malaysia
<b>STPM</b>	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
<b>s.a.w.</b>	Sallahu 'Alaihi Wasallam
<b>S.W.T.</b>	Subhanahu Wa Ta'ala
<b>UPSR</b>	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

### SENARAI LAMPIRAN

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA</b>
<b>SURAT</b>		
A	Borang Soal Selidik	147
B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Jabatan Agama Johor	153
C	Surat Permohonan Menjalankan Kajian SMA Negeri Johor	154



# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 PENGENALAN**

Bahasa Arab merupakan bahasa utama yang dituturkan di negara Arab dan antara bahasa yang digunakan di kebanyakan negara-negara di Semenanjung Tanah Arab seperti Madinah, Mekah dan negara-negara Islam lain. Bahasa Arab juga adalah bahasa ilmu yang telah digunakan sejak 1400 tahun dahulu, bermula dari zaman Nabi Muhammad s.a.w. menyebarkan Islam. Perbendaharaan tamadun Islam memerlukan pengetahuan bahasa Arab yang baik untuk menerokainya termasuklah dalam ilmu Balaghah. Ia juga menjadi bahasa kedua atau dipelajari sebagai bahasa asing di kebanyakan negara yang mempunyai penduduk beragama Islam dan bahasa tersebut juga diiktiraf sebagai bahasa rasmi perhubungan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Ab.Gani Bin Jalil, 2000).

Balaghah atau pun retorik Arab adalah merupakan antara elemen asas pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab selain daripada Nahu dan Saraf. Ia amat penting dalam bahasa Arab bagi memudahkan pemahaman terhadap sesuatu teks Arab kerana bahasa Arab adalah bahasa yang unik dan penuh dengan gaya bahasa kesusasteraan. Kefahaman dalam kesusasteraan Arab akan memudahkan seseorang memahami maksud sesuatu struktur ayat dan gaya bahasa yang digunakan dalam ayat tersebut terutama dalam memahami al-Quran dan hadis. Jika dilihat dari sudut pelbagai faktor mengapa pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab amnya dan Balaghah khususnya itu harus dipelajari, ini jelas menunjukkan bahawa faktor agama Islam itu sendiri yang menyuruh umat Islam mempelajarinya kerana al-Quran itu sendiri diturunkan adalah dalam bahasa Arab dan kandungan al-Quran itu tidak dapat difahami dengan betul jika tidak mendalami ilmu Balaghah. Begitu juga dengan

kandungan hadis Rasulullah yang mengandungi pelbagai kaedah Balaghah yang indah. Hal ini jelas ditunjukkan apabila terdapat satu kitab tafsir al-Quran yang ditulis oleh seorang tokoh ulama besar iaitu al-Zamakhsyari iaitu kitab *Tafsir al-Kasysyaf* yang mentafsirkan al-Quran berdasarkan kepada keindahan kaedah Balaghah yang terdapat di dalam al-Quran. Dengan itu bagi memahami, mendalami serta menghayati ajaran-ajaran Islam yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis, umat Islam harus mempelajari ilmu Balaghah. Sehubungan dengan itu, Allah s.w.t. telah berfirman:

قُرْءَانًا عَرَبِيًّا غَيْرَ ذِي عِوَجٍ لَّعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ

Maksudnya : *Iaitu al-Quran yang berbahasa Arab, yang tidak mempunyai sebarang keterangan yang terpesong; supaya mereka bertakwa.*

(Surah Yusof, 12:2)

Dari segi sejarah, kemunculan atau kedatangan bahasa Arab di Malaysia bukanlah sesuatu perkara yang asing bagi masyarakat di sini khususnya kepada mereka yang berbangsa Melayu. Sejarah telah membuktikan bahawa bahasa Arab mula bertapak di Tanah Melayu kira-kira 500 tahun yang lalu iaitu pada era kegemilangan Melaka sebagai pusat perdagangan antarabangsa. Pada waktu itu Melaka merupakan sebuah negeri yang berperanan sebagai kawasan pelabuhan dan perindustrian terkemuka setaraf dengan kawasan-kawasan perindustrian lain di dunia seperti di negara-negara Eropah. Ini termasuklah Pelabuhan Venice di Itali, Portugal dan juga Sepanyol. Kedudukan Melaka yang strategik dan sesuai membuatkan ramai pedagang dari serata dunia berminat untuk menjalankan perniagaan seterusnya memperkembangkan lagi kedudukan yang mereka miliki. Golongan pedagang tersebut meliputi segenap pelusuk dunia termasuklah dari Eropah, China, India dan juga Arab.

Kedatangan pedagang-pedagang Arab telah memberi kesan dan pengaruh yang besar kepada bermulanya perkembangan bahasa Arab di kalangan masyarakat pada waktu itu terutamanya kepada orang-orang Islam. Kehadiran orang-orang Arab

juga secara tidak langsung membawa kepada perkembangan agama Islam itu sendiri dengan membawa masuk kitab-kitab atau makalah yang mengandungi ilmu-ilmu Islam dalam bahasa Arab. Secara tidak langsung, ramai di kalangan orang-orang Islam di Tanah Melayu pada waktu itu yang mula berjinak-jinak dengan bahasa Arab untuk mempelajari ilmu pendidikan Islam. Mereka berpandangan bahawa mempelajari bahasa Arab adalah amat penting bagi tujuan untuk mempelajari serta mendalami ajaran Islam khususnya dalam bidang pengajian al-Quran dan hadis (Azhar Muhammad, 2003).

Maka dijangkakan bahawa perkembangan ilmu Balaghah Arab juga seiring dengan perkembangan bahasa Arab di Malaysia ini. Ini kerana ilmu Balaghah adalah salah satu komponen penting yang terdapat di dalam bahasa Arab itu sendiri. Sebagaimana yang diketahui bahawa kedatangan bahasa Arab di kalangan masyarakat Melayu telah memberi kesan kepada bahasa Melayu. Begitu juga, Balaghah Arab telah memberi impak yang besar kepada pembentukan retorik Melayu dengan timbulnya simpulan bahasa, pepatah dan peribahasa.

Di dalam sistem pendidikan di Malaysia, terdapat beberapa peperiksaan yang memuatkan mata pelajaran Balaghah di dalam beberapa kertas yang tertentu. Untuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), mata pelajaran Balaghah berada di dalam kertas Bahasa Arab Tinggi. Manakala di dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) pula, Balaghah terdapat di dalam kertas Bahasa Arab II. Kesimpulan yang boleh dibuat untuk kedua-dua peperiksaan ini ialah tiada kertas yang khas untuk mata pelajaran Balaghah sahaja. Balaghah hanya dimasukkan di dalam kertas bahasa Arab.

Namun, berlainan dengan kertas Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), terdapat satu kertas yang khas untuk mata pelajaran Balaghah iaitu kertas Balaghah. Kertas ini merupakan tahap yang tertinggi yang digunakan di dalam sistem pendidikan di Malaysia untuk menguji kemampuan pelajar dalam mata pelajaran ini.

## **1.1 LATAR BELAKANG MASALAH**

Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor (SMA) merupakan antara institusi pengajian agama di Malaysia dan merupakan institusi pengajian agama yang disegani di negeri Johor. Institusi ini telah lama menjadi pilihan rakyat Johor untuk mendalami ilmu agama. Institusi yang terkenal dengan penekanan terhadap bahasa Arab ini diharapkan dapat menyebar luaskan bidang bahasa al-Quran ini. Pengajaran bahasa Arab di SMA telah bermula sejak bertahun dahulu lagi khususnya kepada para pelajar dari tingkatan satu hinggalah ke tingkatan lima.

Dari segi sejarahnya penubuhan Sekolah Menengah Agama ini adalah rentetan daripada tindakan kerajaan negeri Johor menubuhkan sekolah-sekolah rendah agama semenjak tahun 1918 dan sekolah-sekolah ini berkembang dengan pesat mengikut perkembangan semasa. Pada akhir tahun 1997, terdapat sebanyak 637 buah sekolah agama di Johor. Sebahagiannya mempunyai bangunan sendiri dan sebahagian menumpang sama ada di bangunan Sekolah Kebangsaan atau bangunan yang disediakan oleh FELDA atau FELCRA atau menumpang di balai raya, balai Islam, kem tentera dan lain-lain.

Jumlah murid sehingga November 1997 ialah sebanyak 182,512 orang. Purata nisbah guru berbanding murid masih lagi 1:70. Namun bagi sesetengah daerah seperti Johor Bahru, Segamat, Kota Tinggi, Pontian dan Kluang, nisbahnya melebihi anggaran di atas.

Walau bagaimanapun, sekolah rendah agama adalah terbatas setakat darjah khas dan tidak mempunyai saluran lain untuk pelajar-pelajar menyambung pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi seperti kolej dan universiti. Oleh sebab itu, tiada pelajar lepasan sekolah agama kerajaan Johor yang berkhidmat di Kementerian Pendidikan sebagai guru agama di sekolah menengah sehingga hari ini. Sementara guru-guru yang berkhidmat di sekolah rendah pula tidak diambil dari kalangan lulusan darjah khas sebagaimana sebelumnya disebabkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah meningkatkan syarat kelayakan kepada 4 Thanawi.

Bagi memenuhi perkembangan dan keperluan pendidikan semasa, maka kerajaan Johor telah mengadakan beberapa siri seminar mengenai Pendidikan Agama di negeri Johor. Seminar terakhir dalam resolusinya telah memutuskan untuk



meningkatkan pendidikan agama ke peringkat yang lebih tinggi telah diadakan pada tahun 1981 di Maktab Perguruan Temenggung Ibrahim (MPTI), Johor Bahru.

Sebagai langkah pertama ke arah peningkatan Pendidikan Agama di negeri Johor, kerajaan negeri telah bersetuju menubuhkan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor di Kluang, Johor pada tahun 1988 (<http://www.smakjkluang.org/sejarah.html>).

Latar belakang SMA yang berteraskan pendidikan Islam dan bahasa Arab menjadikan asas kepada penyelidik untuk menjalankan kajian ini. Setelah hampir 17 tahun SMA ditubuhkan, hasrat untuk melahirkan pelajar yang benar-benar mahir dan menguasai pengkhususan Balaghah sepenuhnya masih belum tercapai. Hanya segelintir pelajar yang betul-betul berminat untuk mempelajarinya dan seterusnya melanjutkan pengajian di peringkat tinggi dalam bidang tersebut. Manakala sebahagian yang lain lebih berminat untuk menyambung pengajian di luar bidang Balaghah.

Menurut Sharifah Alwiyah (1984:96), minat merupakan daya penggerak kepada seseorang untuk memberi perhatian kepada seseorang yang lain, benda, kegiatan dan sebagainya. Ini menunjukkan kepada kita bahawa aspek minat menjadi peranan utama dalam memupuk para pelajar agar suka terhadap Balaghah khususnya dan bahasa Arab amnya sekaligus dapat membantu mereka menguasai ilmu ini.

## **1.2 PERNYATAAN MASALAH**

Pengajian ilmu retorik Arab telah lama diperkenalkan kepada para pelajar aliran agama di Malaysia melalui institusi-institusi pendidikan agama di seluruh negara. Bermula dengan sistem pendidikan pondok yang menawarkan pendidikan agama dan Arab yang bersifat tradisional. Cara pembelajaran '*talaqqi*' iaitu dengan membaca kitab-kitab lama bersama guru ini telah melahirkan ramai tokoh ulama yang tersohor seperti Tok Kenali dan Sheikh Daud Fatani yang bukan sahaja alim dalam ilmu agama, tetapi di dalam ilmu bahasa Arab juga.

Dewasa ini, sistem pengajian agama telah berkembang maju seiring dengan perkembangan sistem pendidikan negara. Melalui sukatan Kementerian Pelajaran Malaysia, ilmu retorik Arab atau Balaghah telah diperkenalkan asas pembelajarannya di dalam mata pelajaran Bahasa Arab diperingkat Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Manakala bagi peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Balaghah merupakan satu subjek yang tersendiri tanpa diselitkan di dalam subjek Bahasa Arab.

Pelajar-pelajar khususnya yang mengambil mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi (BAT) yang mengandungi komponen ilmu retorik Arab di sekolah-sekolah menengah agama (SMA) kerajaan Johor rata-rata menunjukkan kecemerlangan khususnya dalam peperiksaan mata pelajaran tersebut. Walau bagaimanapun, rata-rata mendapati bahawa para pelajar lemah dalam menguasai ilmu retorik Arab terutama apabila mereka mengikuti kursus ini di peringkat universiti. Kebanyakan pensyarah dalam bidang ini dan berdasarkan kepada pengalaman penyelidikan sendiri mendapati mereka agak lemah dalam penguasaan bidang ini. Asas ini telah mendorong kajian ini dilakukan bagi mengetahui tentang keberkesanan dan kemampuan pelajar dalam bidang ini di peringkat menengah sebagai peringkat terawal yang menawarkan pembelajarannya kepada pelajar sebelum menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Secara keseluruhannya, kajian yang bakal dilaksanakan ini bertujuan untuk melihat penguasaan pelajar Sekolah Menengah Agama (SMA) Kerajaan Johor terhadap bahasa Arab khususnya ilmu retorik Arab atau dikenali dengan Balaghah.

Manakala secara khususnya pula, objektif kajian ini adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

- 1.3.1 Mengetahui persepsi dan pengetahuan pelajar terhadap pengajian ilmu retorik Arab.

- 1.3.2 Mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran ilmu retorik Arab.
- 1.3.3 Mengenal pasti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran ilmu retorik Arab dalam kalangan pelajar dan pengaplikasian ilmu ini dalam gaya bahasa mereka.

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Berteraskan kepada objektif kajian yang dijalankan, penyelidik berharap dapat menjawab persoalan-persoalan yang berikut:

- 1.4.1 Bagaimanakah persepsi dan pengetahuan pelajar terhadap pengajian ilmu retorik Arab?
- 1.4.2 Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dalam pembelajaran ilmu retorik Arab?
- 1.4.3 Sejauh manakah keberkesanan pengajaran dan pembelajaran ilmu retorik Arab dalam kalangan pelajar dan sejauh manakah pengaplikasian ilmu ini dalam gaya bahasa mereka ?

#### **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui tahap penguasaan para pelajar terhadap ilmu retorik arab ini. Kajian ini juga adalah untuk melihat bagaimanakah persepsi pelajar terhadap mata pelajaran ini sama ada mereka meminatinya atau sebaliknya. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan pelajar tentang subjek ini serta sejauh mana pengaruh subjek tersebut terhadap kemahiran berbahasa mereka.

Secara umumnya, dapatan kajian berpotensi membantu pihak berkaitan terutama bahagian kurikulum bahasa Arab seperti pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) di Kementerian Pelajaran Malaysia, institusi pendidikan agama negeri terutamanya Jabatan Agama Johor (JAJ), yayasan pendidikan negeri dan lain-lain bagi memperkemaskan lagi tahap penguasaan pelajar dalam bidang ini.

Adalah diharapkan bahawa penyelidikan ini akan dapat dijadikan sumber rujukan oleh sekolah-sekolah berkenaan bagi mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh para pelajar dalam menguasai cabang ilmu ini. Dengan lahirnya kajian-kajian seperti ini, secara tidak langsung ia dapat membantu pihak sekolah khususnya dalam mempertingkatkan pencapaian para pelajar di dalam mata pelajaran Balaghah khususnya dan mata pelajaran Bahasa Arab amnya di dalam peperiksaan-peperiksaan samada di bawah kelolaan Jabatan Agama Negeri ataupun peperiksaan awam Kementerian Pelajaran Malaysia.

Selaras dengan itu juga, penyelidikan yang dilakukan ini dapat memberikan manfaat dan faedah kepada para guru yang mengajar mata pelajaran Balaghah dengan melihat kajian ini sebagai satu bentuk penilaian terhadap diri mereka. Dengan merujuk kepada analisis dan dapatan kajian, guru-guru boleh membuat perancangan dan melakukan pelbagai usaha yang bersesuaian ke arah mengekalkan reputasi mereka di samping mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, hasil kajian ini kelak diharapkan dapat memberi garis panduan terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran yang paling sesuai digunakan untuk mata pelajaran Balaghah terutama sekali di sekolah-sekolah menengah agama (SMA) sekaligus mampu untuk membangkitkan semangat para pelajar agar cintakan bahasa jannah tersebut secara amnya dan meminati mata pelajaran Balaghah secara khususnya. Ini akan dapat memudahkan proses pihak sekolah untuk mengatur rancangan dan strategi yang sesuai bagi mempertingkatkan penguasaan pelajar terhadap mata pelajaran Balaghah ke tahap yang paling maksimum berdasarkan kepada hasil serta dapatan kajian.

## **1.6 BATASAN DAN SKOP KAJIAN**

Penyelidikan ini hanya mengkaji perkara yang berkaitan dengan penguasaan ilmu retorik Arab yang terbatas kepada sampel yang hanya diambil daripada populasi di enam buah Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor (SMA) di seluruh negeri Johor iaitu :

- i) SMA Kerajaan Johor, Kluang.
- ii) SMA Kota Tinggi, Kota Tinggi.
- iii) SMA Maahad Pontian, Pontian.
- iv) SMA Maahad An-Nur, Pontian.
- v) SMA Bugisiah, Pontian.
- vi) SMA Al-Quran wa al-Din, Johor Bahru.

Sampel kajian yang dipilih adalah berdasarkan secara rawak kelompok iaitu melibatkan para pelajar tingkatan lima yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Maklumat mengenai kajian yang diperolehi daripada responden adalah berdasarkan maklum balas daripada soal selidik terhadap para pelajar (sampel) dari sekolah-sekolah tersebut.

## **1.7 DEFINISI TERMINOLOGI**

Di dalam kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini, terdapat beberapa perkataan atau istilah yang memerlukan penjelasan agar ia tidak menimbulkan salah faham mengenai maksud perkataan yang tersebut. Penjelasan terhadap maksud perkataan-perkataan tersebut adalah berdasarkan kepada tajuk kajian yang dilaksanakan iaitu:

**“Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama terhadap Pengajian Retorik Arab”.**

### **1.7.1 Penguasaan**

Menurut Kamus Dewan (1989:663,664), *penguasaan* membawa maksud perihal menguasai atau menguasai. Apabila dirujuk kepada kata akar bagi perkataan ini

iaitu *kuasa*, ia membawa maksud daya atau kemampuan (untuk melakukan atau mengerjakan sesuatu). Maka, perkataan penguasaan yang digunakan di sini ialah untuk menunjukkan perihal kemampuan untuk menguasai ilmu Balaghah yang dipelajari.

### **1.7.2 Pelajar**

Menurut Kamus Dewan (1989), *pelajar* didefinisikan sebagai orang yang belajar (seperti murid sekolah, penuntut di maktab dan sebagainya). Pelajar yang dimaksudkan di dalam kajian ini ialah pelajar-pelajar dari SMA. Terdapat dua jenis pelajar yang dimaksudkan di sini iaitu pelajar tingkatan empat dan tingkatan lima yang dipilih sebagai responden.

### **1.7.3 Retorik**

Istilah retorik menurut Kamus Dewan (1989) bermaksud pemakaian kata-kata indah (dalam pidato dan lain-lain), penggunaan kata-kata atau cara ucapan untuk mempengaruhi orang dan sebagainya. Retorik yang dimaksudkan oleh penyelidik adalah ilmu retorik Arab atau istilah yang digunakan di dalam bahasa Arab ialah Balaghah. Balaghah juga adalah salah satu kaedah yang penting di dalam kesusasteraan Arab.

## **1.8 KESIMPULAN**

Kajian ini adalah satu kajian yang akan memperlihatkan sejauh mana ilmu Balaghah ini dapat dikuasai oleh pelajar-pelajar sekolah agama. Pengajian yang bermula pada tingkatan empat ini adalah antara komponen pengajian bahasa Arab yang mesti diketahui oleh setiap penuntut bahasa Arab. Ini disebabkan kedudukannya sebagai satu ilmu yang boleh digunakan untuk membina dan memahami struktur ayat sastera

yang mementingkan kepada keindahan. Ilmu ini lebih diperlukan lagi apabila dikaitkan dengan gaya bahasa al-Quran dan hadis yang banyak menggunakan elemen-elemen balaghah. Sorotan kajian dalam bab seterusnya akan menonjolkan latar belakang ilmu ini, keistimewaan dan kepentingannya sebagai salah satu komponen dalam pengajian Arab.

## **BAB II**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.0 PENGENALAN**

Dalam bab ini, penyelidik akan membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan tajuk kajian. Antara perkara yang dihuraikan dalam bab ini ialah sejarah perkembangan ilmu retorik Arab di Malaysia, komponen retorik Arab dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), latar belakang Sekolah Menengah Agama (SMA) Kerajaan Johor, pengajaran dan pembelajaran ilmu retorik Arab, serta kajian-kajian lepas yang berkaitan mengenai pengajaran dan pembelajaran retorik Arab.

#### **2.1 PERKEMBANGAN ILMU RETORIK ARAB DI MALAYSIA**

##### **2.1.1 Latar Belakang Bahasa Arab**

Tiada bukti yang jelas mengenai kemunculan bahasa Arab. Hanya terdapat teori yang menyatakan bahawa bahasa Arab berasal dari bahasa Babylon. Teori ini berdasarkan kepada beberapa persamaan di antara bahasa Arab dengan bahasa Babylon. Menurut Osman Khalid (1987:36), kedua-dua bahasa ini mempunyai persamaan dari segi tanwin, huruf-huruf pengganti, penggunaan huruf kepada tanda-tanda majmuk dan tanda-tanda baris di akhir perkataan. Persamaan ini menjadi dasar yang menganggap bahasa Arab merupakan bahasa yang berasal dari Babylon.



Disebabkan persamaan yang lahir inilah maka para cendekiawan berpandangan bahawa bahasa Arab merupakan bahasa yang berasal dan wujud dari bahasa Babylon. Namun yang demikian, sehingga kini pendapat tersebut masih lagi dipersoalkan kesahihannya kerana ia dianggap sebagai teori semata-mata sahaja. Di samping itu juga, bahasa Arab dikatakan mengalami pertembungan dengan bahasa-bahasa lain di dunia atas dasar sikap masyarakat Arab itu sendiri yang mana mereka suka hidup secara berpindah randah dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Mungkin disebabkan sikap mereka tersebut maka bahasa ini dianggap terpengaruh atau pun mempengaruhi bahasa-bahasa lain di dunia semasa proses perpindahan itu berlaku. Oleh itu maka berkemungkinan besar juga bahasa Arab ini bukan sahaja telah dipengaruhi bahasa Babylon semata-mata bahkan bahasa-bahasa lain yang terdapat di dunia.

Bahasa Arab merupakan suatu bahasa yang sangat unik serta mempunyai ciri-ciri tersendiri jika hendak dibandingkan dengan bahasa-bahasa yang lain di dunia. Ia juga merupakan bahasa yang tertua di dunia dan juga tidak pernah sekali pun mengalami sebarang bentuk perubahan atau pengubahsuaian seperti yang berlaku dalam lain-lain bahasa. Menurut Zainal Abidin (1983:13), asal usul bahasa Arab adalah dari rumpun keturunan Sam iaitu anak Nabi Nuh yang dikenali dengan bahasa *Samiyah*. Bahasa Arab juga dikatakan dipengaruhi oleh bahasa asing kerana sikap orang-orang Arab suka hidup berpindah randah. Namun begitu kesahihannya masih lagi dipertikaikan.

Bahasa Arab mendapat pengiktirafan sebagai bahasa ilmu serta bahasa peradaban Islam sejak kira-kira 14 kurun yang lalu dan ia juga merupakan bahasa tertua yang tidak mengalami sebarang bentuk perubahan atau penambahan mahu pun kekurangan. Pandangan lain pula menyatakan sesungguhnya bahasa Arab berkembang berdasarkan kepada dua bentuk dialek yang utama. Pertama, dialek yang digunakan oleh keturunan Adnani yang mendiami di bahagian utara Semenanjung Tanah Arab manakala bentuk yang kedua pula digunakan oleh keturunan *Qahtan* iaitu golongan Arab yang menetap di bahagian selatan semenanjung yang sama.

Menurut Ismail Hamid (1982), kedua-kedua dialek tersebut mengandungi ciri-ciri istimewa yang tersendiri serta berbeza antara satu dengan yang lain. Beliau juga menyatakan bahawa bahasa Arab yang diguna pakai di dalam al-Quran iaitu bahasa Arab *fusha* merupakan bahasa Arab yang diiktiraf dan diperakui penggunaannya. Pandangan beliau menunjukkan kepada kita bahawa bahasa Arab bukanlah calang-calang bahasa jika hendak dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain di dunia ini kerana ia mempunyai unsur klasik tersendiri yang masih kekal dan diguna pakai sehingga ke hari ini.

Selain daripada itu, bahasa Arab baku dan bahasa ilmu hanya digunakan sebagai bahasa pengantar di dalam pembelajaran di kelas dan tidak mengandungi perkataan-perkataan bahasa pasar. Ini adalah kerana bahasa Arab baku mempunyai peraturan dalam penuturannya berbanding dengan bahasa Arab pasar. Perkataan-perkataan yang digunakan di dalam bahasa Arab baku adalah mengikut kaedah-kaedah nahu yang betul dan rapi (Al-Khuli, 1982).

Secara keseluruhannya, bahasa Arab terdiri daripada 28 huruf dan kebanyakan huruf-huruf tersebut akan berubah bentuk bergantung kepada kedudukannya di dalam perkataan atau ayat sama ada di awal, di tengah atau di akhirnya. Proses penulisan bahasa Arab juga berbeza dengan penulisan bahasa-bahasa lain di mana ia dimulakan daripada bahagian kanan ke bahagian kiri. Selain itu juga, bahasa Arab mengandungi tanda baris yang terdiri daripada tiga simbol iaitu *fathah* (atas), *dhammah* (depan) dan *kasrah* (bawah). Baris-baris tersebut dicipta bertujuan untuk mewakili bunyi yang berbeza bagi setiap sebutan dan sebutan yang berlainan mempunyai maksud berbeza walaupun hurufnya adalah sama (Osman Khalid, 1987:36).

### **2.1.2 Sejarah Perkembangan Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia**

Adalah menjadi satu hakikat yang tidak dapat disangkal bahawa bahasa Arab dan penyebarannya berkait rapat dengan perkembangan Islam. Bahasa Arab yang tersebar luas di Semenanjung Tanah Arab sendiri adalah bernadikan Islam.

Walaupun terdapat fakta-fakta sejarah yang menunjukkan bahawa bahasa Arab tersebar hasil dorongan aktiviti-aktiviti perdagangan di Kota Mekah khususnya, namun sumbangan faktor perdagangan dalam konteks ini jauh lebih kecil berbanding dengan sumbangan dan kejayaan Islam yang bukan sahaja membawa bahasa Arab bersamanya merentasi serata dunia malahan berjaya mengarabkan (*ta'rib*) sebilangan besar bangsa dan negara jiran semenanjung Arab (Abdul Rahim Ismail, 1994: 38).

Sehingga kini, para sarjana tempatan masih tidak dapat memastikan dengan tepat akan tarikh kedatangan bahasa Arab ke Tanah Melayu. Namun, kedatangan Islam menandakan bukti kedatangan bahasa Arab kerana kedua-duanya tidak dapat dipisahkan, bahkan ia saling melengkapi antara satu dengan yang lain. Tanpa bahasa Arab sebagai wahana (*wasilah*), Islam tidak akan dapat disebar, dan tanpa Islam sebagai kandungan (*maudhu'*), bahasa Arab tidak akan dapat dikembangkan (Munif Zariruddin Fikri Nordin, 1998).

Sejarah juga telah merumuskan bahawa kedatangan dan penyebaran agama Islam di Tanah Melayu seringkali dihubungkan dengan Aceh. Penyebaran ini berlaku melalui Kedah, Terengganu dan Melaka (Mohd Nazri, 1998:2). Ini mungkin disebabkan Aceh suatu ketika dahulu merupakan satu kawasan yang terkenal pusat pengajian agama Islam yang terkemuka di rantau Asia Tenggara. Di samping itu, sebagai pusat pengajian Islam yang terkenal, Aceh telah banyak melahirkan golongan cendekiawan dan para ilmuan Islam dalam pelbagai bidang.

Batu Bersurat Terengganu atau Prasti Terengganu yang dijumpai di tebing Sungai Tresat, Kuala Berang, Ulu Terengganu pada tahun 1902 Masihi bersamaan 1320 Hijrah, menggambarkan sejarah bermulanya pertapakan Islam di Tanah Melayu. Menurut analisis yang dijalankan oleh ahli-ahli sejarah, tarikh yang tercatat di batu bersurat itu ialah 702 H/1303 M. Batu bersurat itu merupakan rekod sejarah mengenai pertapakan Islam di Malaysia. Menurut Abdullah Ishak (1995:122) pula, batu bersurat tersebut ditemui pada tahun 1899 Masihi. Batu tersebut bertulisan jawi yang menerangkan secara ringkas hukum-hukum Islam, bertarikh 4 Rejab 702 Hijrah. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, tarikh tersebut bersamaan dengan 22 Februari tahun 1303 Masihi. Manakala Harrison melaporkan pada batu tersebut terdapat tulisan Arab, tarikhnya bersamaan tahun 1326 atau 1386 Masihi.

Dengan terdapatnya penemuan batu bersurat ini, jelas menunjukkan bahawa bahasa Arab telah mempengaruhi bahasa dan penulisan orang-orang Melayu sejak dari mula kedatangan Islam lagi. Ini kerana, pendidikan agama Islam tanpa diiringi pengajian bahasa Arab akan menyebabkan ilmu yang dipelajari akan tempang dan tidak sempurna.

Selain daripada batu bersurat, terdapat juga bukti-bukti lain yang menandakan kedatangan Islam dan bahasa Arab ke Tanah Melayu. Di Kelantan, sekeping “wang dinar” telah ditemui pada tahun 1914 Masihi. Di sebelah muka hadapan wang tersebut terdapat perkataan *al-Mutawakkil* yang bertarikh 577 Hijriyyah bersamaan 1161 Masihi dengan menggunakan angka Arab. Di Pahang pula terdapat sebuah batu nisan di Teluk Cik Munah, Permatang Pasir, Pekan, Pahang. Pada nisan tersebut, terdapat ayat-ayat al-Quran dan syair-syair Arab di samping terdapat catatan si mati meninggal dunia pada waktu subuh, hari Rabu, 14 Rabiul Awal, tahun 419 Hijriyah (Abdullah Ishak, 1995:122).

Di samping itu juga, Ishak Mohd Rejab di dalam karya suntingan Ismail Ab. Rahman (1992:225) menyatakan bahawa bahasa Arab sememangnya dipercayai telah mula diperkenalkan dan digunakan oleh penduduk di rantau ini sejak lama dahulu dan berkemungkinan besar kedatangannya bersama-sama kedatangan Islam. Ini adalah sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini, tiada rekod yang jelas menunjukkan bilakah permulaan pembelajaran bahasa Arab di Tanah Melayu. Menurut beliau lagi, perkembangan bahasa Arab adalah amat menggalakkan jika dilihat kepada sistem pendidikan lama sehinggalah sistem pendidikan moden hari ini.

Proses pembelajaran bahasa Arab lebih teratur dan sistematik dari masa ke semasa bermula sejak sistem pengajian pondok pada abad ke-19 dan proses tersebut berterusan hingga sekarang melalui sistem persekolahan, tidak kira sama ada yang ditadbirkan secara langsung oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan-Jabatan Hal Ehwal Agama Islam atau yang diuruskan oleh orang persendirian yang berpengetahuan tinggi dengan bantuan kerajaan persekutuan. Dari jumlah pelajar yang sedikit satu ketika dahulu, kini segala-galanya telah berubah dan bertambah sehingga ratusan ribu orang pelajar. Lihat sahajalah betapa pesatnya proses

perkembangan bahasa Arab ke atas penduduk di Malaysia khususnya dan juga di negara-negara lain amnya.

Sejarah juga telah menyatakan bahawa selepas kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu, sekolah agama yang dipanggil madrasah mula dibina. Madrasah tersebut telah ditubuhkan adalah bertujuan untuk menyaingi sekolah vernakular yang diperkenalkan oleh orang-orang Inggeris. Madrasah yang ditubuhkan merupakan sekolah agama yang moden, lebih kemas dan teratur (Ee Ah Meng, 1999:7).

Manakala menurut Abdullah Jusuh (1989:29), tujuan utama penubuhan sekolah ini adalah disebabkan masyarakat Islam bimbang akan pengaruh Kristian yang bakal menular ke dalam pemikiran anak-anak mereka dengan tertubuhnya sekolah vernakular. Tambah beliau lagi, golongan muda iaitu golongan *Islah* merupakan nadi penggerak kepada penubuhan madrasah ini. Secara dasarnya, madrasah ini masih lagi menerapkan pembelajaran bahasa Arab sebagai salah satu mata pelajaran yang perlu diambil oleh para pelajar. Terdapat juga sebahagian sekolah yang menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar utama mereka.

### **2.1.3 Perkembangan Pengajaran Retorik Arab di Malaysia**

#### **2.1.3.1 Pengenalan kepada Retorik Arab/Balaghah**

Balaghah memberi makna yang agung dan jelas, dengan ungkapan yang benar dan fasih, memberi bekas yang berkesan di lubuk hati, dan sesuai dengan situasi, keadaan dan orang-orang yang diajak bicara. Ilmu Balaghah ditakrif oleh kalangan ahli bahasa sebagai:

تأدية المعنى الجليل واضحا بعبارة صحيحة فصيحة, لها في أثر  
 خلاب, مع ملائمة كل كلام للمواطن الذي يقال فيه, والأشخاص  
 الذين يخاطبون.

*“Melaksanakan makna yang unggul lagi jelas, dengan ibarat yang betul lagi lancar, ianya memberi kesan tarikan yang mendalam kepada diri seseorang, beserta keseuaian setiap ucapan yang dilafazkan dengan tajuk perbincangan, di samping*

*berseuaian dengan orang yang ditunjukkan percakapan itu.*” (Ali al-Jarim dan Mustapa Amin 1951: 8).

Secara ilmiah, Balaghah merupakan suatu disiplin ilmu yang berlandaskan kepada kejernihan jiwa dan ketelitian dalam menghayati keindahan dan penjelasan perbezaan yang samar di antara pelbagai ungkapan. Pada kebiasaannya, kajian Balaghah ini merupakan pokok utama dalam membentuk bahasa kesusasteraan dan menggiatkan kembali beberapa bakat yang terpendam. Untuk mencapai tingkatan itu, seseorang itu haruslah membaca karya-karya sastera, menganalisis dan membandingkan karya-karya sastera dan harus memiliki kepercayaan pada diri sendiri sehingga mampu menilai baik dan buruk terhadap sesuatu karya sastera sesuai dengan kemampuannya.

Ahli-ahli bahasa menyamakan Balaghah dengan retorika. Gorys Keraf dalam bukunya *Diksi dan Gaya Bahasa*, seperti mana yang tercatat dalam karya Siti Saudah Haji Hassan (1999: 43), mendefinisikan retorika sebagai satu istilah tradisional bagi teknik perhiasan bahasa sebagai seni percakapan atau penulisan dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan atau sebagai suatu metod yang tersusun yang menjadi panduan dalam pembinaan ayat untuk mempengaruhi sikap dan perasaan orang.

Unsur-unsur Balaghah adalah kalimah, makna dan susunan kalimah yang memberi kekuatan, pengaruh dalam jiwa dan keindahan serta ketelitian dalam memilih kata-kata dan uslub sesuai dengan tempat bicaranya, waktunya, temanya, keadaan para pendengarnya, dan emosional yang dapat mempengaruhi dan menguasai mereka. (Ali al-Jarim dan Mustafa Amin, 1998).

Menurut Abdul Kadir Hussain di dalam karya Salmah Hj. Ahmad (1999:15), ilmu Balaghah merupakan suatu ilmu yang menarik kerana ia melengkapkan percakapan seseorang dengan perkataan, makna dan gaya bahasa yang indah sepertimana yang kita dapat rumuskan daripada definasi berikut, iaitu ilmu yang membicarakan cara memilih rangkai kata yang jelas maknanya dan menyusunnya dengan cara yang indah serta menggunakan perkataan-perkataan yang sesuai dengan tujuan yang dikehendaki.

Ilmu Balaghah ini pula terdiri daripada tiga pecahan ilmu yang membicarakan penggunaan bahasa dari sudut yang berbeza-beza. Pecahan tersebut ialah ilmu Ma'ani, ilmu Bayan dan ilmu Badi'. Pengertian bagi ilmu Ma'ani menurut Abd Kadir dalam karya Salmah Hj Ahmad (1999: 16), ialah ilmu yang mengkaji keadaan perkataan atau lafaz dari penyesuaiannya dengan tujuan yang dikehendaki. Antara aspek yang dibahaskan di dalam ilmu ini ialah *al-khabar*, *al-insya'*, *uslub al-amr*, *al-nahy*, *al-istifham*, *al-nida*, *al-fasl*, *al-wasl*, *al-tawkid*, *al-ijaz*, dan *al-itnab*.

Ilmu Bayan pula ialah satu disiplin yang berfungsi menyatakan kehendak dalaman individu yang menepati kehendak yang diluahkan dan semestinya bersesuaian dengan keadaan, melalui pelbagai gaya bahasa dan penjelasan yang dapat difahami oleh penerima secara aqli atau logik. (Siti Saudah Haji Hassan, 1999 :43). Ilmu Bayan juga bertindak sebagai asas untuk membasmikan kecacatan makna dan ayat. Tegasnya, kemantapan ilmu Balaghah terletak kepada kejituan ilmu Bayan. Ia seterusnya membantu dalam memantapkan bahasa supaya kekal dengan keindahannya. Skop perbahasannya pula merangkumi aspek *tasybih*, *majaz*, *isti'arah*, dan *kinayah*.

Ilmu Badi' pula ialah ilmu untuk mengetahui kepelbagaian cara memperindah perkataan selepas menentukan kesesuaiannya dengan keadaan dan kejelasan maknanya. Cara-cara ini terbahagi kepada dua bahagian, pertama, penghias lafaz yang dinamakan *al-muhassinat al-lafziyyah* dan yang kedua, penghias makna yang dinamakan *al-muhassinat al-maknawiyah*. (Ahmad Hifni Muhammad Ali 1999: 129) dua bahagian yang di sebut di atas juga adalah skop perbahasan bagi ilmu ini.

Masyarakat Arab Jahiliyyah mempunyai kedudukan yang tinggi dari segi Balaghah dan Bayan. Sebagaimana yang digambarkan oleh al-Quran. Begitu juga, mereka ini suka berbantah-bantah dan mempunyai dalil-dalil yang agak kukuh serta kuat. Antara contohnya, mereka ingin mengajak kaum mereka untuk melawan al-Quran dari segi Balaghah. Seruan itu dengan jelas, menunjukkan bahawa mereka diberi kefasihan atau kelebihan dan kekuatan menggunakan ayat-ayat Balaghah. Diriwayatkan bahawa Al-Walid bin al-Mughirah, iaitu salah seorang yang

menentang Rasulullah, apabila beliau mendengar sesetengah daripada ayat al-Quran, beliau berkata:

*“Demi Allah, sesungguhnya aku telah mendengar beberapa ayat daripada Muhammad yang mana ia bukan daripada perkataan seorang manusia atau Jin, ia sangat indah dan berbunga-bunga.”* (Syauqi Dhaif, 1965).

### **2.1.3.2 Sejarah Kelahiran dan Perkembangan Retorik Arab**

Setiap ilmu dalam dunia ini bermula secara kecil-kecilan dan lama-kelamaan ia bertambah dan meluas. Pada peringkat pertama, ilmu Balaghah bermula dalam bentuk kritikan sahaja. Memandangkan selagi ada penulis, penyair dan pemedato, semestinya terdapat mereka yang mengkritik dan menilai, sama ada pro atau kontra. Kemudian setiap pengkritik dan penilai akan mengemukakan sebab sokongan atau penolakan, dengan kata lain, kenyataan sebab pro dan kontra mereka. Kritikan sastera ini didapati berlaku semenjak zaman Jahiliyyah lagi. Antara amalan orang Arab dahulu ialah mengunjungi pasar 'Ukaz bagi mendeklamasikan syair-syair, yang kemudiannya diadili oleh penyair-penyair terkemuka yang lain, khususnya mereka yang dipercayai dan diakui kemampuan mereka seperti al-Nabighah al-Zubayni. (Sohair Abdel Moneim Sery, 1999:7).

Ilmu Balaghah boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Maani, Bayan dan Badi'. Ilmu-ilmu ini bukannya timbul atau muncul secara serentak tetapi telah mengalami peringkat demi peringkat dengan pelbagai tahap dan zaman. Apabila berlaku banyak pembukaan-pembukaan ibu kota Islam yang menyaksikan ramai manusia menerima ajaran Islam, maka berlakulah pencampuran antara orang-orang Arab dengan bangsa-bangsa lain. Penduduk tempatan dari pelbagai bangsa dan etnik telah mula bergaul dengan orang-orang Arab sama ada dari segi politik, ekonomi, sosial, bahasa dan sebagainya.

Percampuran ini memberi kesan yang amat mendalam kepada penggunaan bahasa dan gaya bahasa Arab. Kesilapan dan kejanggalan banyak berlaku dari sudut gaya bahasa yang digunakan. Walaupun dituturkan dalam bahasa Arab tetapi kesan-



kesan daripada bahasa tempatan asal mempengaruhi sebutan, gaya bahasa, slang dan lain-lain. Ini ditambah pula dengan kesilapan membariskan perkataan dari struktur ayat. Jadi kesalahan-kesalahan dari sudut Nahu, Saraf dan gaya bahasa banyak didapati dengan meluas. Para ulama bahasa telah berusaha untuk memperbaiki keadaan ini dengan mengemaskini kedudukan bahasa Arab menyebabkan lahirnya ilmu-ilmu yang bertujuan memperkukuhkan Bahasa Arab. Antaranya ialah ilmu Bahasa, Nahu dan Saraf. Selepas itu, barulah timbul usaha-usaha untuk memperkembangkan gaya bahasa termasuk dari sudut keindahan yang membuka jalan kepada ilmu al-Balaghah.

Buku yang paling awal dapat dikesan berkaitan dengan Balaghah iaitu dalam ilmu al-Bayan yang dinamakan dengan kitab *Majaz al-Quran* pengarangnya ialah Abu Ubaidah Muammar bin al-Muthanna (wafat pada tahun 206 H). Buku ini dikarang oleh beliau sebagai menjawab pertanyaan yang dikemukakan kepada beliau semasa berada dalam majlis al-Fadli bin Ibnu al-Rabi' iaitu Gabenor Basrah pada masa pemerintahan Al-Makmun bin Harun al-Rasyid. Soalan yang dikemukakan kepada beliau adalah berkaitan dengan pokok *zaqqum* seperti yang diceritakan oleh Allah dalam al-Quran :

طَلْعَهَا كَأَنَّهٗ رُءُوسُ الشَّيَاطِينِ

Terjemahannya : *Buahnya seolah-olah kepala syaitan.*

(Surah al-Saffat, 37:65)

Persoalannya: Bagaimanakah diumpamakan mayang pokok tersebut dengan kepala syaitan, sedangkan tiada siapa pun mengenalinya. Sepatutnya tasybih dilakukan dengan sesuatu yang dikenali untuk memperjelaskan sesuatu perumpamaan. Abu Ubaidah menjawab : Perkara ini sama dengan apa yang telah dinyatakan oleh Umru al-Qais dalam syairnya :

أَيَقْتَلْنِي وَالْمَشْرِفِي مَضَاجِعِي \* وَمَسْنُونَةَ زُرْقٍ كَأَنْيَابِ أَغْوَالِ

Maksudnya : *Adakah dia nak membunuhku, sedangkan pedang al-Masyrafi ku jadikan sebagai bantal. Dan begitu jua mata-mata tombok yang tajam seperti taring-taring jembalang.*

Beliau menyatakan : *Musyabbah bih* dalam ayat ini juga tidak jelas dan tidak dikenali. Tetapi tujuan perumpamaan ini dibuat adalah untuk menggambarkan musyabbah dalam gambaran yang buruk dan menakutkan. Sebab itulah Abu Ubaidah terus menulis mengenai perkataan-perkataan ayat dalam al-Quran yang tidak membawa maksud asal perkataan, tetapi yang tersirat di sebalik perkataan tersebut. Setelah selesai, karya ini dinamakan dengan *Majaz al-Quran*.

Adapun ilmu al-Maani tidak dapat diketahui dengan tepat siapa yang memulakannya, tetapi lahir daripada beberapa orang penulis dan pemidato berwibawa seperti Jaafar bin Yahya (salah seorang menteri di zaman Harun al-Rasyid) dan Sahl bin Harun (penyair Parsi penjaga al-Hikmah pada zaman Al-Makmun). Mereka mengeluarkan kata-kata yang berteraskan kepada ilmu Maani, tetapi tidak secara langsung. Orang yang mula-mula menghasilkan karya dalam bidang ini ialah Amru bin Bahr Al-Jahiz (wafat pada tahun 255 Hijrah). Antara karya beliau ialah *al-Bayan wa al-Tibyan*, *Ijaz al-Quran* dan lain-lain. Langkah ini diikuti oleh sarjana-sarjana selepasnya seperti Abu Abbas al-Mibrad (wafat pada 285 H). Pengarang buku *al-Kamil*, Qudamah bin Jaafar (wafat pada 337 H), pengarang buku *Naqd al-Syair*.

Sementara dalam ilmu al-Badi', banyak penulis-penulis yang menghasilkan buku masing-masing. Orang yang pertama menulis buku yang khusus dalam ilmu ini ialah Abdullah bin Al-Mu'taz (khalifah Abbasiyyah wafat tahun 296 H). Penyair yang datang kepada beliau banyak membawa kepelbagaian elemen dalam ilmu al-Badi' dalam syair-syair mereka seperti Bisyar bin Bard, Muslim bin al-Walid, Abu Tamam dan lain-lain. Ibnu Mu'taz telah mengumpul semua syair ini dalam tujuh belas jenis. Orang yang turut membantunya ialah Qudamah bin Jaafar yang berjaya mengumpul sebanyak dua puluh jenis lagi dan diselaraskan dengan Ibnu Mu'taz hinggalah mereka menetapkan sebanyak tiga puluh jenis iaitu had maksimum yang terkumpul pada masa itu. Zaman berikutnya ditambah lagi oleh penulis-penulis lain seperti Abu Hilal al-Askari (wafat 395 H), Ibnu Rasiq al-Qairawani (wafat 463 H) pengarang *al-'Umdah*.

Ketiga-tiga ilmu ini iaitu Bayan, Maani, Badi' masih dianggap sebagai ilmu yang berlainan dan tidak disatukan dalam tempoh tertentu hinggalah akhirnya

dijadikan sebagai satu ilmu iaitu al-Balaghah oleh Abdul Qahir al-Jurjani (wafat tahun 471 H). Beliau telah menghasilkan dua karyanya yang agung dalam Balaghah iaitu *Dalail al-Ijaz* dan *Asrar al-Balaghah*. Begitu juga dengan Abu Yaakub al-Sakaki (wafat tahun 626 H) yang membahaskan ketiga-tiga jenis ilmu Balaghah ini dalam bukunya yang masyhur sebagai *Miftah al-Ulum*. Kesimpulannya, antara individu yang memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan ilmu ini ialah:

- Abu 'Ubaydah, Ma'mar bin Muthanna (meninggal 211H), dengan bukunya *Majaz al-Quran*
- Abu 'Uthman 'Amru bin Bahr, al-Jahiz (meninggal 255H), dengan bukunya *al-Bayan wal-Tabyin* dan *I'jaz al-Quran*.
- 'Abdullah bin Muslim bin Qutaybah al-Daynuri (meninggal 275H), dengan bukunya *Ta'wil Mushkil al-Quran*.
- Abu al-'Abbas al-Mubarrid (meninggal 286H), dengan bukunya *al-Kamil fi al-Lughah wa al-Adab*.
- Abdullah bin al-Mu'taz (meninggal 296H), dengan bukunya *al-Badi'*.
- Qudamah bin Ja'far (meninggal 337H), dengan bukunya *Naqd al-Shi'ir*
- Abu Hilal al-'Askari (meninggal 395H), dengan bukunya *al-Sina'atayn*
- Abu Bakar Muhammad bin al-Tayyib al-Baqillani (meninggal 403H), dengan bukunya *I'jaz al-Quran*.
- Abu 'Uthman 'Amru bin Bahr, al-Jahiz (meninggal 255H), dengan bukunya *al-Bayan waal-Tabyin* dan *I'jaz al-Quran*.
- 'Ali bin bin 'Abd al-'Azizi al-Jurjani (meninggal 471H), dengan bukunya *Dala'il al-I'jaz* dan *Asrar al-Balaghah*.
- Mahmud bin 'Amr al-Zamakhshari (meninggal 538H), dengan bukunya *Asas al-Balaghah* dan lain-lain.
- Yusuf bin Abu Bakar al-Sakkaki (meninggal 626H), dengan bukunya *Miftah al-'Ulum*.
- Muhammad bin 'Abdullah bin Malik (meninggal 672H), dengan bukunya *Alfiyah*, dan tokoh-tokoh lain yang tidak dapat disebutkan.

Dengan berkat usaha mereka, Balaghah telah menjadi satu bidang ilmu yang tersendiri. Ia dianggap penting kepada sesiapa sahaja yang ingin menceburkan diri

dalam bidang bahasa dan sastera Arab. Bahkan ia menjadi kayu ukur kepada kebolehan ahli bahasa demi mencapai nilai ilmu yang hakiki. (Idris Abdullah 1999: ix).

### **2.1.3.3 Matlamat Mempelajari Retorik Arab**

Balaghah atau retorik Arab merupakan salah satu daripada elemen penting dalam bahasa Arab. Justeru adalah tidak lengkap bagi seseorang itu yang mempelajari bahasa Arab tanpa mempelajari semua elemen di dalamnya, termasuklah Balaghah. Menurut Abdullah Tahmim (1999:33), Bahasa Arab yang dipelajari itu sendiri tidak lengkap sekiranya ilmu Balaghah ini tidak ikut dipelajari, bahkan tujuan asal mempelajari bahasa Arab itu sendiri pun tidak kesampaian. Kita mempelajari bahasa Arab bukanlah sekadar untuk berkomunikasi dengan orang Arab, tapi untuk satu matlamat yang lebih mulia daripada itu, iaitu berkomunikasi dengan kitab Allah dan hadis-hadis Nabi Muhammad s.a.w. di samping itu, kita boleh menikmati dan menyaksikan sendiri mukjizat nabi yang dikatakan mukjizat terbesar dan berkekalan itu.

Dengan kata lain, mengecapi sendiri kecapan sebenar bahasa al-Quran. Dengan ilmu Balaghah itu, setiap makna tersirat di dalam gaya bahasa al-Quran yang tinggi itu dapat disingkapkan dan seterusnya maksud sebenar yang hendak disampaikan dapat difahami, dirasai dan dihayati dengan erti kata yang sebenar-benarnya. Ini semua mungkin tidak tercapai tanpa ilmu Balaghah.

Para ulama seperti yang kita sedia maklum mula membuat penyelidikan dan penelitian di bidang ini dengan tujuan mencari jawapan yang jelas terhadap pertanyaan-pertanyaan yang ditimbulkan oleh fitrah manusia tentang rahsia ketinggian dan kecantikan yang terdapat dalam bahasa. Kenapa ia boleh mempengaruhi jiwa dengan begitu kuat dan boleh menggerakkan perasaan yang terpendam dalam diri. Tidak syak lagi bahawa kemuncak ketinggian bahasa itu terdapat dalam bahasa al-Quran.

Oleh yang demikian, tidak keterlaluan andainya ditegaskan di sini bahawa kajian ilmu Balaghah sebenarnya dibuat dengan tujuan untuk mendekati al-Quran itu

sendiri, memahami, menikmati dan menghayatinya. Abdul Qahir al-Jurjani pernah menegaskan bahawa Balaghah itu merupakan satu bidang ilmu. Andainya bidang itu diterokai, akan dapati banyak kegunaan yang besar dan makna-makna yang sungguh mulia. Ilmu ini mempunyai kesan yang begitu mendalam dan faedah yang begitu agung dalam agama. Ilmu ini merupakan kata pemutus terhadap kata-kata yang dilemparkan terhadap al-Quran dan ia juga boleh membetulkan banyak kesilapan yang terdapat dalam penafsiran al-Quran. (Abdullah Tahmim, 1999:33)

Menurut Abd Qahir al-Jurjani di dalam karya Abdullah Tahmim (1999: 34) permasalahan *I'jaz al-Quran* merupakan pendorong utama para ulama mengkaji bahasa al-Quran dengan tujuan membuktikan kemukjizatnya, menyatakan kedudukan dan menjelaskan rahsia keindahan dan ketinggian.

Sohair Abdel Moneim Sery (1999:9) telah meletakkan lima matlamat pengajaran ilmu Balaghah ini. Matlamat tersebut ialah :

- i. Ilmu Balaghah membantu para pelajar mendalami serta menikmati keindahan pengisian sastera, ianya bukan hanya untuk memahami pengertian yang tersurat tetapi juga pengertian yang tersirat.
- ii. Menerusi ilmu Balaghah, seseorang itu boleh menemui rahsia keindahan seni serta mengetahui sumber kesannya ke atas jiwa.
- iii. Memahami maksud isi kandungan teks dan semua jenis kemahiran seni yang terdapat pada ahli sastera serta apa yang digambarkan dari jiwa dan emosinya.
- iv. Mematangkan daya atau citarasa kesusasteraan di kalangan para pelajar, di samping membolehkan mereka merasakan keindahan dan kegembiraan hasil daripada pembacaan sesebuah karya sastera agung. Ilmu ini juga membolehkan para pelajar mengarang karangan yang baik dengan mencontohi teks-teks yang boleh dikagumi.

- v. Membolehkan para pelajar menguasai kemampuan untuk membuat perbandingan antara para sasterawan serta menilai hasil karya mereka menurut seni Balaghah yang sebenar.

Manakala Abd Halim Ariffin (1999:3) pula menggariskan empat objektif pendidikan ilmu Balaghah didasarkan kepada pembelajaran ilmu ini di sekolah-sekolah:

- i) Menanam rasa cinta dan bangga terhadap bahasa Arab selaku bahasa al-Quran, bahasa ilmu dan bahasa antarabangsa.
- ii) Melatih pelajar menghayati keindahan bahasa melalui karya-karya sastera, sama ada prosa atau puisi.
- iii) Meneliti rahsia-rahsia al-Quran melalui keindahan gaya bahasanya dan seterusnya beriman dengan *unimatibility* atau *i'jaznya*.
- iv) Melatih pelajar mencontohi gaya bahasa Arab yang indah dan cuba menggunakannya di dalam percakapan dan penulisan mereka.

#### **2.1.3.4 Kesan Retorik Arab kepada Bahasa Melayu**

Satu lagi aspek pengaruh bahasa Arab terhadap bahasa Melayu ialah kemasukan ciri-ciri tatabahasa serta ilmu Balaghah ke dalam tatabahasa Melayu lama khususnya yang diperkenalkan oleh pendeta Za'ba. Ini kerana sebagai seorang daripada generasi lama, sudah tentu Za'ba mengetahui atau biasa dengan ilmu tatabahasa Arab dan hal ini mungkin dapat dieasakan dalam buku *Pelita Bahasa* karangan beliau (Osman Khalid, 1994:60).

Sebenarnya, banyak yang boleh dipetik daripada ilmu tatabahasa Arab untuk mengukuhkan pembinaan bahasa Melayu, terutamanya kalau diambil kira cara serta kaedah tulisan serta penggunaan ayat yang telah digunakan oleh generasi terdahulu. Sementara itu, ilmu Balaghah yang bertujuan untuk menggunakan gaya bahasa yang

indah serta bunga-bunga bahasa sudah tentu dapat memberi sumbangan ke arah meningkatkan mutu gaya bahasa serta pemilihan kata-kata yang bernas serta kaya dengan unsur-unsur keindahan untuk digunakan terutamanya dalam karya sastera. (Osman Khalid, 1994:60). Bagi membincangkan kesan retorik Arab atau Balaghah kepada bahasa Melayu, maka tidak boleh tidak kita perlu membincangkannya mengikut tiga pecahan ilmu di dalam Balaghah iaitu ilmu al-Maani, ilmu al-Bayan dan ilmu al-Badi'.

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, ilmu al-Ma'ani ialah ilmu yang mengkaji keadaan perkataan atau lafaz dari segi penyesuaiannya dengan tujuan yang dikehendaki. Perkara ini diutamakan juga dalam penuturan bahasa Melayu seperti kata Gorys Keraf seperti yang dicatatkan dalam karya Salmah Hj. Ahmad (1999:16) ketika membicarakan masalah pemilihan kata. Beliau menyatakan bahawa memilih kata-kata haruslah mempunyai erti untuk menyampaikan satu pendapat dan mengetahui cara menggunakan ungkapan yang tepat dalam sesuatu keadaan yang tertentu, dengan memilih kata-kata yang mampu membezakan kehendak-kehendak makna secara tepat dan meletakkan bentuk yang sesuai dengan keadaan dan perasaan masyarakat pendengar.

Satu contoh yang boleh diambil daripada ilmu al-Ma'ani ialah dalam tajuk *al-Kahabar wa al-Insya'*, di bawah *al-Insya' Talabi* iaitu *al-Amru* iaitu gaya bahasa perintah atau suruhan. Contoh yang boleh diambil di dalam firman Allah:

أَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ

Ertinya : *Dan dirikanlah sembahyang dan keluarkanlah zakat.*

(Surah al-Baqarah, 2: 43)

Penggunaan gaya bahasa seperti ini juga terdapat di dalam bahasa Melayu ketika menyusun ayat perintah. Menurut Nik Safiah Karim dalam karya Salmah Ahmad (1999:16), ia diertikan sebagai ayat yang diucapkan dengan tujuan untuk menimbulkan sesuatu tindakan. Perintah ditujukan kepada orang kedua. Contohnya: “tengoklah barang-barang ini.” dan “ambillah wang ini.”.

Menurut beliau lagi, persamaan ayat perintah bahasa Melayu dengan bahasa Arab tidak terbatas kepada penggunaan satu patah perkataan dalam bentuk kata perbuatan suruhan sahaja, bahkan dari segi keluarnya makna ayat perintah yang hakiki kepada makna yang lain. Makna yang bukan hakiki ini dapat difahami melalui susunan perkataan dan tanda-tanda yang menyertainya yang menampakkan kesamaannya. Ayat seperti ini dinamakan di dalam bahasa Melayu ayat seruan yang bermaksud ayat yang diucapkan dengan nada atau intonasi seruan untuk tujuan melahirkan suatu keadaan perasaan seperti takut, marah, takjub, geram, sakit dan sebagainya.

Dalam ilmu al-Bayan pula, jelas terdapat persamaan antara retorika Arab dengan bahasa Melayu. Perkara ini menunjukkan bahasa Melayu sememangnya terkesan daripada retorika Arab atau Balaghah. Contoh yang jelas yang dapat diambil dalam tajuk *majaz*. Menurut Abd al-Aziz dalam karya Siti Saudah Hassan (1999: 44) *Majaz* ialah memindahkan perkataan hakiki kepada bukan hakiki dan ia dapat difahami dengan adanya hubungan dan petunjuk.

*Majaz* ialah kata-kata yang digunakan tidak kepada pelakunya. Ia bertentangan dengan hakiki (kata benar). Sebagai contoh yang biasa ialah perkataan 'singa'. Ia biasanya digunakan untuk haiwan buas (hakiki), tetapi apabila ia digunakan untuk seseorang, ia merujuk kepada keberaniannya (*majaz*). Dengan kata lain, *majaz* ialah percakapan yang memberi faedah yang berlainan daripada maksud zahir penuturnya seperti :

1. Khalifah telah memakaikan ka'abah ( كسا الخليفة الكعبة )
2. Raja telah membina sekolah-sekolah ( بنى الأمير المدارس )
3. Raja mengalahkan tentera musuh ( هزم الملك جنود الأعداء )

Gaya bahasa *majaz* di atas menunjukkan bahawa bukan khalifah sendiri yang melakukan kerja memakaikan kelambu pada ka'abah, malah pekerjanya. Begitu juga, bukan raja yang membina sekolah dan mengalahkan musuh, malah tentera dan pekerjanya (Siti Saudah Hassan, 1999:45).



Za'ba dalam bukunya Ilmu Mengarang Melayu seperti yang disebutkan dalam karya Siti Saudah Hassan (1999:45) menyebut bahawa bahasa mencakupi sesuatu perkara dengan mengiaskan kepada pelbagai perkara lain melalui penggunaan bahasa kiasan. Gaya bahasa kiasan melambangkan ciri-ciri tersebut seperti raja membuka negeri. Sebenarnya bukan raja seorang sahaja yang membuka negeri, malah baginda bersama rakyatnya.

Daripada contoh-contoh yang dibawa jelas bahawa terdapat persamaan di antara Balaghah dengan bahasa Melayu dalam ilmu al-Bayan. Jelaslah bahawasanya retorik Arab sangat memberi kesan kepada bahasa Melayu.

Dalam ilmu al-Badi' juga jelas menunjukkan kesan Balaghah kepada bahasa Melayu sangat jelas. Contoh yang boleh diambil disini ialah dalam bahagian Penghias Lafaz (*al-Muhassinat al-Lafziyyah*), iaitu dalam tajuk *al-Jinas*. *Al-Jinas* menurut al-Hashimi dalam penulisan Ahmad Hifni Muhammad Ali (1999: 129), ialah persamaan pengucapan dua lafaz yang berbeza ertinya dan ia terbahagi kepada dua bahagian, iaitu *al-Jinas al-Tam* (Jinas yang sempurna) dan *al-Jinas al-Naqis* (Jinas yang tidak sempurna). *Al-Jinas al-Tam* ialah kesamaan dua perkataan dalam empat perkara, iaitu jenis huruf, barisnya, jumlah dan urutannya. Contohnya firman Allah :

ويوم تقوم الساعة يقسم المجرمون ما لبثوا غير ساعة

Maksudnya : *Dan ada hari terjadinya kiamat, bersumpahlah orang-orang yang berdosa; mereka tidak berdiam (dalam kubur) melainkan sesaat.*

Dalam ayat tersebut, perkataan *al-Sa'ah* diulang sebanyak dua kali. Perkataan yang pertama ertinya hari kiamat dan yang kedua adalah waktu.

Kalau dikaji dalam bahasa Melayu, bentuk-bentuk *jinas* yang sempurna (*al-Jinas al-Tam*) dan *jinas* yang tidak sempurna (*al-Jinas Ghayr al-Tam*) juga boleh didapati. Contoh-contoh *Jinas* yang sempurna ialah seperti “tanggal dua gigi saya tanggal dua” dan “tambang kapal tambang itu putus semua.” perkataan ‘tanggal’ yang pertama dalam contoh satu adalah kata kerja yang beerti tercabut sedangkan ‘tanggal’ yang kedua adalah tarikh, iaitu dua haribulan. Dalam contoh kedua pula,

tambang pertama beerti tali yang besar sedangkan tambang yang kedua ialah bahan galian (Ahmad Hifni Muhammad Ali, 1999:134).

Kesimpulannya, contoh-contoh bagi setiap bahagian dalam ilmu Balaghah yang telah dibawakan di atas sudah cukup menjelsaskan bahawa Balaghah sememangnya memberi kesan yang mendalam kepada bahasa Melayu. Perlu ditegaskan bahawa terdapat banyak contoh-contoh yang menunjukkan kesan Balaghah yang mendalam kepada bahasa Melayu, yang dijelaskan di sini hanya salah satu daripadanya sahaja.

#### **2.1.3.5 Perkembangan Pengajaran Balaghah di Malaysia**

Abdul Hakim Abdullah (2003:19) menyatakan di dalam tesisnya bahawa tiada bukti yang jelas tentang bilakah pengajaran Balaghah mula di perkenalkan di negara ini. Namun demikian, sekurang-kurangnya ilmu ini telah disentuh secara tidak langsung oleh guru-guru agama sejak terlaksana pendidikan secara pondok lagi. Ini memandangkan pelajaran-pelajaran seperti tafsir dan hadis yang dipelajari dengan lebih mendalam menerusi sistem pondok memerlukan kupasan dari aspek Balaghah semasa membuat tafsiran ayat atau penerangan hadis.

Pendapat ini jelas menerangkan kepada kita bahawa mata pelajaran Balaghah telah mula diajar sejak mula pengajaran Islam itu diajarkan kepada anak watan negara ini. Guru-guru pondok yang kebanyakannya mendapat pendidikan di Mekah juga menunjukkan minat yang mendalam terhadap Balaghah dan sastera khususnya puisi. Zaman keemasan sistem pondok di Kelantan iaitu sekitar awal abad ke-20, Balaghah turut dipelajari di pondok-pondok bersama dengan ilmu-ilmu agama, bahasa Arab dan ilmu yang lain.

Menurut Abdul Hakim Abdullah (2003:19) lagi, ilmu Balaghah telah diperkenalkan di negara ini sebagai satu mata pelajaran dalam kurikulum pendidikan Islam apabila terlaksananya sistem madrasah pada awal kurun ke 20. ini dapat dilihat dalam kurikulum beberapa madrasah seperti Madrasah al-Mashoor, Pulau Pinang yang diasaskan pada tahun 1914, al-Madrasah al-Saadiyah al-Salihiyah, Perak yang

diasaskan pada tahun 1914, Madrasah Muhammadiyah, Kota Bharu yang didirikan pada tahun 1917 dan Maktab Mahmud, Kedah yang dibina pada tahun 1937.

Pada hari ini, ilmu Balaghah merupakan satu pelajaran wajib bagi semua pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi apabila mereka memasuki tingkatan empat, lima dan enam di negara ini. Ia juga merupakan pelajaran yang wajib bagi mereka yang memilih jurusan pengajian Islam atau bahasa Arab di peringkat diploma atau ijazah di institusi pendidikan tinggi tempatan. Secara ringkasnya, pelajaran Balaghah telah diberikan kedudukan yang baik dalam kurikulum pendidikan Islam negara pada hari ini. Untuk keterangan yang lebih jelas tentang Balaghah di peringkat persekolahan, huraianya akan diterangkan dengan panjang lebar di bab seterusnya iaitu berkaitan dengan Balaghah dalam sukatan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

Di pusat-pusat pengajian tinggi amnya dan di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia khususnya, Balaghah ini diajar di peringkat ijazah pertama, sarjana dan doktor falsafah. Apa yang berbeza antara ketiga-tiga peringkat tersebut ialah isi kandungannya. Pada peringkat ijazah pertama, hanya kandungan Balaghah sahaja yang diajar, manakala di peringkat sarjana, diajar perkembangan ilmu Balaghah serta beberapa permasalahan mengenainya. Di peringkat doktor falsafah pula, diajar permasalahan dan isu-isu yang berkaitan dengan Balaghah serta cara mengatasinya (Idris Abdullah 1999:ix).

Secara keseluruhannya, tidak ada bukti yang jelas tentang bilakah pengajaran Balaghah mula diperkenalkan di Malaysia. Walau bagaimanapun, dipercayai bahawa ilmu ini mula diperkenalkan apabila sistem pendidikan pondok dilaksanakan di negara ini. Ini memandangkan pelajaran-pelajaran yang dipelajari menerusi sistem ini seperti tafsir dan hadis memerlukan kupasan daripada aspek Balaghah. Pada awal kurun ke-20, sistem pendidikan madrasah telah diperkenalkan. Dalam kurikulum pendidikan madrasah, ilmu Balaghah dengan jelasnya telah dijadikan satu mata pelajaran yang wajib di ambil oleh para pelajarnya.

## **2.2 RETORIK ARAB DALAM KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH (KBSM)**

Bahasa Arab dalam KBSM telah dibahagikan kepada dua jenis sukatan yang berbeza iaitu:

- i) Bahasa Arab Komunikasi (BAK)
- ii) Bahasa Arab Tinggi (BAT)


Kedua-dua mata pelajaran tersebut mempunyai matlamat dan kepentingan yang tersendiri. BAK adalah mata pelajaran tambahan yang ditawarkan untuk peringkat menengah rendah manakala sebagai mata pelajaran elektif bagi para pelajar peringkat menengah atas. BAT pula hanya dikhususkan kepada para pelajar di peringkat menengah atas dan ia tidak ditawarkan kepada para pelajar peringkat menengah rendah.

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pelajaran Malaysia telah menetapkan bahawa kedua-dua mata pelajaran tersebut mempunyai matlamat yang perlu dicapai. Matlamat bagi mata pelajaran BAT ialah untuk membolehkan para pelajar:

- i) Menguasai kemahiran-kemahiran bahasa ke arah memahami teks al-Quran, Hadis dan bahan-bahan rujukan Islam serta memahami kebudayaan Arab dan Islam.
- ii) Menggunakan bahasa Arab dalam pelbagai bentuk dan situasi komunikasi dengan bahasa yang lebih halus, di samping berminat untuk mendengar dan membaca bahan-bahan ilmiah dalam bahasa Arab serta menikmati keindahan susunan gaya bahasa itu.

Ilmu Balaghah diletakkan di bawah mata pelajaran BAT di peringkat SPM. Ia diajar secara bersepadu dengan komponen-komponen bahasa Arab yang lain yang merangkumi kemahiran-kemahiran bahasa, tatabahasa Arab, teks-teks kesusasteraan, kata-kata hikmah dan perumpamaan Arab dan perbendaharaan kata Arab.

Kedudukan Balaghah dalam silibus BAT di peringkat SPM dapat dilihat seperti di dalam rajah 2.2.



**Rajah 2.1** Kedudukan Balaghah dalam kurikulum Bahasa Arab Tinggi SPM.  
(Jabatan Pendidikan Islam dan Moral 2000: 3-13)

Kesemua komponen mata pelajaran BAT SPM disampaikan secara bersepadu menerusi penggunaan satu buku teks sahaja (Abd Halim Ariffin, 1999:2). Silibus mata pelajaran Balaghah di peringkat ini disediakan oleh JAPIM, KPM. Skop-skop dan kandungan mata pelajaran Balaghah di peringkat SPM ialah seperti yang diperlihatkan dalam jadual 2.1 di bawah:


**Jadual 2.1** : Kandungan mata pelajaran Balaghah di peringkat SPM. (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral 2000: 9)

Matlamat	Kandungan
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Fasahah al-Kalimah, al-Kalam, dan al-Mutakallim</i></li> <li>• <i>Al-Balaghah</i> dan ilmu-ilmunya.</li> </ul>

<p>Menjadi asas bagi menyuburkan kemahiran, penguasaan dan cita rasa terhadap bahasa Arab.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Al-Tasybih</i></li> <li>• <i>Al-Haqiqah wa al-Majaz</i></li> <li>• <i>Al-Isti'arah</i></li> <li>• <i>Al-Majaz al-Mursal</i></li> <li>• <i>Al-Kinayah</i></li> <li>• <i>Al-Uslub al-Khabariyy</i> dan <i>al-Uslub al-Insha'iy</i>.</li> <li>• <i>Al-Qasr</i></li> <li>• <i>Al-Saf</i></li> <li>• <i>Al-Jinas</i></li> <li>• <i>Al-Iqtibas</i></li> <li>• <i>Al-Tibaq</i></li> <li>• <i>Al-Muqabalah</i></li> </ul>
--	---

Di peringkat STPM pula, mata pelajaran Balaghah juga disepadukan dengan komponen-komponen mata pelajaran bahasa Arab yang lain dalam satu silibus. Kesemua komponen mata pelajaran bahasa Arab di peringkat STPM yang merangkumi sistem fonetik dan khat, tatabahasa dan morfologi Arab, kemahiran-kemahiran bahasa, kesusasteraan Arab dan Balaghah masing-masing mendokong satu set matlamat dan objektif yang sama.

Walau bagaimanapun, berbeza dengan Balaghah diperingkat SPM, mata pelajaran Balaghah di peringkat STPM menggunakan buku teks berasingan dengan buku-buku teks bagi komponen-komponen bahasa Arab yang lain. Buku teks yang disarankan untuk digunapakai untuk pengajaran Balaghah di peringkat STPM ialah buku yang berjudul *al-Mursyid fi Ilm al-Balaghah* yang disusun oleh Osman Khalid. Komponen-komponen mata pelajaran bahasa Arab di peringkat STPM ialah seperti yang ditunjukkan dalam rajah 2.3 di bawah.



**Rajah 2.2** Kedudukan Balaghah dalam Silibus Bahasa Arab STPM

Di peringkat ini, silibus dan peperiksaan dikelolakan oleh ahli Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Pada tahun 1999, silibus bahasa Arab di peringkat STPM telah dibuat rombakan dan pengubahsuaian oleh MPM dengan mewujudkan satu jawatan kuasa yang dipertanggungjawabkan untuk memantapkan lagi silibus bahasa Arab di peringkat STPM.

Ini disebabkan silibus yang digunakan dahulu dirasakan kurang mencapai matlamatnya dalam mengukuhkan keupayaan dan kemahiran bahasa Arab di kalangan para pelajar yang mengikuti pembelajaran melalui buku tersebut. Hasil daripada pemantapan ini, ilmu Balaghah telah diberikan perhatian yang lebih baik berbanding sebelumnya. Mengikut struktur silibus lama, Balaghah hanya merupakan mata pelajaran sampingan sahaja (Abd Hakim Abdullah, 2003: 23).

Satu lagi pembelajaran rasmi yang mengandungi al-Balaghah dalam persijilannya ialah Sijil Tinggi Agama Malaysia atau dikenali dengan STAM. Kurikulumnya yang berasaskan kepada kurikulum *Maahad al-Bu'uth al-Islamiyyah, al-Azhar*, telah diterima pakai keseluruhannya oleh KPM sebagai asas kepada persijilan agama peringkat tertinggi di Malaysia yang diiktiraf oleh pihak luar dan universiti-universiti Timur Tengah terutama al-Azhar, Mesir.

Balaghah dalam STAM menggunakan buku teks yang digunakan diambil secara langsung daripada buku teks *Miftah al-Balaghah*. Buku teks ini dicetak oleh pihak al-Azhar al-Syarif, Kaherah mengikut sukatan rasmi peringkat menengah sekolah-sekolah al-Azhar (*Syahadah al-Thanauiyyah al-Azhariyyah*) sama ada kelas pengajian sastera atau sains. Kementerian Pendidikan Malaysia telah bersetuju untuk menerima pakai buku ini sebagai panduan kepada pembelajaran dan penilaian al-Balaghah dalam persijilan STAM. (Azhar Muhammad, et.al, 2003:251).

Kesimpulannya, pada hari ini, para pelajar aliran agama/bahasa Arab di Malaysia telah didedahkan dengan ilmu Balaghah yang merangkumi hampir keseluruhan topiknya semasa di peringkat sekolah menengah lagi. Cuma pada peringkat SPM, para pelajar didedahkan dengan ilmu ini secara ringkas sahaja tanpa mengkajinya dengan lebih mendalam. Manakala di peringkat STPM pula, ilmu Balaghah dipelajari oleh para pelajar dengan lebih mendalam. Pendedahan yang diberikan kepada mereka merangkumi aspek kefahaman kepada setiap topik dan penganalisaan teks-teks Arab yang berbentuk ayat-ayat al-Quran, hadis, puisi atau prosa. Dalam STAM pula pendedahan diberikan kepada ilmu Maani dan Badi'. Ilmu Balaghah juga merupakan pelajaran yang wajib bagi mereka yang memilih jurusan pengajian Islam atau bahasa Arab di peringkat diploma atau ijazah di institusi pendidikan tinggi tempatan.

### **2.3 LATAR BELAKANG SEKOLAH MENENGAH AGAMA KERAJAAN JOHOR (SMA)**

Menurut Husaimi Othman (1999:113), dan Abdul Hamid Othman, Zainal Abidin Abd Kadir, Abdul Aziz Andek Achok (1992: 193), dalam sistem pendidikan negara sekarang, secara umumnya sekolah-sekolah agama di Malaysia hari ini, dari segi pentadbiran boleh dibahagikan kepada empat jenis:

- i) Sekolah agama rakyat yang didirikan oleh rakyat setempat dan pentadbirannya dikendalikan oleh rakyat melalui lembaga pentadbiran dan guru. Sebahagian besar sekolah ini menerima sumbangan kewangan daripada Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Islam.



- ii) Sekolah agama kerajaan negeri yang ditadbirkan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri. Kewangannya dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.
- iii) Sekolah agama di bawah kelolaan Majlis Agama dan Zakat.
- iv) Sekolah agama di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (SMKA).

Di negeri Johor Darul Takzim, pendidikan agama peringkat menengah adalah lanjutan daripada pendidikan di peringkat sekolah rendah. Kerajaan Negeri Johor telah membina sebuah sekolah menengah agama berasrama penuh iaitu Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor (SMAKJ) yang ditubuhkan pada tahun 1987 bagi menempatkan pelajar dari tingkatan satu hingga lima. Antara objektif penubuhan sekolah ini ialah:

- i) Menyediakan sistem pendidikan yang berterusan bagi membentuk muslim mukmin yang menjadikan Islam sebagai cara hidup yang lengkap lagi menyeluruh.
- ii) Membekalkan sumber keilmuan secara bersepadu dan seimbang dengan menggabungjalinkan kurikulum agama dan akademik.
- iii) Memantapkan penguasaan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi sumber rujukan utama.
- iv) Melahirkan para pelajar yang maju dan berinovatif serta mampu menghadapi segala cabaran yang melingkunginya.
- v) Memberi peluang kepada pelajar memilih bidang atau aliran pengajian yang diminati.

Kurikulum Sekolah Menengah Agama Negeri Johor menggunakan dua bidang kurikulum iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan Kurikulum Maahad Bu'uth al-Azhar Mesir, ia meliputi tiga peringkat pengajian iaitu:

- a. Peringkat Menengah Rendah Agama
- b. Peringkat Menengah Atas Agama
- c. Peringkat Lepas Menengah Agama

Syarat kemasukkan ke sekolah ini adalah mestilah warganegara Malaysia, lulus Darjah 4 Sekolah Agama Negeri Johor atau kelulusan yg setaraf dengannya, lulus Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) sekurang-kurangnya 3A dan berumur 13 tahun pada tahun berkenaan. Pada masa tersebut terdapat empat bidang pengajian yang ditawarkan kepada para pelajar. Bidang-bidang tersebut ialah pengajian Agama dan Sastera Ikhtisas, Pengajian Agama dan Sains Tulen, Pengajian Agama dan Perakaunan dan Pengajian Agama dan Teknologi Maklumat.

Hala tuju bagi pelajar lepasan sekolah ini bagi peringkat Menengah Rendah Agama ialah pertamanya mereka boleh melanjutkan pelajaran secara automatik ke tahun satu thanawi / tingkatan tiga di sekolah yang sama. Selain itu, pelajar Sekolah Menengah Agama Rakyat yang mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan PMR, sekurang-kurangnya 7A boleh memohon masuk ke Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri.

Bagi pelajar peringkat menengah atas agama pula, mereka boleh melanjutkan pelajaran ke tahun tiga thanawi / tingkatan lima di sekolah yang sama. Selain itu juga, pelajar Sekolah Menengah Agama Rakyat yang lulus dalam peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA) dan pernah menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) boleh memohon masuk ke Sekolah Menengah Tinggi Kerajaan Negeri (Maahad Johor) seterusnya menduduki peperiksaan STAM atau mengikuti program Diploma Tahfiz di Institut Pengajian Tinggi Islam dan Bahasa Arab (MARSAH).

## **2.4 PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN RETORIK ARAB**

### **2.4.1 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Retorik Arab**

Untuk mengajar mata pelajaran bahasa yang berteraskan kepada kaedah seperti *al-Balaghah*, guru-guru memerlukan usaha yang lebih gigih bagi menjamin kerberkesanan yang lebih baik. Ini disebabkan oleh kepelbagaian tajuk yang diajar dengan tahap kefahaman yang tinggi terhadap kaedah yang dipelajari dibanding dengan kemampuan, keupayaan dan kedudukan pelajar-pelajar. Oleh itu, kaedah pengajaran yang terkini yang lebih menyeronokkan dan menarik perlu dijalankan

semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Azhar Muhammad et al, 2003:253).

Antara kaedah serta pendekatan yang sesuai digunakan untuk mengajar Balaghah seperti yang dicadangkan oleh pakar-pakar pendidikan bahasa ialah :

#### **2.4.1.1 Kaedah Induktif (*al-Tariqat al-Istiqraiyyah / al-Istinbatiyyah*)**

Kaedah ini merupakan kaedah yang sesuai untuk dijalankan dalam pengajaran mata pelajaran yang mempunyai kepelbagaian tajuk. Kaedah jenis ini lebih menumpukan kepada memanfaatkan maklumat-maklumat yang lepas untuk digabungkan dengan maklumat-maklumat yang baru agar menjadi bahan ilmiah yang dapat disepadukan. Kaedah ini merupakan kaedah terkini yang popular digunakan dalam pengajaran mata pelajaran bahasa yang berteraskan kepada kaedah. Secara umumnya, pengajaran kaedah ini dimulakan dengan contoh-contoh, menghuraikannya dan mengeluarkan kaedah (Husin Sulaiman Qurrah: t.t).

Kaedah ini dapat dilangsungkan melalui lima langkah utama dalam pengajaran dan pembelajaran (Nik Mohd Rahimi et. al.:1999):

- **Pendahuluan (*al-Tamhid*)** – memfokuskan objektif khusus kepada tajuk pelajaran dengan mengambilkira tahap persediaan pelajar terhadap tajuk yang akan diajar. Proses ini akan menganalisis pemikiran pelajar mengenai maklumat-maklumat yang ada pada mereka yang mengaitkannya dengan tajuk pengajaran baru. Tujuannya ialah untuk merangsang pelajar dengan tajuk pelajaran baru agar mereka dapat bersedia untuk menerimanya. Guru tidak digalakkan memanjangkan masa semasa menjalankan proses ini, hanya mengemukakan persoalan-persoalan atau aktiviti-aktiviti yang menarik, ringkas dalam usaha mengemukakan tajuk yang akan diajar nanti.
- **Membentangkan pengajaran (*'ardh al-Maudhu'*)**. Satu proses mengumpul maklumat-maklumat pelajar dalam kepelbagaian bentuk yang menarik perhatian dalam usaha mengemukakan kaedah. Proses ini perlu jelas, tidak sukar, jauh daripada kekusutan ungkapan yang mudah diterima oleh pelajar.

Semua ini penting dalam usaha guru mengeluarkan sesuatu kaedah bahasa dengan cara yang lebih mudah dan menarik. Guru perlu mengemukakan seberapa banyak contoh yang akan memberikan kefahaman kepada pelajar sebelum daripada pernyataan rumusan pengajaran.

- **Hubungkait dan perbandingan (*al-rabt wa al-muwazanah*)**. Guru memerlukan penglibatan pelajar dalam perkaitan dan perbandingan melalui contoh-contoh yang dibincangkan untuk memudahkan mereka menerima rumusan yang akan dibuat nanti. Proses ini memerlukan kepada pembuktian yang rasional, pemikiran yang tajam dan tidak gopoh dalam mengeluarkan sesuatu hukum atau kaedah baru yang diajar. Proses ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan proses yang kedua tadi.
- **Rumusan (*al-Ta'mim wa istiqrā' al-Qaedah*) terhadap hukum/ kaedah bahasa yang dipelajari sejurus perbincangan**. Ini adalah satu proses dalam bentuk pendefinisian atau mengeluarkan sesuatu hukum bahasa. Peranan guru amat besar dalam mengarahkan pelajar ke arah rumusan tersebut melalui lisan dan dirakamkan dalam bentuk penulisan di papan hitam.
- **Implementasi (*al-Tatbiq*)**. Ini adalah proses terakhir untuk menilai tahap kefahaman pelajar tentang tajuk yang diajar dengan mengesahkan lagi rumusan yang telah dibuat melalui perlaksanaan terhadap ayat-ayat lain atau mengaplikasikannya melalui pelajaran lain.
- **Kerja Rumah (*al-Wajib al-Manzili*)**. Guru memberikan latihan dan tugas sebagai kerja rumah.

#### 2.4.1.2 Kaedah Deduktif (*al-Tariqat al-Qiyasiyyah*)

Kaedah ini disempurnakan dengan perpindahan daripada hukum umum (*kulli*) kepada hukum yang lebih khusus (*juz'i*). pengajaran dimulakan dengan

menyebut/mengingati kaedah atau hokum secara am dan mengukurnya dengan cara mengemukakan contoh-contoh bagi menyabitkan hukum tersebut (Husin Sulaiman Qurrah : t.t).

Kaedah ini juga dapat dijalankan melalui lima langkah utama:

- **Pendahuluan** – bertujuan untuk mempersiapkan pelajar dengan tajuk pelajaran baru yang akan diajar dan menentukan skop perbincangannya.
- **Mementingkan pengajaran.** Guru akan terus mengemukakan hukum atau kaedah yang ingin dipelajari kepada pelajar dengan menulisnya di papan hitam atau dengan cara lain yang difikirkan patut. Guru akan membaca dan membuat huraian lanjut berkenaan kaedah dipelajari tersebut satu-persatu.
- **Rumusan terhadap hukum/kaedah bahasa** yang dipelajari di mana guru akan membuat contoh-contoh yang mendasari kaedah yang telah disampaikan. Guru akan meminta pelajar mengemukakan contoh-contoh baru yang mempunyai kaitan dengan kaedah bagi menampakkan kesahan kaedah tersebut dalam bentuk penggunaan ayat.
- **Penilaian.** Ini adalah proses terakhir untuk menilai tahap kefahaman pelajar tentang tajuk yang diajar di mana guru akan memberikan contoh-contoh baru hin gga pelajar betul-betul faham tentang penggunaan kaedah yang dipelajari sebagai persiapan untuk menghadapi pelajaran akan datang.
- **Kerja Rumah.** Guru memberikan beberapa latihan dan tugas sebagai kerja rumah.

Beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh setiap guru dalam melaksana pengajaran mata pelajaran ini antaranya termasuklah (Muhammad Abdul Kadir : t.t):

- Tidak menjadikan *al-Balaghah* sebagai satu mata pelajaran yang hanya untuk dihafaz kaedah, takrif beserta dengan contoh-contohnya dan mengenali istilah-istilahnya sahaja tanpa kefahaman dan amali.
- Pelajar harus diberikan peluang untuk mereka melaksanakan kaedah Balaghah yang mereka pelajari secara ilmiah dan dapat merasai nilai-nilai seni dan keindahannya.
- Antara asas-asas utama pengajaran *al-Balaghah* ialah mengaitkannya secara langsung dengan teks-teks sastera Arab yang mempunyai unsur dan nilai retorik yang boleh dijadikan contoh. Menjadi satu kesalahan yang besar sekiranya guru begitu ghairah memperkenalkan asas-asas Balaghah sebelum pelajar dapat memahami teks-teks yang dipelajari.
- Mengaitkan contoh-contoh retorik Arab dengan apa yang sentiasa digunakan dalam percakapan harian terutama dalam bahasa kita agar pelajar dapat membuat perbandingan antara keduanya.
- Menghubungkan antara satu unsur dengan unsur retorik yang lain seperti *al-Jinas* dengan *al-Saja'* yang boleh membawa kepada kesepaduan suara, *al-Muqabalah* dengan *al-Tauriyyah* dari segi keindahan maknanya, *al-Amr*, *al-Nahy* dan *al-Istifham* di bawah satu kunci *al-Talab*, *al-Tasybih* dengan *al-Isti'arah* yang dapat mendatangkan imaginasi berserta dengan realiti.
- Latihan-latihan untuk menguji kefahaman pelajar sama ada latihan berbentuk lisan atau bertulis. Latihan-latihan ini amat berguna sekiranya disertai dengan ayat-ayat al-Quran, hadis dan teks-teks sastera Arab. Penganalisan terhadap sumber-sumber ini penting bagi memperlihatkan unsur-unsur retorik yang dipelajari.
- Perlu juga membangkitkan hubungan retorik dari sudut psikologi dan realiti semasa serta persekitaran yang menyebabkan teks-teks retorik dikeluarkan. Dengan ini akan dapat memperlihatkan kenapa seseorang sasterawan hanya

memperkatakan tentang sifat murah, toleransi, kasih-sayang, cinta, membalas dendam, peperangan dan sebagainya.

- Menggabungkan *al-Balaghah* dengan beberapa mata pelajaran dan ilmu-ilmu bahasa Arab yang lain.

#### 2.4.2 Isu-isu Pengajaran dan Pembelajaran Retorik Arab

Terdapat di kalangan para pengkaji yang kurang berpuashati dengan pelaksanaan pengajaran Balaghah yang dilaksanakan sekarang di Malaysia. Contohnya ialah Abdullah Tahmim (1999:34) telah menimbulkan rasa kurang senang terhadap pelaksanaan pengajaran Balaghah kerana beliau merasakan wujud sesuatu yang pincang dalam pengajaran Balaghah.

Menurut beliau, pada umumnya Balaghah yang diajar di sekolah-sekolah di Malaysia ini adalah Balaghah yang diajar dalam bentuk teori dan kaedah. Buku-buku teks dan rujukan lainnya yang dipakai di sekolah-sekolah di sini semuanya dalam bentuk ini. Ini merupakan satu kerugian besar kepada pelajar-pelajar kita kerana nilai sebenar ilmu Balaghah tidak didedahkan kepada mereka dan yang merugikan lagi ialah cara pengajaran ilmu itu sendiri. Masa pelajaran Balaghah digunakan, sebahagian besarnya kalau tidak semuanya, untuk menjelaskan makna-makna istilah, memperkenalkan bahagian-bahagian serta takrif setiap bahagian dan sebagainya.

Contohnya, kalau tajuk *tasybih* (perumpamaan) yang dipilih, jadi yang diperbincangkan ialah takrif tasybih, bahagian-bahagian tasybih, takrif kepada setiap bahagian dan sebagainya serta beberapa contoh yang diberi (Abdullah Tahmim, 1999: 35).

Pengasingan ilmu-ilmu bahasa Arab dengan penggunaannya sememangnya membawa masalah. Dengan membawa ilmu nahu sebagai misalnya, dipelajari dalam bentuk yang berasingan dengan bahasa Arab itu sendiri, dalam erti kata, kalau tajuk '*kana*' yang dipelajari, maka perhatian yang diberikan ialah kepada tugas '*kana*' itu semata-mata, tidak lagi dilihat pada rahsia penggunaan '*kana*' itu sendiri. Kenapa

'kana' digunakan dalam ayat, bilakah ia boleh dan patut digunakan dan sebagainya. Sedangkan yang lebih utama dan lebih penting dalam pembelajaran nahu adalah fungsi setiap penggunaan.

Satu lagi isu yang ditimbulkan oleh Abdullah Tahmim (1999:35), ialah kesilapan dalam pengajaran mata pelajaran Balaghah ini bukan sahaja terletak pada pemilihan jenis ilmu Balaghah dan cara pengajarannya, tetapi kesilapan lain yang tidak kurang bahayanya juga berlaku seperti kesilapan menentukan keutamaan bidang-bidang ilmu Balaghah. Apa yang kita perhatikan ialah pihak yang bertanggungjawab menyusun sukatan pelajaran Balaghah ini dengan tidak mengambil kira kesesuaian bidang dan pencapaian pelajar. Mereka mengikut apa yang telah sedia ada tanpa melihat sebab-sebab mengapa penyusunan begitu dibuat.

Sukatan yang sedia ada dan digunakan di negara Arab memulakan ilmu Bayan, disusuli dengan ilmu ma'ani dan kemudian ilmu badi', maka kita pun menyusun sukatan kita mengikut susunan yang sama sedangkan susunan itu adalah untuk pelajar-pelajar Arab. Soal kemahiran bahasa tidak timbul di kalangan mereka kerana bahasa Arab adalah bahasa mereka. Ini berlainan sekali dengan pelajar Melayu yang bahasa Arab merupakan bahasa yang baru dalam kehidupan mereka. Penguasaan bahasa Arab sangat lemah.

Guru yang menjadi guru kepada mata pelajaran Balaghah juga mempunyai masalah. Menurut Abd Halim Ariffin, (1999:3), guru yang mengajar bahasa Arab akan mengajar semua tajuk bahasa Arab secara sepadu walaupun sebahagian guru yang bertugas kini tidak mempunyai kemahiran dalam ilmu-ilmu bahasa Arab yang diajar. Perkara ini menimbulkan permasalahan di kalangan guru-guru yang berkaitan.

Abd Rahim Ismail (1999:185) pula berpendapat bahawa orientasi pengajaran yang dilaksanakan pada waktu kini didapati terlalu menekankan kaedah-kaedah dan tidak banyak menyumbang ke arah pemupukan cita rasa sastera dan perkembangan keupayaan bahasa di kalangan para pelajar.

Selain itu juga beliau menyatakan juga bahawa satu masalah yang dihadapi dalam konteks pengajaran Balaghah di Malaysia ialah pemilihan objektif yang tidak



sesuai. Menurut beliau, pemiihan objektif yang hanya berkisar di sekitar aras pengetahuan tidak akan mampu memperkembangkan potensi bahasa para pelajar seperti kemampuan bertutur, menulis, memahami teks-teks sastera dan pemupukan cita rasa sastera (Abd Rahim Ismail, 1999: 185).

## **2.5 KAJIAN-KAJIAN LEPAS BERKAITAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB**

Abd Halim Ariffin (1999:4), menyatakan terdapat beberapa masalah yang telah dikenalpasti dalam pengajaran dan pembelajaran Balaghah di sekolah-sekolah SMKA, antara lain:

- i) mendekati ilmu Balaghah dalam bentuk yang baru atau dalam bentuk sepadu dengan disiplin-disiplin lain adalah suatu percubaan yang baru diperkenalkan dan ini mungkin menjadi masalah kepada guru dalam melaksanakan kehendak-kehendak tersebut.
- ii) Memperkenalkan teknik-teknik dan aktiviti pengajaran adalah kelemahan yang paling ketara dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Teknik ceramah dan bersyarah barangkali perlu dikurangkan dan ditambahkan dengan aktiviti-aktiviti berfikir dan ketrampilan berbahasa.
- iii) Oleh kerana Balaghah sesuatu yang baru diperkenalkan kepada pelajar tingkatan empat dan lima, pengenalan bait-bait syair dengan uslub atau gaya bahasa tradisional menyebabkan pelajar menghadapi masalah untuk memahaminya.
- iv) Oleh kerana Balaghah bersifat tradisi dari segi bentuknya, penggunaan alat bantu mengajar agak sukar untuk dipadankan dan digunakan secara lebih efektif.

Sohair Abdel Moneim Sery (1999:7) menyatakan di dalam kajiannya bahawa penguasaan ilmu Balaghah di kalangan para pelajar amat rendah dan ia hanya dipelajari sebagai satu mata pelajaran yang wajib lulus, walaupun tidak diminati atau

digemari. Di dalam kajiannya juga beliau beliau membincangkan kelemahan tersebut sebagai satu fenomena umum yang menular di kalangan para pelajar secara keseluruhan bukan sahaja di Malaysia. Berikut adalah pendapat beliau tentang sebab utama berlakunya hal tersebut:

- i) Pengasingan yang berlaku di antara ilmu Balaghah dan ilmu-ilmu bahasa Arab yang lain, khususnya ilmu sastera Arab dan kritiknya.
- ii) Pengasingan yang berlaku di antara bahagian-bahagian ilmu Balaghah itu sendiri, iaitu *ilmu al-ma'ani*, *al-bayan* dan *al-badi'*.
- iii) Menitikberatkan pengertian serta kaedah-kaedah, baik semasa pengajaran atau semasa peperiksaan. Dalam keadaan sedemikian, para guru terpaksa mengajar setiap bahagian ilmu Balaghah secara berasingan. Keadaan ini sama dengan cara mereka mengajar kaedah ilmu nahu, iaitu dengan membawa pelbagai contoh yang tidak ada hubungan untuk perbincangan dan penentuan kaedah-kaedah yang diperlukan.

Abdullah Tahmim (1999:36) menyatakan bahawa apa yang diperhatikan dalam pengajaran ilmu Balaghah di sekolah-sekolah di Malaysia ialah contoh-contoh yang sukar difahami maknanya, contoh-contoh lama daripada bait-bait syair yang sememangnya lebih sukar bahasanya kalau dibandingkan dengan bahasa prosa. Kalau bait syair itu sendiri tidak dapat difahami dengan baik, sudah tentu ia tidak dapat menjelaskan maksud. Satu tinjauan ringkas yang dibuat di kalangan pelajar tahun dua dan tiga Akademi Islam mendapati mereka hampir sekata bahawa masalah yang dihadapi dalam mempelajari ilmu Balaghah ialah contoh-contoh yang diberikan tidak dapat difahami dengan baik atau dengan kata lain, kesukaran memahami contoh.

Selain apa yang disebutkan di atas, beliau juga menyatakan para pelajar yang mempelajari Balaghah tidak mengetahui tujuan mempelajari ilmu tersebut. Dalam tinjauan yang sama didapati 80% daripada pelajar berkenaan mengatakan bahawa mereka kurang jelas tentang matlamat mereka belajar Balaghah.

Husaimi Othman (1999:113) dalam kajiannya terhadap SAR menyatakan bahawa terdapat masalah-masalah yang secara umumnya dapat dirasakan bagi mata pelajaran bahasa Arab termasuk cabang-cabang ilmunya seperti nahu sarf, Balaghah dan lain-lain. Antara lain permasalahan tersebut ialah seperti berikut:

#### 1. Masalah Pelajar

- a. Para pelajar Sekolah Agama Rakyat masih belum dapat memahami teks berbahasa Arab atau contoh-contoh lain daripada apa yang pernah dipelajari mengenai satu-satu bidang ilmu bahasa Arab, terutamanya Balaghah.
- b. Para pelajar menganggap bahawa mata pelajaran bahasa Arab dan Balaghah adalah terlalu susah untuk difahami dan mereka kurang berminat mempelajarinya. Ini mungkin kerana cara atau metode pembelajarannya masih mengikut cara lama. Dengan itu, susah hendak difahami dan menjemukan.
- c. Begitu juga dalam pertuturan seharian, mereka tidak dapat menghayati dan menggunakan apa yang dipelajari daripada ilmu Balaghah.

#### 2. Masalah Guru

- a. Apa yang didapati ialah guru masih banyak bersyarah, sebaliknya kurang menggunakan metode nahu untuk berinteraksi sewaktu menyampaikan pengajaran bahasa Arab dan Balaghah.
- b. Guru kurang memberi latihan, latih tubi atau kerja rumah, sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.
- c. Guru banyak memberikan penekanan secara mendalam masalah Nahu dan Qawa'id sebelum penguasaan bahasa itu sendiri terlebih dahulu.

Ini lebih menyusahkan pemahaman para pelajar terhadap ilmu-ilmu lain seperti Balaghah.

- d. Guru kurang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran dan sering menggunakan bahasa ibunda dengan menterjemahkan teks asal sewaktu memberi penerangan dan pemahaman.
- e. Mereka juga tidak mendapat peluang pendedahan maklumat-maklumat terkini tentang cara pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua.

### 3. Permasalahan Lain

- a. Penggunaan kitab atau buku teks yang tidak selaras antara sekolah-sekolah.
- b. Tidak terdapat buku kerja yang sesuai. Kalau adapun ia hanya berbentuk tempatan bagi sesebuah sekolah sahaja, bukan menyeluruh ke semua sekolah.
- c. Kurang terdapat buku bacaan tambahan yang sesuai, majalah dan surat khabar berbahasa Arab yang boleh memantapkan lagi penguasaan bahasa Arab dalam kalangan para pelajar.

## 2.6 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil daripada pemerhatian terhadap kajian-kajian yang dijalankan oleh beberapa orang penyelidik yang dinyatakan di atas, dapat dibuat rumusan bahawa terdapat empat faktor utama yang menyebabkan pelajar-pelajar aliran agama kurang menguasai mata pelajaran Balaghah atau ilmu retorik Arab. Faktor-faktor tersebut terdiri daripada tiga pecahan iaitu pelajar, guru dan masalah-masalah lain.

Pelajar mempunyai masalah untuk memahami teks dan contoh-contoh ayat Balaghah. Pelajar juga tidak mengetahui matlamat mempelajari Balaghah menyebabkan mereka tidak meminati Balaghah. Terdapat guru yang bermasalah iaitu guru yang kurang latihan dan tidak mempunyai pengkhususan dalam Balaghah. Selain itu guru menggunakan method yang kurang sesuai dalam melaksanakan pengajaran Balaghah menyebabkan pelajar merasakan Balaghah adalah susah. Pengasingan yang berlaku di antara ilmu Balaghah dan Ilmu-ilmu bahasa Arab yang lain, khususnya ilmu sastera Arab dan kritiknya. Selain itu juga, buku teks yang tidak seragam juga menjadi masalah kepada pengajaran Balaghah.

### **BAB III**

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **3.0 PENGENALAN**

Di dalam bab ketiga ini, penyelidik akan menjelaskan tentang bagaimana kajian ini dijalankan. Perkara ini merangkumi kaedah, prosedur, tatacara dan program yang digunapakai untuk mendapatkan data yang diperlukan bagi mencapai matlamat kajian serta untuk menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan. Selain itu juga, penyelidik menjelaskan rasional penggunaan kaedah penyelidikan yang telah dipilih. Penjelasan ini adalah sangat penting dalam memahami bagaimana kajian ini dilaksanakan sehingga memperolehi natijah yang akan dipaparkan dalam bab-bab yang seterusnya.

### **3.1 REKA BENTUK KAJIAN**

Reka bentuk penyelidikan ialah perancangan yang menentukan cara penyelidikan dijalankan untuk menemukan jawapan kepada permasalahan penyelidikan yang telah ditetapkan. Reka bentuk melibatkan beberapa aspek penyelidikan seperti permasalahan, strategi dan perkaitan sebab akibat. Reka bentuk juga akan menetapkan unit analisis, populasi, persampelan, variabel, cara pengukuran, pengumpulan dan penganalisan data (Sulaiman Masri, 2003:25).

Dalam melaksanakan penyelidikan, penyelidik telah menggunakan beberapa metode kajian atau reka bentuk kajian. Metode kajian ialah teknik-teknik kajian yang mengkaji secara teratur dan teliti mengenai semua aspek sesuatu masalah itu (Sheffie, 1987). Metode kajian juga adalah kaedah atau teknik penyelidikan yang digunakan penyelidikan yang digunakan bagi mengumpul data. Selain itu, metode kajian juga bermaksud sebagai satu falsafah proses penyelidikan. Ini termasuklah andaian-andaian dan nilai-nilai yang menjadi dasar untuk digunakan oleh penyelidik dalam mentafsir data bagi membuat kesimpulan. (Rohana Yusof, 2003: 145).

Syed Arabi Idid (1992:34) mendefinisikan reka bentuk kajian sebagai seluruh usaha dari tahap mengenal pasti permasalahan hinggalah ke tahap pengutipan dan penganalisisan data. Selain itu juga reka bentuk kajian sebenarnya adalah satu perancangan yang membolehkan pengkaji menjalankan kajiannya. Pada permulaannya, perancangan kajian itu mungkin kabur, tetapi apabila pengkaji mendalami lagi kajiannya, maka kajian itu akan mengalami perubahan.

Kaedah penyelidikan merujuk kepada bagaimana penyelidik mendapatkan maklumat bagi mencapai sesuatu matlamat penyelidikan. Penyelidik menggunakan cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat yang berguna dengan kos yang minimum. Pengumpulan maklumat melibatkan proses yang rumit dan mahal. Kegagalan menggunakan kaedah pengumpulan data yang berkesan boleh menghasilkan maklumat yang tidak tepat, kabur dan boleh menyebabkan beban maklumat. Kegagalan menggunakan kaedah yang berkesan juga boleh meninggikan perbelanjaan penyelidikan (Mohd Majid Konting, 1990:86).

Berkaitan tujuan reka bentuk kajian, terdapat beberapa pendapat pakar mengenainya. Reka bentuk penyelidikan bertujuan menjawab soalan-soalan tertentu yang ditimbulkan oleh permasalahan penyelidikan yang telah dikenal pasti. Dengan demikian, reka bentuk perlu sesuai dengan permasalahan supaya penjelasan yang diberi di dalam penyelidikan tersebut dapat meyakinkan pembaca tanpa mendatangkan kekeliruan. (Sulaiman Masri, 2003:25).

Menurut Syed Arabi Idid (1992:35) pula, reka bentuk kajian mempunyai dua tujuan. Pertama, ia membenarkan pengkaji mencari satu kaedah yang sesuai untuk menjalankan penyelidikan. Ini bermakna juga pengkaji menentukan pemboleh ubah dan cara bagaimana pemboleh ubah itu ditakrifkan/dikendalikan. Kedua, reka bentuk penyelidikan menentukan tatacara yang termurah bagi menjawab soalan penyelidikan.

Pengumpulan data dan maklumat yang ingin diperolehi boleh dikelaskan kepada dua bahagian utama iaitu data primer dan data sekunder. Justeru, untuk memastikan semua data yang dikehendaki bagi menghasilkan maklumat yang berkualiti serta menjawab persoalan kajian, penyelidik telah menetapkan metode

yang digunakan bagi mengumpulkan kedua-dua jenis data tersebut. Penyelidik telah menggunakan metode kajian soal selidik dan temu bual untuk mengumpulkan semua data primer yang dikehendaki. Manakala untuk data sekunder, penyelidik menggunakan metode kajian perpustakaan untuk mendapatkan segala maklumat.

### **3.1.1 Pengumpulan Data Primer**

Data primer merupakan data yang dikumpul daripada kajian yang dijalankan oleh pengkaji yang bertujuan spesifik bagi menerangkan masalah kajian (Naresh, 1999). Kebanyakan data primer juga terdiri daripada sumber-sumber data sekunder tetapi ini bergantung kepada bila maklumat asal tersebut dikumpul (Lehmann dan Winer, 1996). Pengumpulan data primer dalam kajian ini diperoleh melalui dua kaedah iaitu kaedah soal selidik dan kaedah temu bual.

Pengumpulan data primer melibatkan beberapa kaedah yang sering digunakan dalam penyelidikan. Kaedah yang digunakan ialah kaedah pengamatan. Kaedah ini melibatkan penyelidik tinggal bersama-sama dengan komuniti yang dikaji bagi satu jangkamasa yang tertentu. Dengan cara ini, mereka dapat mengamati ciri-ciri komuniti yang dikaitan dengan lebih tepat dan dekat. Kaedah ini juga dikenali sebagai penyelidikan perpartisipasif (Rohana Yusof, 2003:126).

Pengumpulan data primer juga boleh didapati dengan menggunakan kaedah soal selidik. Terdapat dua bentuk kaedah ini, iaitu soal selidik secara langsung dan soal selidik secara pos. Dalam soal selidik secara langsung, penemuduga akan bersemuka dengan responden dan menyoal mengikut soalan-soalan dalam borang soal selidik. Ia lebih mudah, cepat dan menjimatkan masa dan kos. Kadang-kadang terdapat kesukaran menemuduga responden, mungkin responden ketiadaan waktu untuk ditemuduga. Bagi mengatasi masalah ini, penyelidik boleh menggunakan kaedah soal selidik secara pos (*ibid*:126).

Sumber asli atau dikenali sebagai sumber pertama adalah bukti atau hasil langsung dari sesuatu kejadian. Sumber-sumber asli termasuklah kesan-kesan



tinggalan atau artifak-artifak, saksi dan pemerhati. Artifak, saksi dan pemerhati akan menjadi perantara antara sesuatu peristiwa, perkembangan atau pengalaman pendidikan yang dikaji dengan penyelidik. Sumber asli akan menghasilkan maklumat asal tentang sesuatu peristiwa yang dikaji. Sumber asli yang utama yang utama ialah pemerhati atau saksi kejadian serta objek sebenar dalam bentuk artifak dan rekod. (Mohd Majid Konting, 1990:90).

Ahmad Mahdzan Ayob (1992:52) menyatakan terdapat empat jenis pengumpulan data primer yang digunakan oleh para penyelidik. Empat jenis yang dinyatakan tersebut ialah kaedah bancian, kaedah tinjauan biasa (tinjauan pemberita), kaedah pemerhatian “penyertaan” dan kaedah tinjauan sampel kebarangkalian.

Setelah meneliti hasil pendapat dan teori-teori penyelidikan, penyelidik telah memilih kaedah soal-selidik dan temubual untuk mengumpulkan data primer yang dikehendaki. Rasioanal pemilihan kaedah-kaedah tersebut secara umum adalah kerana pada pandangan penyelidik kaedah-kaedah tersebut bersesuaian untuk mendapatkan maklumat bagi menjawab semua persoalan kajian yang telah ditetapkan. Rasional pemilihan kaedah-kaedah tersebut secara akan dijelaskan di dalam subtopik seterusnya.

#### **3.1.1.1 Soal Selidik**

Dalam mana-mana tinjauan sosial, satu soal selidik atau instrumen yang seragam hendaklah digunakan. Soal selidik yang seragam itu akan mengandungi satu rentetan soalan yang telah digubal khas untuk mengumpul data bagi mencapai objektif kajian. Soalan-soalannya diatur dan dibentuk sebegitu cara supaya dapat membantu responden merasa selesa, dan boleh mengingat kembali perkara-perkara yang telah berlaku pada masa lampau (Ahmad Mahdzan Ayob, 1992:67).

Soal selidik adalah alat formal yang digunakan bagi memperolehi maklumat secara langsung daripada responden mengenai sesuatu perkara yang dikaji oleh seseorang penyelidik. Ia juga adalah nadi kaji selidik dengan erti kata ia adalah

pengganti daripada penyelidik sebelum seseorang penyelidik mengemukakan soalan-soalan kepada responden (Rohana Yusof, 2003:132).

Soal selidik mengandungi soalan-soalan yang disusun secara teratur untuk ditadbirkan ke atas responden oleh penemubual. Penemubual boleh meminta responden sendiri mengisikan jawapan. Soal selidik ini adalah satu alat yang penting bagi seseorang pengkaji, kerana kualiti dan mutu soal selidik akan menentukan nilai penyelidikan pada keseluruhannya. Jika soalan dalam soal selidik kabur, maka jawapan yang diperolehi itu tidak akan memberikan pengertian yang nyata (Syed Arabi Idid, 1992:87).

Borang-borang ini mengandungi soalan-soalan ringkas yang berkaitan serta disediakan pilihan jawapan kepada responden untuk memudahkan responden menjawab. Jawapan yang diperolehi daripada pengagihan borang soal selidik merupakan data utama dalam kajian ini. Penggunaan soal-selidik dapat membantu pengkaji mendapatkan data dengan kadar yang cepat. Ia juga merupakan alat pengumpulan data yang cekap kerana banyak data dipungut (Sekaran, 1992).

Menurut Samarudin dan Nazri (1993:31), soal selidik berbentuk satu senarai soalan-soalan yang bertulis. Soalan-soalan itu disediakan oleh pengkaji sendiri yang difikirkan merangkumi subjeknya. Soalan-soalan mestilah terang dan senang difahami. *Questionnaire* ini boleh diberikan kepada seseorang individu tetapi selalunya digunakan untuk ramai orang melalui teknik-teknik 'simple' yang tertentu. *Questionnaire can produce current, firsthand data that you can tabulate and analyze. To achieve meaningful results, you must survey randomly with regards to age, sex, race, education, income, residence and other factors. Bias can creep into the questionnaire unless you remain objective* (Lester and Lester Jr., 2003: 53).

Soal selidik selalu digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan soalan bebas-jawab (terbuka), senarai semak atau skala kadar. Soalan bebas-jawab ialah soalan isikan tempat kosong; jawab senarai semak ialah soalan jenis Thurston di mana subjek hanya memberikan jawapan dengan menanda salah satu pilihan jawapan; dan soalan skala kadar menggunakan kaedah Likert di mana

responden memilih jawapan daripada satu kontinum (ekstrem ke ekstrem) (Mohd Najib Abd Ghaffar, 1999:88).

Tujuan soal selidik ialah untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang tepat dan lengkap. Untuk mencapai maksud ini ia mesti mempunyai dua ciri utama:

1. Soal selidik mestilah memenuhi objektif penyelidikan. Maklumat-maklumat yang diperlukan perlu dicatatkan terlebih dahulu dan soalan-soalan dibentuk ke arah mendapatkan maklumat ini.
2. Soal selidik perlu disediakan dalam satu bentuk yang seragam. Ini bermakna semua orang dalam sampel akan menjawab soalan-soalan yang sama (Kamarudin Ngah dan Roslim, 1990:63).

Tujuan soal selidik ialah untuk mendapatkan data daripada responden. Soal selidik ini juga boleh dianggapkan juga sebagai satu usaha menyampaikan rangsangan bagi mendapatkan jawapan daripada responden (Syed Arabi Idid, 1992: 87).

Dalam membina soal selidik, beberapa perkara perlu diambil perhatian. Weisberg and Bowen (1977: 43) menyatakan "*the survey question should be directly related to the theory and concept that you are investigating. Great care must be exercised in writing questions in order to get information you are seeking. Naturally, the first step in writing questions is to spell out precisely what it is you would like to learn from each question or set of questions*".

Dari ketiga-tiga jenis soal-selidik seperti yang dinyatakan sebelum ini, penyelidik telah memilih soal-selidik jenis skala kadar untuk dikemukakan kepada para responden. Pemilihan ini adalah berdasarkan kesesuaian soal-selidik jenis ini untuk mendapatkan maklumat bagi menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan.

Rasional penyelidik memilih kaedah soal selidik adalah kerana kaedah merupakan kaedah yang terbaik untuk mendapatkan banyak data yang diperlukan daripada jumlah responden yang ramai dalam masa yang singkat. Dengan soalan

yang sama untuk semua responden, penyelidik dapat membuat perbandingan pandangan antara responden setelah data telah dianalisis. Tidak dinafikan juga, melalui kaedah ini, data mudah diproseskan dengan menggunakan komputer. Selain itu, kesahan keputusan daripada data yang diterima adalah sangat tinggi kerana soalnya bersifat objektif.

#### **a) Kajian Rintis**

Kajian rintis dijalankan bagi memastikan soalan-soalan yang terkandung dalam borang soal selidik difahami oleh responden. Tujuan menguji soal selidik dengan cara membuat kajian rintis adalah dengan memilih sejumlah kecil responden yang berpotensi mewakili jenis responden yang akan ditemubual dalam penyelidikan yang sebenar. Ia dibuat bagi memastikan soal selidik akan memenuhi semua keperluan penyelidikan serta persoalan-persoalan berikut dapat di jawab:

- Adakah soalan disusun bagi memudahkan temu bual berjalan lancar?
- Adakah soalan memperolehi keputusan yang dikehendaki?
- Adakah soalan mudah difahami oleh responden?
- Adakah soalan perlu ditambah atau dikurangkan?
- Adakah arahan kepada para penemubual lengkap dan jelas?

Jika terdapat perubahan dan pindaan atau pembetulan, maka soal selidik itu perlu didrafkan sekali lagi dan menguji soal selidik untuk kali kedua. Lebih banyak soal selidik diuji, maka soal selidik itu akan bebas daripada kesilapan dan masalah. Antara prinsip asas dalam penyediaan soal selidik dalam bentuk terakhir ialah soal selidik yang dikemukakan kepada responden tidaklah terlalu panjang kerana ia mengambil masa yang panjang serta membosankan responden. Sebelum mengemukakan soalan kepada responden, penyelidik perlu mendapatkan minat dan kerjasama daripada responden. Penyelidik boleh melakukannya dengan memberi penjelasan yang pendek dan tepat berkenaan penyelidikan (Rohana Yusof, 2003:135).

Berikutan dengan pelaksanaan kajian rintis ini, penyelidik dapat memperbaiki lagi soalan-soalan yang dikemukakan agar responden tidak mempunyai kefahaman yang salah terhadap apa yang dikehendaki oleh pengkaji. Bagi melaksanakan kajian rintis, pengkaji memilih lima orang responden untuk pra percubaan menjawab borang soal selidik. Seterusnya pengkaji meminta pendapat serta pandangan responden tersebut berkaitan soalan yang diajukan.

Respon yang diberikan oleh lima orang responden ialah positif, di mana mereka tidak mengalami sebarang masalah untuk mengisi borang soal selidik. Mereka merasakan bahawa tiada soalan yang tidak difahami oleh mereka dan ayat yang digunakan di dalam soal selidik jelas menunjukkan kehendak soalan yang sebenarnya tanpa terdapat unsur-unsur yang samar. Justeru, penyelidik telah mengekalkan soal selidik yang asal mengikut hasil daripada kajian rintis tersebut.

### **3.1.1.2 Temu bual**

Selain soal selidik, penyelidik juga memilih kaedah temu bual untuk mendapatkan maklumat bagi melengkapkan kajian. Temu bual adalah kaedah bila mana subjek dan penyelidik hadir sama dalam proses memperolehi maklumat. Maklumat penyelidikan diperolehi secara langsung oleh penyelidik daripada subjek. Temu bual digunakan bagi memperolehi maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya yang diperlukan bagi mencapai sesuatu objektif penyelidikan. Soalan yang digunakan bagi merangsang maklumat dibina sebagaimana pembentukan soal selidik dengan beberapa penyesuaian. Cara persoalan adalah perbezaan yang nyata antara kaedah temu bual dengan kaedah soal selidik. Temu bual mengkehendaki kedua-dua pihak, penyelidik dan subjek berinteraksi secara langsung dan aktif. (Rohana Yusof, 2003:154).

Menurut Abu Hassan Othman (1980:7), temu bual merupakan satu proses interaksi antara penemu bual dengan respondennya. Tujuannya adalah untuk mendapatkan data-data penting bertukar-tukar fikiran pengalaman. Walau bagaimanapun temubual ini boleh dikalsifikasikan kepada berbagai cara dengan

mengikut fungsinya atau mengikut bilangan individu yang mengambil bahagian dalam temu bual tersebut.

Kaedah ini juga dapat digunakan untuk memperoleh maklumat yang lebih mendalam memandangkan ia adalah berbeza dengan perbualan biasa kerana ia merupakan perbualan yang dirancang dengan teliti terlebih dahulu. Di samping itu banyak maklumat boleh diperoleh melalui temu bual yang dirancang dengan baik. (Azizah, 1998). Kaedah ini juga fleksibel di mana seseorang yang ditemubual boleh menerangkan perkara yang tidak difahami dengan lebih lanjut lagi. Penemu bual juga boleh membuat pemerhatian terhadap orang yang ditemu bual dan dengan ini boleh menentukan sesuatu perkara berdasarkan reaksi yang diberi (Mohamad Najib Abd Ghaffar, 1999:116).

Rasional pemilihan kaedah temu bual ini adalah kerana kaedah ini dapat menghasilkan maklumat yang lebih tepat daripada maklumat yang didapati daripada kaedah-kaedah pengumpulan data yang lain yang digunakan penyelidik. Kebenaran maklumat yang didapati juga tinggi kerana penemubual dapat meminta penerangan lanjut sekiranya beliau merasa ragu-ragu terhadap kebenaran jawapan yang diberi.

### **3.1.2 Pengumpulan Data Sekunder**

Data sekunder merupakan data sokongan kepada data primer yang telah dikumpulkan. Tujuan data ini adalah untuk mendapatkan penerangan, fakta serta pemahaman atau hasil kajian pengkajian terdahulu berkaitan dengan tajuk kajian. Data-data sekunder yang diperoleh juga bertujuan untuk mengenal pasti dan mendefinisikan masalah dengan lebih jelas serta membina pendekatan kepada masalah dan menjawab beberapa masalah kajian. Selain itu, data sekunder juga merupakan data yang diperoleh dengan cepat dan ekonomi bagi latar belakang maklumat. Ia juga penting bagi menginterpretasikan data primer (Naresh, 1999).

Pengumpulan data sekunder melibatkan kaedah menggunakan sumber-sumber dokumentari. Kaedah ini lebih mengutamakan penyelidikan perpustakaan. Sumber-sumber ini dapat menyumbangkan maklumat yang diperlukan, sama ada

maklumat berbentuk am ataupun empirikal. Data terkumpul daripada kajian-kajian berkaitan yang dilakukan sebelum ini oleh pengkaji yang lain dapat memberikan maklumat asal yang diperlukan (Rohana Yusof, 2003:127).

Sumber sekunder mengandungi bahan-bahan atau maklumat tentang sesuatu kajian yang didapati daripada sumber asli. Fikiran atau pendapat dari pihak ketiga wujud di antara peristiwa, perkembangan dan pengalaman asal dengan penyelidik. Misalnya, fikiran atau pendapat wartawan yang menulis rencana tentang masalah najis dadah di sekolah-sekolah berdasarkan kepada maklumat saksi yang melihat pelajar-pelajar menagih dadah adalah fikiran atau pendapat dari pihak ketiga. Sekiranya penyelidik menggunakan maklumat yang didapati daripada surat khabar tersebut bagi menjelaskan masalah penagihan dadah di sekolah-sekolah, penyelidik menggunakan sumber sekunder kerana maklumat yang diperolehinya adalah hasil daripada maklumat wartawan yang didapati daripada saksi kejadian sebenar (Mohd Majid Konting, 1990: 90,91).

Bagi melaksanakan pengumpulan data sekunder ini, penyelidik telah menggunakan kaedah kajian perpustakaan. Senarai perpustakaan yang dilawati oleh penyelidik akan dinyatakan pada tajuk selepas ini.

### **3.1.2.1 Perpustakaan**

Adapun setiap kajian memerlukan faktor bahan perpustakaan. Sekalipun penyelidikan dilakukan sebagai kerja luar (selidik lapangan), tetap ia memerlukan perkhidmatan perpustakaan. Penyelidik perlu mengkaji segala sesuatu yang ditulis samada berhubungan langsung atau tidak tentang perkara yang dikajinya. Perkembangan ilmu pengetahuan adalah seperti sukan lari berganti-ganti. Pelari pertama menyerahkan baton kepada pelari kedua. Pelari kedua tidak bermula pada garis awal, tapi pada akhir lari pelari pertama. Di akhir larinya pelari kedua menyerahkan baton itu kepada pelari ketiga, demikianlah seterusnya. (Sidi Gazalba, 1981:54).

Demikianlah seorang penyelidik perlu mengetahui apa-apa yang sudah diketahui tentang perkara yang sedang diselidikinya. Untuk itu dia perlu melakukan penyiasatan maklumat (penyelidikan perpustakaan). Kalau ini tidak dilakukannya, ia terpaksa mula dari pangkal, seperti pelari akhir memulakan larinya pada garis awal. hal ini berlawanan dengan sifat progresif daripada sains. Di samping itu ia akan mengkaji kembali apa-apa yang telah dikaji orang terdahulu. Maka akan sukarlah untuk mendapatkan kemajuan dalam ilmu pengetahuan (*ibid:55*).

William dan Susan (1988:63) menyatakan bahawa “*Researchers who do not know their libraries are crippled; they bypass vast bodies of information that they could find easily. Some rely merely on Encyclopedia Britannica, Reader’s Guide to Periodical Literature, and Who’s Who in America. Others simply make a beeline for the card catalog. Those researchers who can find their way in alrge library can find a profusion of facts, often quite quickly*”.

Kajian perpustakaan merupakan salah satu cara untuk menyiapkan tugas yang telah diberikan. Banyak buku rujukan diperolehi dari beberapa perpustakaan bagi membantu dalam menyiapkan tugas ini. Buku-buku yang diperolehi adalah buku-buku yang berkaitan dengan sejarah Balaghah, Perkembangan Balaghah di Malaysia, jurnal-jurnal, kertas-kerja kertas-kerja, kandungan kusus-kursus metodologi penyelidikan sains sosial, dan contoh-contoh tesis yang berkaitan. Semua buku tersebut banyak mengandungi sumber rujukan dan berkait rapat dengan penyelidikan ini. Selain itu juga, kajian perpustakaan merupakan lokasi kedua yang terpenting dalam tugas ini, di mana semua kemudahan untuk mendapatkan bahan rujukan mudah diperolehi. Begitu juga dengan kemudahan internet, fotokopi dan sebagainya turut juga disediakan di sana.

Oleh itu kajian perpustakaan merupakan sumber utama bahan rujukan dalam menyiapkan tugas ini selain daripada beberapa kaedah lain yang digunakan dalam menyiapkan tugas yang telah diamanahkan. Perpustakaan yang telah digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan ialah:



- a) Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- b) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- c) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak.
- d) Perpustakaan Pusat Islam, Kuala Lumpur.
- e) Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- f) Perpustakaan Masjid Sultan Ismail (PSI), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

### **3.2 LOKASI KAJIAN**

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor (SMA) yang berada di bawah pengurusan Jabatan Agama Johor (JAJ). Ia merangkumi enam buah sekolah iaitu:

- i) SMA Kerajaan Johor, Kluang.
- ii) SMA Kota Tinggi, Kota Tinggi.
- iii) SMA Maahad Pontian, Pontian.
- vii) SMA Maahad An-Nur, Pontian.
- viii) SMA Bugisiah, Pontian.
- ix) SMA Al-Quran wa al-Din, Johor Bahru.

### **3.3 SAMPEL KAJIAN**

Sebelum sesuatu kaji selidik dijalankan, seorang penyelidik perlu menentukan dua perkara asas, iaitu:

- a) Sama ada untuk mengkaji keseluruhan populasi, atau;
- b) Mengkaji sebahagian elemen daripada populasi. Pemilihan sebahagian elemen yang terdapat dalam satu populasi disebut sebagai persampelan. Satu sampel adalah satu bahagian daripada populasi (Syed Arabi Idid, 1992:45).

Pensampelan merupakan satu langkah penting dalam memulakan sesuatu penyelidikan sains sosial. Hal ini kerana pensampelan dan populasi adalah suatu konsep yang penting dan perlu dirangka dengan baik dalam memungut data. Langkah yang penting ini adalah suatu masalah yang rumit dalam penyelidikan sains sosial kerana seseorang penyelidik itu tidak mampu untuk memeriksa seluruh populasi yang berkaitan dengan kajiannya. Pada asasnya, pensampelan dilakukan dengan memilih sebahagian daripada populasi yang telah dikenalpasti bagi tujuan membuat kesimpulan berkaitan keseluruhan populasi tadidalam menjalankan sesuatu kajian. Justeru itu, sampel ialah sebahagian daripada populasi yang dipilih dengan menggunakan satu kaedah pemilihan sampel bagi mewakili keseluruhan populasi (Rohana Yusof, 2003:83).

Populasi merupakan cerapan ke atas sekumpulan individu atau objek. Individu atau objek yang dicerap mestilah mempunyai sekurang-kurangnya satu ciri atau sifat yang sama antara satu dengan yang lain. Tiap-tiap individu atau objek di dalam satu-satu populasi mungkin berbeza dalam banyak segi, namun setiap individu mestilah mempunyai tidak kurang daripada satu ciri yang sama. Ciri yang sama ini mestilah boleh dicerap dan diukur. Sekiranya sesuatu ciri tidak dapat dicerap dan diukur, kumpulan tersebut bukanlah satu populasi (Mohd Majid Konting, 1990:58).

Stack dan Hocking (1992) mengatakan bahawa sampel merupakan kajian yang melibatkan penghuraian subset kepada satu populasi yang dipilih di mana ia mewakili penerangan yang tepat bagaimana populasi yang dipilih itu bertindak. Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan sampel daripada responden adalah secara rawak kelompok sehingga memenuhi kehendak penyelidik.

Menurut Ahmad Mahdzan Ayob (1992:55), sampel ialah sekumpulan kecil unsur yang telah “dicabut” (seperti yang dilakukan dalam cabutan ‘nombor bertuah’) daripada sesuatu rangka pensampelan. Sampel adalah subset sesuatu populasi. Seseuatu sampel itu dikatakan mewakili sesuatu populasi yang dikaji. sebenarnya sesuatu tinjauan bertujuan untuk membuat kesimpulan tentang populasi berdasarkan maklumat yang terkandung dalam sampel.

Pensampelan merupakan strategi penyelidikan bila mana penyelidik boleh mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut. Sebahagian individu yang diambil melalui persampelan bagi mewakili sesuatu populasi yang dikaji dinamakan sampel. Maklumat yang didapati daripada sampel boleh digunakan bagi menganggar maklumat tentang populasi yang dikaji. Daripada sampel, penyelidik boleh menganggar parameter populasi seperti min, varians dan sisihan piawai. Nilai-nilai seperti min, varians dan sisihan piawai yang didapati daripada sampel dinamakan statistik. Dengan kata lain, melalui persampelan kita boleh menggunakan statistik sampel untuk menganggar parameter populasi (Mohd Majid Konting, 1990:63).

Dalam memilih golongan yang menjadi sampel, Ahmad Mahdzan Ayob (1992:90) menyatakan bahawa kita hendaklah memastikan bahawa sampel itu benar-benar mewakili populasi yang dikaji. Mohd Nawi Ab Rahman (2000:49) pula menyatakan bahawa unit untuk dikaji juga perlu dipilih dengan teratur. Kita ingin memastikan supaya yang terpilih itu benar-benar mewakili bahagian yang menyeluruh serta teragih dengan baik.

Kenyataan ini disokong oleh Abu Hassan Othman (1980:3) dengan menyatakan bahawa pemilihan sampel kajian merupakan satu kerja yang rumit, kompleks dan mengambil masa. Ini adalah kerana seseorang penyelidik itu cuba memilih satu kumpulan individu yang kecil bilangannya, dan individu yang dipilih itu pula hendaklah dapat mewakili keseluruhan penduduk (*population*) atau *universe* yang lebih besar bilangannya. Dalam erti kata yang lain, data yang dapat dikumpulkan daripada individu yang kecil bilangannya itu secara relatifnya mestilah dapat memberi gambaran tentang situasi atau *universe* yang dikaji.

Persampelan mempunyai tujuannya yang menyebabkan ia menjadi satu aspek penting yang perlu dititikberatkan oleh penyelidik. Syed Arabi Idid (1992:46) menyatakan bahawa terdapat dua tujuan membuat sampel iaitu: pentaksiran dan ujian hipotesis. Dua tujuan tersebut ialah:

a) Tujuan utama ialah untuk mentaksirkan parameter populasi. Parameter adalah ciri-ciri populasi yang diminati oleh pengkaji seperti umur, pelajar dalam kolej,

jumlah pekerja yang mempunyai tanah dan sebagainya. Apabila kita menggunakan sampel, kita akan mendapat ciri-ciri sampel yang digelar statistik dan daripada statistik itu, kita membuat taksiran terhadap parameter populasi. Kenyataan itu dibuat dengan mengambil kira ralat persampelan. Satu sampel yang baik akan mempunyai ciri-ciri persamaan dengan populasi.

b) Tujuan kedua adalah untuk menguji hipotesis statistik tentang populasi. Kita mungkin mempunyai hipotesis bahawa 85 peratus lelaki menonton televisyen. Daripada sampel kita dapati 77 peratus yang menonton televisyen. Soalnya, adakah kita dapat menerima hipotesis tersebut, berpandukan kepada satu nilai hipotetikal?

Para pelajar tingkatan lima yang mengambil mata pelajaran Balaghah di dalam kertas Bahasa Arab Tinggi (BAT) SPM telah diambil untuk menjadi sampel bagi tujuan kajian. Jumlah sampel yang diambil merangkumi 320 orang pelajar daripada jumlah keseluruhan 1082 orang pelajar tingkatan lima di seluruh Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor (SMA). Jumlah responden itu telah mencukupi 30% dari keseluruhan populasi pelajar tingkatan lima di sekolah-sekolah SMA seluruh negeri Johor. Enam sekolah telah dipilih daripada beberapa daerah di negeri Johor untuk menjadi lokasi kajian seperti yang telah disebutkan di atas. Setiap sekolah seperti yang dinyatakan di dalam tajuk sebelum ini secara puratanya akan diwakili dengan 50 orang pelajar yang diambil sebagai responden.

Bilangan responden bagi setiap sekolah adalah seperti berikut. Sekolah yang paling ramai sampelnya ialah SMA Bugisiah, Pontian iaitu sebanyak 64 orang responden merangkumi 20% daripada jumlah keseluruhan responden. Sekolah yang kedua terbanyak ialah SMA Kerajaan Johor, Kluang iaitu sebanyak 61 responden menyamai 19.1% daripada jumlah keseluruhan responden. Kemudian diikuti oleh SMA Kota Tinggi, Kota Tinggi iaitu sebanyak 60 responden (18.7%), SMA Maahad An-Nur iaitu 53 responden (16.6%), SMA Maahad Pontian 42 responden (13.1%) dan sekolah yang terakhir ialah SMA Al-Quran Waddin, Johor Bahru sebanyak 40 orang responden yang merangkumi 12.5% daripada jumlah keseluruhan responden.

Secara rasionalnya, para pelajar tersebut dipilih kerana mereka telah mempelajari Balaghah dengan lebih khusus dan mendalam di dalam kertas Bahasa Arab Tinggi (BAT), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berbanding calon Penilaian Menengah Rendah (PMR). Ini bertujuan agar penyelidikan ini mendapat maklumat yang tepat lantaran responden yang terlibat berpengalaman dengan tajuk yang berkaitan. Tambahan daripada itu, mereka juga merupakan bekas calon peperiksaan kertas Balaghah bagi Sijil Menengah Agama (SMA), satu peperiksaan yang dikelolakan oleh Jabatan Agama Johor, yang mana silibusnya diambil daripada sukatan pelajaran sekolah menengah Al-Azhar, Mesir. Hal ini menambahkan lagi keyakinan penyelidik bahawa responden yang dipilih benar-benar telah mengenali ilmu Balaghah.

Selain itu, penyelidik memilih sekolah untuk beberapa daerah di negeri Johor adalah bagi memasti sampel kajian yang terpilih itu benar-benar mewakili bahagian yang menyeluruh serta teragih dengan baik. Hal ini seterusnya akan dapat memastikan bahawa sampel yang dipih ini benar-benar mewakili populasi yang dikaji iaitu seluruh pelajar-pelajar tingkatan lima di sekolah-sekolah menengah agama rakyat seluruh negeri Johor.

### **3.4 INSTRUMEN KAJIAN**

Soal selidik diedarkan kepada 320 orang pelajar yang mewakili responden yang mana setiap sekolah secara puratanya akan diwakili oleh 80 orang pelajar. Borang soal selidik dalam kajian ini telah dibangunkan berdasarkan kepada objektif kajian supaya maklumat yang diperoleh akan lebih spesifik dan tepat. Di samping itu juga, penyelidik turut menjadikan kajian-kajian lepas sebagai panduan untuk membina soalan-soalan tersebut. Borang soal selidik ini melibatkan dua bahagian yang utama iaitu bahagian A dan B.

#### **(i) Bahagian A**

Dalam bahagian A, penyelidik mengemukakan soalan-soalan yang melibatkan latar belakang pelajar dari segi jantina, tingkatan, pendidikan individu, pekerjaan ibu

bapa, mula belajar membaca al-Quran, kemahiran bahasa Jawi, masa mengulang kaji pelajaran bahasa Arab, keputusan peperiksaan bahasa Arab, saudara mara yang pernah mempelajari bahasa Arab serta tujuan mempelajari bahasa Arab.

## (ii) Bahagian B

Skala Likert telah digunakan bagi soalan-soalan dari bahagian B, C dan bahagian D. Dalam skala Likert, responden dikehendaki menandakan jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain, contohnya daripada 'sangat setuju' kepada 'sangat tidak setuju' (Mohamad Najib, 1999:88). Contoh Skala Likert adalah seperti yang diberikan di bawah:

Pilihan	Skala Lima Mata Likert
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Tidak Pasti	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

**Jadual 3.1:** Skala Lima Mata Likert

### 3.5 PENGANALISISAN DATA

Selepas maklumat atau data dikumpul, dicanai dan dipilih mengikut kesesuaian permasalahan penyelidikan, tibalah masanya penyelidik melakukan aktiviti penganalisan data tersebut. Dalam perkara ini, terdapat empat aktiviti penganalisan data iaitu pemprosesan data, membuat kenyataan berdasarkan data yang diproses, mengatkan atau membandingkan dapatan kajian dengan hasil lain dan membuat kesimpulan atau implikasi berdasarkan peringkat 1 dan 2 (Sulaiman Masri, 2003:66).

Data dan maklumat yang dipoeroleh di dalam penyelidikan tidak memberi maksud dan makna berkaitan sesuatu kajian kecuali ia dianalisis dengan

menggunakan bentuk analisis yang khusus. Penganalissian data adalah aktiviti memperoleh maklumat yang berguna daripada bahan mentah. Penganalissian data melibatkan aktiviti manipulasi seperti mengatur, memilih, menggabung dan menjadualkan. Dengan itu, data tersebut perlu dianalisis bagi mengenal pasti permasalahan yang wujud dan memperoleh sumber maklumat yang berguna. Berasaskan maklumat yang terhasil daripada penganalissian tersebut, penyelidik akan menggunakan maklumat tersebut sebagai bukti membuat sesuatu keputusan. (Rohana Yusof, 2003:183).

Penganalissian data yang diperoleh daripada soal selidik dan temu bual adalah dengan menggunakan kaedah analisis statistik mudah. Terdapat dua bentuk kaedah analisis iaitu:

### **3.5.1 Kaedah Kualitatif**

Data yang dianalisis dalam kaedah kualitatif adalah perkataan, gambar atau artifak dan bukannya nilai angka. Data kaedah kualitatif terdiri daripada nota catatan lapangan, transkrip temu bual, gambar, artifak, pita rakaman audio/video, memo, dokumen bertulis rasmi atau tidak rasmi atau sebagainya. Data-data ini lebih banyak dianalisis secara deskriptif. Penyelidik tidak menukarkan data-data tersebut dalam bentuk angka seperti pendekatan kajian kuantitatif. Penyelidik cuba menghurai, memahami dan menjelaskan maksud tersurat dan tersirat daripada data-data tersebut supaya menjadi sesuatu yang bermakna (Rohana Yusof, 2003:147).

### **3.5.2 Kaedah Kuantitatif**

Apabila menggunakan pendekatan bersifat kuantitatif, penyelidik kerap mengumpul data daripada sejumlah besar individu, membuatnya begitu rumit tetapi tidak mustahil menilai data kerana keluasannya. Dalam pendekatan kuantitatif, tinjauan dilakukan ke atas sejumlah besar individu atau menggunakan jadual temu bual berstruktur yang mana soalan adalah berbentuk soalan tertutup digunakan. Sebagai tambahan kepada teknik pengumpulan data yang standard dalam tinjauan dan temu bual, berbagai-bagai teknik krestif direka bagi penyelidikan bersifat kuantitatif ini (Rohana Yusof, 2003:151). Analisis kuantitatif terdiri daripada persembahan nombor

dan manipulasi pemerhatian bagi tujuan penerangan dan perbincangan fenomena tersebut (Babbie, 1995).

Kaedah ini digunakan dalam menganalisis hasil daripada borang soal selidik telah disediakan oleh penyelidik yang diedarkan kepada 320 orang responden dari beberapa sekolah menengah agama Johor yang telah dipilih. Penyelidik telah menyampaikan borang soal selidik itu sendiri serta berjumpa sendiri dengan responden. Bermakna penyelidik tidak menggunakan teknik soal-selidik secara pos. Borang soal selidik yang telah lengkap diisi oleh responden telah dipungut oleh penyelidik pada waktu itu juga.

Penyelidik menggunakan pakej bantuan analisis statistik iaitu pengaturcaraan *Statistical Package For Social Sciences (SPSS) versi 11.5* bagi tujuan menganalisis data. Data dan maklumat yang dianalisis dalam kaedah kuantitatif ini diperoleh daripada soal selidik yang merupakan data primer. Hasil analisis kemudiannya disusun dan dibentuk dalam bentuk jadual supaya lebih mudah difahami.

Perisian ini adalah satu daripada beberapa pekej perisian komputer yang digunakan untuk menganalisis dan memproses data penyelidikan khususnya penyelidikan sosial dan pendidikan. SPSS dibina khas untuk menampung penganalisan data yang banyak dan berulang-ulang dengan cepat dan cekap. Di samping itu, SPSS juga dibina dengan mengambil kira paras ukuran yang sering digunakan di dalam penyelidikan pendidikan seperti ukuran-ukuran nominal, ordinal, sela dan nisbah. (Mohd Majid Konting, 1990:288).

Tujuan penyelidik mengumpul data ialah untuk :

1. memerihalkan sesuatu populasi dengan menggunakan statistik sampel, seperti purata, sisihan piawai, atau membandingkan beberapa populasi dari segi ciri-ciri penting populasi itu.



2. Mengelaskan atau mengelompokkan responden mengikut ciri-ciri tertentu dengan membuat taburan ulangan atau memaparka secara jadual; - dengan tujuan supaya dapat diketahui berapa ramai responden yang mempunyaio ciri-ciri tertentu.
3. Menguji sama ada ciri-ciri tertentu responden berkait dengan ciri-ciri tertentu yang lain, misalnya menguji samada penggunaan sesuatu teknologi berkait dengan keluasan ladang seseorang peladang atau penggunaan teknologi teknolkogi pendidikan oleh guru berkait dengan personaliti guru (seperti diukur dengan 16PF).
4. Mengukur hubungan di antara satu angkubah sandar dengan beberapa angkubah bebas, dan menguji keeretian keputusan yang diperoleh.

SPSS dan SPSS/PC+ adalah dua perisian komputer ‘adik-beradik’ yang boleh digunakan oleh penyelidik untuk mencapai semua tujuan tersebut di atas. SPSS adalah perisian yang digunakan dalam kerangka utama komputer,manakala SPSS/PC+ ialah perisian khusus untuk komputer peribadi (mikro komputer). (Ahmad Mahdzan Ayob, 1992:145).

Data atau maklumat yang diperoleh daripada bahagian A dianalisis untuk mengetahui latar belakang sampel kajian. Nilai kekerapan dan peratusan digunakan bagi memperolehi maklumat yang berkaitan. Manakala bagi data mentah bahagian B pula dianalisis untuk mengetahui hasil pandangan responden terhadap setiap item yang diberikan untuk menjawab segala persoalan kajian. Analisis bahagian B ini dibentangkan dalam bentuk peratusan dan min bagi lima jenis respons sahaja seperti berikut:

**Jadual 3.2** Skala Pengukuran Tahap Penguasaan

Tidak Setuju	1.50 – 2.49
<b>Skala</b>	<b>Min</b>
Tidak Pasti	2.50 – 3.49
Sangat Tidak Setuju	1.00 – 1.49

Setuju	3.50 – 4.49
Sangat Setuju	4.50 – 5.00

### 3.6 JANGKA MASA KAJIAN

Jangka masa yang digunakan untuk menyiapkan kajian ini memakan masa selama setahun. Bermula daripada awal Januari tahun 2005 hinggalah ke akhir Disember 2005. Pelaksanaan kajian dilakukan secara berperingkat-peringkat mengikut fasa-fasa pelaksanaan kajian. Jadual di bawah menunjukkan bagaimana proses kajian dilaksanakan.


**Jadual 3.3** Jangka Masa Kajian

No	Aktiviti Projek	Bulan											
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
1.	Kajian literatur dan observasi kajian sebelumnya	■											
2.	Pengumpulan data				■								
3.	Pengedaran soal selidik dan kunjungan kawasan kajian					■							
4.	Analisis Data: SPSS							■					
5.	Penulisan dan penyediaan laporan akhir kajian										■		●

### 3.7 TATACARA KAJIAN

Data untuk kajian akan dikumpulkan melalui tatacara yang telah dirancang terlebih dahulu. Penyelidik akan mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kajian ini daripada Jabatan Agama Johor (JAJ) selaku badan yang bertanggungjawab dalam pengurusan sekolah-sekolah agama di negeri Johor. Apabila kebenaran diberikan, penyelidik akan meminta keizinan rasmi daripada pihak sekolah khususnya pengetua bagi mengedarkan soalan soal selidik. Borang-borang diagihkan kepada semua responden dan dipungut kembali untuk dianalisis oleh penyelidik dan mendapat data serta dapatannya.

Semua dapatan akan dibincangkan dan dibuat satu rumusan mengenai tajuk kajian. Setelah selesai, proses penyediaan laporan dilakukan oleh penyelidik bagi membuat laporan terakhir mengenai tajuk kajian ini. Carta tatacara kajian ini dilaksanakan dapat dilihat dalam jadual berikut:



**Rajah 3.1** Tatacara Kajian

### 3.8 KESIMPULAN

Bab ini menjelaskan bagaimana kaedah kajian ini dijalankan berasaskan kepada metode terkini yang dinyatakan oleh para sarjana. Hasil daripada kajian akan dianalisis dalam bab seterusnya yang akan merumuskan beberapa dapatan yang akan menjawab persoalan-persoalan sebelumnya.


## BAB IV

### ANALISIS DATA

#### 4.0 PENGENALAN

Dalam bab ini, penyelidik akan membincang dan menghuraikan hasil penganalisan data serta keputusan yang diperoleh berdasarkan maklum balas daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden di setiap sekolah yang terlibat. Maklum balas yang dikumpul telah dikaji dari pelbagai aspek untuk menjawab persoalan kajian seperti mana yang telah dinyatakan dalam bab I yang lalu. Data yang telah dikumpul akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 11.5.

Data-data yang terkumpul akan dianalisis bagi mencapai matlamat dan objektif kajian (Kamarudin Ngah dan Roslim, 1990:99). Keadaan ini digambarkan pada rajah berikut:



**Rajah 4.1** Proses Penganalisan Data

Data-data primer (termasuk maklumat daripada soal selidik) dan data-data sekunder disatukan dan dianalisis. Kadang-kadang pergantungan kepada data

sekunder semata-mata untuk menjelaskan sesuatu keadaan masih belum mencukupi. Oleh sebab data-data sekunder hanya mewakili gambaran tahun-tahun kebelakangan atau measih belum lengkap. Penyatuan dengan data-data primer menguatkan lagi kesahihan data dan maklumat.

Terdapat beberapa perkara penting yang perlu diambil perhatian terhadap tujuan penyelidik mengumpul data:

1. Memerihalkan sesuatu populasi dengan menggunakan statistik sampel, seperti purata, sisihan piawai, atau membandingkan beberapa populasi dari segi ciri-ciri penting populasi itu.
2. Mengelaskan atau mengelompokkan responden mengikut ciri-ciri tertentu dengan membuat taburan ulangan atau memaparka secara jadual dengan tujuan supaya dapat diketahui berapa ramai responden yang mempunyai ciri-ciri tertentu.
3. Menguji sama ada ciri-ciri tertentu responden berkait dengan ciri-ciri tertentu yang lain, misalnya menguji sama ada penggunaan sesuatu teknologi berkait dengan keluasan ladang seseorang peladang atau penggunaan teknologi pendidikan oleh guru berkait dengan personaliti guru (seperti diukur dengan 16PF).
4. Mengukur hubungan antara satu angkubah sandar dengan beberapa angkubah bebas, dan menguji keeretian keputusan yang diperolehi.

Melihat kepada kepentingan analisis data yang diperolehi, penyelidik telah menganalisis data-data yang diperolehi daripada responden yang mengisi borang soal selidik. Pengkaji telah menggunakan perisian SPSS untuk memudahkan proses penganalisan data.

Menurut Mohd Majid Konting (1990:288), perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS)* adalah satu daripada beberapa pekej perisian komputer yang digunakan untuk menganalisis dan memproses data penyelidikan khususnya penyelidikan sosial dan pendidikan. SPSS dibina khas untuk menampung penganalisan data yang banyak dan berulang-ulang dengan cepat dan cekap. Di samping itu, SPSS juga dibina dengan mengambil kira paras ukuran yang sering

digunakan di dalam penyelidikan pendidikan seperti ukuran-ukuran nominal, ordinal, sela dan nisbah.

Secara keseluruhannya, sebanyak 320 set borang soal selidik telah diedarkan kepada responden yang terlibat. Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan 5 dari enam buah Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor seperti yang telah dinyatakan di dalam bab sebelumnya. Daripada jumlah yang tersebut, tiada satu set borang pun yang tertinggal, hilang dan sebagainya. Kesemua borang soal selidik berjaya dikutip dan dikumpulkan semula oleh penyelidik.

Proses penganalisan data bagi soal selidik yang dijalankan adalah bertujuan untuk menentukan kekerapan, peratusan dan min (purata) bagi setiap item yang dikemukakan. Proses tersebut dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A (latar belakang responden) dan Bahagian B (soal selidik). Bagi bahagian yang pertama, ia mengandungi 10 item yang terdiri daripada jantina, tingkatan, minat mempelajari bahasa Arab, waktu mula mempelajari Bahasa Arab, masa mengulang-kaji bahasa Arab seminggu, keputusan peperiksaan Bahasa Arab Komunikasi PMR, saudara-mara yang mempelajari bahasa Arab, tujuan mempelajari bahasa Arab, sebab mengambil Bahasa Arab Tinggi dalam SPM, dan akhir sekali komponen pengajian bahasa Arab SPM yang diminati.

Manakala untuk bahagian yang kedua (soal selidik) pula mengandungi item-item soalan yang dibina berpandukan kepada persoalan kajian seperti mana yang telah dimaklumkan sebelum ini. Kesemua hasil analisis dan keputusan daripada soal selidik dapat dilihat melalui jadual-jadual yang dipaparkan selepas ini beserta huraiananya.

#### **4.1 BAHAGIAN A (LATAR BELAKANG RESPONDEN)**

Pada bahagian ini, penyelidik akan menghuraikan dan membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan latar belakang responden. Ini termasuklah perkara-perkara yang telah dinyatakan pada 4.0 tadi. Penganalisan data pada bahagian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran umum mengenai latar belakang

responden. Jumlah keseluruhan responden ialah sebanyak 320 orang pelajar. Perbincangan pada bahagian ini akan dijelaskan mengikut kategori item yang telah ditetapkan sebagaimana yang dipaparkan dalam jadual-jadual di bawah.

#### 4.1.1 Jantina

**Jadual 4.1** Taburan Respoden Mengikut Jantina

Item	Perkara		Kekerapan	Peratus (%)
1	Jantina	Lelaki	122	38.1
		Perempuan	198	61.9
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>

$n = 320$

Jadual 4.1 menunjukkan taburan responden kajian berdasarkan jantina. Secara keseluruhannya, sebanyak 320 responden telah terpilih untuk menjawab soal selidik yang dikemukakan. Jadual menunjukkan responden terdiri daripada pelajar lelaki dan juga perempuan. Sebanyak 122 orang pelajar lelaki atau meliputi sebanyak 38.1% terlibat dalam menjayakan penyelidikan ini. Manakala pelajar perempuan yang terlibat terdiri daripada 198 orang atau 61.9%. Ini menunjukkan responden perempuan lebih ramai terlibat berbanding responden lelaki dalam penyelidikan ini.

Proses pemilihan jumlah status jantina adalah untuk memudahkan proses terhadap data yang diperoleh. Selain itu juga, ia bertujuan untuk mempelbagaikan responden kerana pemikiran dan pemahaman antara lelaki dan perempuan seringkali berbeza.

#### 4.1.2 Minat Mempelajari Bahasa Arab



**Jadual 4.2** Taburan responden menurut minat mempelajari bahasa Arab

Item	Perkara		Kekerapan	Peratus (%)
2	Minat Terhadap Bahasa Arab	Minat	216	67.5
		Kurang Minat	103	32.2
		Tidak Minat	1	0.3
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>

$n = 320$

Jadual 4.2 di atas menunjukkan tahap minat responden terhadap bahasa Arab. Apa yang dapat dilihat di sini ialah daripada 320 orang pelajar yang menjadi responden, 216 orang iaitu 67.5% daripada keseluruhan responden menyatakan dengan yakin bahawa mereka sememangnya berminat untuk mempelajari bahasa Arab. Sebanyak 103 orang responden atau 32.2% daripada keseluruhan responden pula menyatakan bahawa mereka kurang berminat dengan mata pelajaran bahasa Arab. Manakala hanya seorang responden iaitu meliputi 0.3% responden sememangnya tidak meminati bahasa Arab. Hasil yang didapati bahawa sebahagian besar daripada responden sememangnya berminat terhadap bahasa Arab.

#### 4.1.3 Mula Mempelajari Bahasa Arab

**Jadual 4.3** Taburan responden menurut peringkat pendidikan mula mempelajari Bahasa Arab

Item	Perkara		Kekerapan	Peratus (%)
3	Mula Mempelajari Bahasa Arab	Pra-sekolah/ Tadika	25	7.8
		Sekolah Rendah	91	28.4
		Sekolah Menengah	204	63.8
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>

$n = 320$

Jadual 4.3 di atas menunjukkan peringkat pendidikan di mana responden mula mempelajari bahasa Arab. Apa yang dapat dilihat di sini ialah daripada 320 orang pelajar yang menjadi responden, 25 orang iaitu 7.8% daripada keseluruhan responden mula mempelajari bahasa Arab di peringkat tadika atau pra-sekolah lagi. Sebanyak 91 orang responden atau 28.4% daripada keseluruhan responden pula mempelajari bahasa Arab bermula di peringkat sekolah rendah. Manakala 204 orang yang lain iaitu meliputi 63.8% responden mempelajari bahasa Arab bermula di sekolah menengah.

Hasil yang didapati bahawa, majoriti daripada responden masih baru mempelajari bahasa Arab iaitu mereka mula mempelajarinya sejak di peringkat sekolah menengah.

#### 4.1.4 Masa Mengulangkaji Bahasa Arab Seminggu

**Jadual 4.4** Taburan responden mengikut masa mengulangkaji bahasa Arab seminggu

Item	Perkara	Kekerapan	Peratus (%)	
4	Masa Mengulangkaji Bahasa Arab Seminggu	Kurang 1 jam	143	44.7
		1 hingga 2 jam	114	35.6
		2 hingga 3 jam	45	14.1
		Lebih 3 jam	18	5.6
<b>Jumlah</b>		<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Pada Jadual 4.4 menunjukkan taburan responden berdasarkan masa yang diperuntukkan oleh responden untuk mengulangkaji subjek bahasa Arab dalam seminggu. Jadual di atas jelas menyatakan kepada kita bahawa mereka yang memperuntukkan masa yang kurang daripada satu jam menunjukkan jumlah yang paling ramai iaitu 143 pelajar atau merangkumi 44.7%. Sementara itu, responden yang memperuntukkan masa lebih daripada tiga jam membawa nilai paling sedikit iaitu hanya 5.6% atau 18 orang pelajar sahaja. Manakala selebihnya adalah mereka yang memperuntukkan 1 hingga 2 jam iaitu sebanyak 114 orang yang meliputi

35.6% daripada keseluruhan responden. Terdapat 45 responden yang memperuntukkan 2 hingga 3 jam seminggu iaitu sebanyak 14.1% daripada keseluruhan responden.

Hasil yang didapati sejumlah besar responden memperuntukkan masa yang sangat sedikit untuk mengulangkaji subjek bahasa Arab. Hasil daripada item ini bersangkutan dengan item ke-3 sebelum ini iaitu berkaitan dengan minat responden terhadap bahasa Arab. Kemungkinan responden lebih menumpukan masa mereka untuk mengulangkaji subjek-subjek lain.

#### 4.1.5 Keputusan peperiksaan Bahasa Arab Komunikasi PMR

**Jadual 4.5** Taburan responden mengikut keputusan peperiksaan Bahasa Arab Komunikasi PMR

Item	Perkara	Kekerapan	Peratus (%)	
5	Bahasa Arab PMR	A - B	140	43.8
		C - D	141	44.1
		E	39	12.2
<b>Jumlah</b>		<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Jadual 4.5 menunjukkan taburan responden mengikut keputusan yang mereka dapati daripada kertas Bahasa Arab Komunikasi dalam peperiksaan PMR. Keputusan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu golongan yang memperolehi gred A dan B, gred C dan D dan gred E. Didapati terdapat keseimbangan diantara bilangan responden yang mendapat keputusan yang cemerlang dan responden yang berkeputusan sederhana. Responden yang memperolehi gred A dan B sebanyak 140 orang iaitu sebanyak 43.8% daripada keseluruhan responden. Diikuti pula oleh responden memperolehi gred C dan D iaitu sebanyak 141 orang responden iaitu 44.1% daripada keseluruhan responden.. Manakala terdapat 39 orang responden sahaja yang memperolehi gred E iaitu 12.2% daripada semua responden.

Dapat dibuat satu kesimpulan bahawa responden dapat menguasai bahasa Arab dengan baik. Hal ini kerana sebahagian besar responden lulus dalam peperiksaan di peringkat PMR.

#### 4.1.6 Saudara yang Mempelajari Bahasa Arab

**Jadual 4.6** Taburan responden mengikut kedapatan saudara mara responden yang mempelajari bahasa Arab.

Item	Perkara		Kekerapan	Peratus (%)
6	Saudara yang Mempelajari Bahasa Arab	Ada	213	66.6
		Tiada	107	33.4
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>

$n = 320$

Jadual 4.6 pula menunjukkan berkenaan taburan responden mengikut saudara responden yang mempelajari bahasa Arab. Didapati majoriti responden mempunyai saudara mara yang mempelajari bahasa Arab. Perkara ini dibuktikan apabila sebanyak 213 responden mempunyai saudara yang mempelajari bahasa Arab iaitu meliputi 66.6% daripada kelseluruhan responden. Manakala selebihnya iaitu sebanyak 33.4% responden tidak mempunyai saudara yang mempelajari bahasa Arab iaitu sebanyak 107 orang responden.

Kesimpulan yang boleh dibuat bahawa, majoriti responden mempunyai latar belakang keluarga yang tidak bermasalah untuk menggalakkan responden bagi mendalami ilmu bahasa Arab. Namun ramai juga responden yang tidak bernasib baik seperti tersebut.

#### 4.1.7 Tujuan Mempelajari Bahasa Arab

**Jadual 4.7** Taburan responden mengikut tujuan mempelajari bahasa Arab.

Item	Perkara	Kekerapan	Peratus (%)
7	Mendalami ajaran agama Islam	249	77.8
	Mendalami bahasa Arab itu sendiri	40	12.5
	Untuk bertutur di dalam bahasa Arab	13	4.1
	Hanya sebagai mata pelajaran tambahan	14	4.4
	Lain-lain	4	1.3
<b>Jumlah</b>		<b>320</b>	<b>100%</b>

$n = 320$

Jadual 4.7 menunjukkan taburan responden mengikut tujuan mempelajari bahasa Arab. Majoriti responden menunjukkan respon yang terbaik dengan memilih mendalami ajaran agama Islam sebagai respon mereka. Mereka adalah sebanyak 249 orang responden iaitu sebanyak 77.8% daripada keseluruhan responden. Responden yang mempelajari bahasa Arab untuk mendalami bahasa Arab itu sendiri sebanyak 40 orang iaitu 12.5% daripada keseluruhan responden. Sebanyak 13 responden mempelajari bahasa ini untuk bertutur dalam bahasa Arab iaitu sebanyak 4.1% daripada keseluruhan responden. Terdapat 4.4% responden yang mempelajari bahasa Arab hanya sebagai mata pelajaran tambahan, manakala yang memilih lain-lain tujuan sebanyak 4 orang responden iaitu 1.3% daripada keseluruhan responden.

Kesimpulan yang boleh dibuat bahawa, majoriti responden memahami tujuan mereka mempelajari bahasa Arab dengan baik iaitu untuk memahami ajaran Islam dan bahasa Arab itu sendiri.

#### 4.1.8 Sebab Mengambil Bahasa Arab Tinggi SPM

**Jadual 4.8** Taburan Penguasaan responden mengikut sebab mengambil subjek Bahasa Arab Tinggi SPM

Item	Perkara		Kekerapan	Peratus (%)
8	Sebab Mengambil Bahasa Arab Tinggi SPM	Dapat mengetahui banyak bidang pengajian dalam bahasa Arab	273	85.3
		Terpaksa/ Tiada pilihan lain	47	14.7
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>

$n = 320$

Jadual 4.8 di atas menunjukkan berkenaan klasifikasi tujuan responden mengambil subjek Bahasa Arab Tinggi SPM . Terdapat dua pilihan jawapan yang disediakan oleh penyelidik. Setelah analisis data dilakukan, didapati bahawa responden memberikan respons yang positif apabila pilihan jawapan dapat mengetahui banyak bidang pengajian dalam bahasa Arab menjadi pilihan tertinggi berbanding pilihan jawapan kedua. Bilangan tersebut merangkumi sebanyak 85.3% atau bersamaan 273 responden. Namun sebanyak 47 responden atau 14.7% menyatakan bahawa tujuan mereka mengambil subjek Bahasa Arab Tinggi ialah kerana terpaksa atau tiada pilihan lain.

Kesimpulannya, responden sememangnya ikhlas untuk mempelajari bahasa Arab. Justeru pihak guru mungkin agak mudah untuk mengajar pelajar yang mempunyai sikap sebegini terhadap bahasa Arab.

#### 4.1.9 Minat Terhadap Balaghah

**Jadual 4.9** Kedudukan Balaghah dalam turutan minat responden daripada elemen-elemen subjek Bahasa Arab yang lain

Item	Perkara	Kekerapan	Peratus (%)	
9	Balaghah dalam turutan Komponen pengajian Bahasa Arab Yang Diminati	Pilihan Pertama	56	17.5
		Pilihan Kedua	55	17.2
		Pilihan Ketiga	82	25.6
		Pilihan Keempat	53	16.6
		Pilihan Kelima	55	17.2
		Pilihan Keenam	19	5.9
<b>Jumlah</b>		<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Jadual 4.9 pula menunjukkan item terakhir dalam soal selidik bahagian A. Ia menerangkan berkenaan kedudukan Balaghah dalam turutan minat responden daripada elemen-elemen subjek Bahasa Arab yang lain seperti Nahu, Saraf, Mutala'ah, Insyah, Adab dan Nusus.

Didapati ramai responden yang meletakkan Balaghah sebagai pilihan ketiga iaitu sebanyak 82 responden meliputi 25.6% daripada keseluruhan responden. Manakala sangat sedikit responden yang meletakkan Balaghah di pilihan yang terakhir iaitu pilihan keenam iaitu sebanyak 19 responden yang merangkumi 5.9% daripada keseluruhan responden. Manakala bagi pilihan yang lain terdapat keseimbangan jumlah responden yang memilihnya iaitu bagi pilihan pertama, pilihan kedua, pilihan keempat dan pilihan kelima. Hal ini terbukti apabila 56 responden meletakkan Balaghah sebagai elemen yang paling diminati iaitu dengan memilihnya sebagai pilihan pertama dalam senarai elemen-elemen bahasa Arab yang diminati. Manakala, terdapat 55 responden meletakkan Balaghah sebagai elemen yang menjadi pilihan kedua paling diminati oleh mereka berbanding elemen-elemen

bahasa Arab yang lain. 53 responden iaitu 16.6% meletakkan Balaghah sebagai pilihan keempat yang di minati berbanding elemen-elemen bahasa Arab yang lain. Akhirnya, golongan yang meletakkan Balaghah sebagai pilihan kelima dalam subjek bahasa Arab ialah sebanyak 55 orang iaitu sebanyak 17.2% daripada keseluruhan responden.

## **4.2 BAHAGIAN B (ANALISIS ITEM)**

Pada bahagian B ini mengandungi soalan-soalan yang berkaitan tahap penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa interaksi. Secara keseluruhannya, sebanyak 30 item soalan telah dibina dan ia dibina berasaskan kepada tiga persoalan kajian yang telah dihuraikan sebelum ini. Kesemua item soalan yang dibentuk juga menggunakan format skala Likert bagi memudahkan proses penyelidikan yang dijalankan. Format tersebut bertujuan untuk memberi kemudahan kepada responden untuk membuat pilihan jawapan secara tepat dan fleksibel. Skala Likert tersebut terdiri daripada lima kategori skor iaitu **1 = (Sangat Tidak Setuju)**, **2 = (Tidak Setuju)**, **3 = (Kurang Setuju)**, **4 = (Setuju)** dan **5 = (Sangat Setuju)**. Selaras dengan itu, penyelidik telah membahagikan proses penganalisan data pada bahagian ini kepada dua bahagian yang berbeza iaitu:

- i) Analisis Mengikut Setiap Item
- ii) Analisis Secara Keseluruhan Berdasarkan Objektif Kajian

### **4.2.1 Analisis Mengikut Setiap Item**

Proses penganalisan data pada bahagian ini dilaksanakan untuk mendapatkan hasil kajian secara lebih terperinci berdasarkan setiap satu item soalan yang dikemukakan. Penganalisan data ini akan dibuat dengan merujuk kepada skor kekerapan, peratus dan juga min (purata). Bagi memudahkan proses analisis dijalankan, item-item soalan yang dibangunkan telah dibahagikan kepada tiga bahagian berdasarkan kepada tiga objektif kajian seperti mana yang telah dinyatakan dalam Bab I. Ini termasuklah tentang persepsi dan pengetahuan pelajar terhadap pengajian ilmu retorik Arab, tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam



pembelajaran ilmu retorik Arab, dan terakhir sekali tentang keberkesanan pengajaran dan pembelajaran ilmu retorik Arab di kalangan pelajar dan pengaplikasian ilmu ini dalam gaya bahasa mereka.

#### 4.2.1.1 Persepsi dan Pengetahuan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab

Bagi objektif yang pertama ini, penyelidik telah menyediakan 10 item soalan yang berkaitan untuk mendapatkan maklum balas daripada responden. Maklum balas ini penting dalam usaha untuk mengetahui persepsi dan pandangan mereka terhadap pengajian Balaghah itu sendiri. Perkara ini adalah amat penting sebelum melihat aspek-aspek yang lain. Selain itu, penting juga untuk diketahui tentang tahap penguasaan responden dalam matapelajaran ini bagi menjelaskan lagi kepada penyelidik tentang keadaan sebenar responden. Berikut dipaparkan keputusan analisis daripada item-item soalan tersebut bersama-sama huraianya.

##### 4.2.1.1.1 Item 1

**Jadual 4.10** Taburan kerap dan peratus responden mengikut kesedaran tentang kewujudan pengajian *al-Balaghah* dalam kertas Bahasa Arab Tinggi

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
1	Saya sedar ada pengajian <i>al-Balaghah</i> dalam kertas Bahasa Arab Tinggi	1	1	0.3	4.57
		2	4	1.3	
		3	15	4.7	
		4	93	29.1	
		5	207	64.7	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Jadual 4.10 menunjukkan taburan kekerapan dan peratus mengikut kesedaran tentang kewujudan pengajian *al-Balaghah* dalam kertas Bahasa Arab Tinggi. Hasil daripada kajian mendapati bahawa kebanyakan responden menyatakan

sangat setuju dengan item yang dikemukakan. Ini merangkumi bilangan sebanyak 207 orang atau bersamaan dengan 64.7%. Manakala jumlah responden yang sangat tidak bersetuju mencatatkan nilai paling sedikit iaitu sebanyak 0.3% atau hanya seorang. Sementara itu, sebanyak 93 orang atau 29.1% menyatakan setuju, 15 orang atau 4.7% kurang setuju dan mereka yang tidak setuju dengan item ini sebanyak 4 orang sahaja iaitu sebanyak 1.3% daripada keseluruhan responden.

Penyelidik mendapati majoriti daripada keseluruhan responden menyedari bahawa Balaghah wujud dalam komponen pengajian Bahasa Arab. Hal ini kerana 29.1% daripada responden bersetuju serta 64.7% pula menyatakan sangat setuju dengan item ini. Min keseluruhan bagi item yang pertama ini adalah sangat positif ialah 4.57. hal ini menunjukkan responden sangat setuju dengan item ini.

#### 4.2.1.1.2 Item 2

**Jadual 4.11** Taburan kerap dan peratus responden mengikut minat untuk mempelajari pengajian *al-Balaghah*

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
2	Saya berminat untuk mempelajari pengajian <i>al-Balaghah</i>	1	1	0.3	4.03
		2	8	2.5	
		3	59	18.4	
		4	165	51.6	
		5	87	27.2	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Jadual 4.11 menunjukkan kekerapan dan peratus pengetahuan responden bahawa Balaghah adalah sebahagian daripada kesusasteraan Arab. Didapati bahawa majoriti responden setuju dengan item yang dikemukakan. Jumlah tersebut meliputi sebanyak 51.6% atau bersamaan dengan 165 orang responden. Manakala responden yang memberikan jawapan sangat setuju menunjukkan bilangan sebanyak 87

responden atau menyamai 27.2%. Berdasarkan kepada jadual di atas juga, hasil analisis mendapati hanya seorang responden yang sangat tidak setuju terhadap item ini. Manakala responden yang tidak setuju pula sebanyak 8 orang atau 2.5% daripada keseluruhan responden. Di samping itu juga, responden yang kurang setuju mencatatkan jumlah sebanyak 59 orang atau mewakili 18.4%.

Min yang dicatatkan bagi item ini adalah tinggi iaitu 4.03. Penyelidik mendapati bahawa kebanyakan responden memberikan reaksi positif terhadap item yang dikemukakan. 78.8% daripada keseluruhan responden menandakan persetujuan bahawa sememangnya mereka mengetahui bahawa Balaghah adalah sebahagian daripada kesusasteraan Arab. Akan tetapi, terdapat segelintir kecil daripada responden iaitu 2.8% yang tidak bersetuju dengan item ini.

#### 4.2.1.1.3 Item 3

**Jadual 4.12** Taburan kerap dan peratus responden mengikut kesedaran tentang tujuan, faedah dan manfaat yang akan didapati jika mempelajari ilmu *al-Balaghah*

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
3	Saya tahu tujuan, faedah dan manfaat yang akan saya dapat jika mempelajari ilmu <i>al-Balaghah</i>	1	1	0.3	4.11
		2	7	2.2	
		3	57	17.8	
		4	147	45.9	
		5	108	33.8	
Jumlah			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Item yang seterusnya ini pula untuk menguji kesedaran responden terhadap kesedaran tentang tujuan, faedah dan manfaat yang akan didapati jika mempelajari ilmu *al-Balaghah*. Jika dilihat pada jadual 4.12 di atas, didapati bahawa kebanyakan responden memberikan jawapan setuju dengan soalan yang

dikemukakan. Jumlah tersebut merangkumi 45.9% atau bersamaan 147 orang responden. Bagi mereka yang memilih untuk sangat setuju pula mencatatkan jumlah sebanyak 108 orang responden atau menyamai 33.8%. Manakala 17.8% responden kurang setuju terhadap item yang dikemukakan. Sebanyak 7 orang responden pula tidak setuju terhadap item ini iaitu sebanyak 2.2% daripada keseluruhan responden. Terdapat juga seorang responden yang sangat tidak setuju dengan item ini. Jumlah ini menunjukkan bahawa kesedaran responden terhadap manfaat yang akan didapati jika mempelajari ilmu *al-Balaghah* masih pada tahap yang memuaskan. Kebanyakan mereka dapat merasai manfaat mempelajari satera Arab hasil daripada mempelajari Balaghah. Hal ini sudah menunjukkan serba sedikit kejayaan pengajaran Balaghah.

Selain itu juga, hasil analisis mendapati terdapat 255 orang responden atau bersamaan 79.7% yang memberi respon positif terhadap item ini dengan menunjukkan persetujuan terhadap item ini. Ini menunjukkan hanya sekumpulan kecil responden yang masih kurang berkemampuan untuk memahami manfaat mempelajari ilmu. Mungkin disebabkan kurangnya penumpuan pelajar atau guru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Balaghah menjadi punca kepada wujudnya ketidak fahaman tersebut. Min yang direkodkan bagi item ini ialah tinggi iaitu 4.11.

#### 4.2.1.1.4 Item 4

**Jadual 4.13** Taburan kerap dan peratus responden mengikut kesedaran terhadap kewujudan unsur-unsur ilmu *al-Balaghah* dalam bahasa Arab.

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
4	Saya tahu terdapat unsur-unsur ilmu <i>al-Balaghah</i> dalam bahasa Arab.	1	2	0.6	4.42
		2	1	0.3	
		3	22	6.9	
		4	132	41.3	
		5	163	50.9	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Seterusnya jadual 4.13 memaparkan analisis berkenaan pengetahuan responden tentang unsur Balaghah dalam gaya bahasa Arab. Dapatan kajian menunjukkan peratusan tertinggi terletak pada skor jawapan sangat setuju dengan jumlah sebanyak 50.9% atau merangkumi sebanyak 163 orang responden. Catatan kedua tertinggi ialah sebanyak 41.3% atau bersamaan 132 orang responden yang direkodkan bagi skor setuju, manakala 22 yang lain atau 6.9% menyatakan respons kurang setuju terhadap item yang dikemukakan. Di samping itu, terdapat seorang responden atau meliputi 0.3% menyatakan pandangan tidak setuju. Manakala dua responden yang lain memilih untuk sangat tidak setuju dengan item ini.

Untuk item yang ke-4 ini, penyelidik telah mengenal pasti bahawa pengetahuan responden tentang unsur Balaghah dalam gaya bahasa Arab adalah pada tahap yang memuaskan. Ini adalah merujuk kepada min yang tinggi diperoleh iaitu sebanyak 4.42.

#### 4.2.1.1.5 Item 5

**Jadual 4.14** Taburan kerapian dan peratus responden mengikut keyakinan bahawa pengajian *al-Balaghah* dapat membantu dalam memahami teks-teks Arab

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
5	Saya yakin pengajian <i>al-Balaghah</i> dapat membantu saya memahami teks-teks Arab dengan baik.	1	2	0.6	4.03
		2	8	2.5	
		3	72	22.5	
		4	134	41.9	
		5	104	32.5	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Jadual 4.14 pula menerangkan berkaitan keyakinan responden terhadap pengajian Balaghah akan dapat membantu mereka dalam memahami teks-teks Arab dengan lebih baik. Hasil kajian mendapati skor setuju menunjukkan jumlah

terbanyak dengan 134 orang responden atau merangkumi 41.9%. Ini diikuti pula dengan skor sangat setuju dengan jumlah sebanyak 104 orang responden atau 32.5%. Terdapat 72 orang responden atau bersamaan 22.5% yang memberikan respons kurang setuju, 8 orang atau 2.5% menyatakan tidak setuju manakala lebih sebanyak 0.6% atau dua responden sahaja berpandangan sangat tidak setuju terhadap item ini.

Apa yang dapat dinyatakan di sini ialah keyakinan responden terhadap pengajian Balaghah akan dapat membantu mereka dalam memahami teks-teks Arab dengan lebih baik sudah berada di tahap yang agak baik. Namun begitu, walaupun golongan yang setuju dan sangat setuju dengan item ini agak tinggi daripada jumlah keseluruhan responden yang terlibat iaitu merangkumi 74.4%, namun jumlah responden yang kurang setuju sangat membimbangkan iaitu merangkumi 22.5%. Hal ini jelas menunjukkan sebahagian responden masih tidak memahami manfaat yang diperolehi daripada mempelajari Balaghah, apatah lagi menggunakan kelebihan Balaghah yang mereka pelajari untuk memahirkan diri dalam bahasa Arab. Catatan min yang diperolehi adalah pada tahap baik iaitu 4.03.

#### 4.2.1.1.6 Item 6

**Jadual 4.15** Taburan kerap dan peratus responden mengikut keyakinan bahawa pengajian *al-Balaghah* dapat membantu dalam memahami al-Quran dan hadis

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
6	Saya yakin pengajian <i>al-Balaghah</i> dapat membantu saya memahami al-Quran dan hadis dengan lebih baik.	1	1	0.3	4.19
		2	5	1.6	
		3	58	18.1	
		4	125	39.1	
		5	131	40.9	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Item 5 menyentuh tentang kemahiran membaca teks bahasa Arab, manakala item 6 menyentuh tentang kemahiran memahami al-Quran dan hadis. Jadual 4.15 di atas memaparkan analisis tentang keyakinan responden bahawa pengajian Balaghah dapat membantu mereka dalam memahami al-Quran dan Hadis dengan lebih baik. Didapati bahawa responden yang berasa sangat yakin atau sangat setuju akan pengajian Balaghah dapat membantu mereka dalam memahami al-Quran dan hadis merupakan golongan yang terbesar. Sebanyak 131 atau 40.9% daripada jumlah keseluruhan responden memilih skor berkenaan. Golongan yang setuju dengan item ini menduduki tempat kedua teramai untuk item ini iaitu 125 iaitu sebanyak 39.1% daripada keseluruhan responden.

Seterusnya ialah responden yang kurang setuju dengan item ini iaitu sebanyak 58 orang responden yang merangkumi 18.1% responden. Manakala sebanyak lima orang responden dan seorang yang lain memilih untuk skor tidak setuju dan sangat tidak setuju. Masing-masing membawa jumlah sebanyak 1.6% dan 0.3%.

Dapat diperhatikan di sini bahawa item sebelum ini sebenarnya mempengaruhi item ke-6 ini. Analisis item 5 menunjukkan bahawa keyakinan responden terhadap pengajian Balaghah akan dapat membantu mereka dalam memahami teks-teks Arab dengan lebih baik masih perlu dipertingkatkan ke tahap yang lebih baik lagi. Begitu juga dengan tahap keyakinan responden bahawa pengajian Balaghah dapat membantu mereka dalam memahami al-Quran dan Hadis seperti mana yang dipaparkan pada jadual di atas. Bagaimanapun, keyakinan pelajar terhadap faedah pengajian Balaghah dalam membantu mereka menguasai kemahiran-kemahiran di dalam bahasa Arab boleh dikira sudah berada di tahap yang memuaskan. Catatan min ialah sebanyak 4.19.

#### 4.2.1.1.7 Item 7

**Jadual 4.16** Taburan kerap dan peratus responden mengikut kemampuan membezakan bezakan gaya bahasa Arab yang baik dan tidak melalui pengajian ilmu *al-Balaghah*

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
7	Saya dapat rasakan/bezakan gaya bahasa Arab yang baik dan tidak melalui pengajian ilmu <i>al-Balaghah</i>	1	9	2.8	3.44
		2	41	12.8	
		3	121	37.8	
		4	99	30.9	
		5	50	15.6	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Pada jadual 4.16 menunjukkan hasil analisis berkenaan kemampuan responden yang terlibat dalam membezakan gaya bahasa Arab yang baik dan tidak setelah mempelajari Balaghah.. Peratusan tertinggi direkodkan bagi skor tidak pasti iaitu sebanyak 37.8% atau sejumlah 121 orang responden, manakala peratusan terendah ialah pada skor sangat tidak setuju iaitu sebanyak 2.8% atau menyamai sembilan orang responden. Sebanyak 99 orang responden atau 30.9% didapati memilih untuk berada pada kedudukan setuju dan 50 responden lagi untuk sangat setuju serta baki 41 yang lain menyatakan tidak setuju mereka terhadap item ini.

Min yang direkodkan bagi item ini terletak di tengah-tengah iaitu sebanyak 3.44. Hal ini menunjukkan keputusan bagi item ini adalah kurang setuju. Ramai responden masih kurang setuju bahawa mereka mampu membezakan gaya bahasa Arab yang baik dan tidak setelah mempelajari Balaghah atau tidak. Keyakinan responden terhadap kemampuan mereka setelah mempelajari Balaghah perlu dibentuk dan dipertingkatkan agar mereka menyedari kelebihan yang mereka dapati setelah mempelajari Balaghah.



#### 4.2.1.1.8 Item 8

**Jadual 4.17** Taburan kerap dan peratus responden mengikut kebolehan memahami tajuk-tajuk yang diajar dalam *al-Balaghah*

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
8	Saya dapat memahami tajuk-tajuk yang diajar dalam <i>al-Balaghah</i> dengan mudah.	1	7	2.2	3.42
		2	45	14.1	
		3	107	33.4	
		4	130	40.6	
		5	31	9.7	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Item ini adalah sangat penting kerana ia membincangkan tentang samada responden memahami apa yang mereka belajar tentang Balaghah di dalam kelas. Jadual di atas memaparkan akan kebolehan responden dalam memahami tajuk-tajuk Balaghah yang diajar dengan baik dan sempurna. Didapati hasil bagi item ini hampir sama dengan hasil bagi item sebelum ini.

Dapatan kajian menunjukkan peratusan tertinggi direkodkan bagi skor setuju iaitu sebanyak 40.6% atau sejumlah 130 orang responden, manakala peratusan terendah ialah pada skor sangat tidak setuju iaitu sebanyak 2.2% atau menyamai tujuh orang responden. Sebanyak 107 orang responden atau 33.4% didapati memilih untuk berada pada kedudukan kurang setuju. Skor ini menduduki skor kedua yang tertinggi dalam item ini, sekaligus memberi impak yang besar terhadap min item ini. Manakala 45 responden lagi untuk tidak setuju iaitu sebanyak 14.1% responden. Manakala agak menyedihkan hanya 31 responden yang mempunyai keyakinan dengan menyatakan sangat setuju bahawa mereka dapat memahami tajuk-tajuk yang diajar dalam *al-Balaghah* dengan baik.

Min bagi item ini berada berkeputusan kurang setuju iaitu sama seperti item sebelum ini iaitu 3.42. Hal ini kerana bilangan responden yang memilih respon yang

positif iaitu skor 4 dan 5 seimbang dengan yang memilih skor 1,2, dan 3 iaitu respon negatif. Hal ini menunjukkan responden menghadapi masalah untuk memahami tajuk-tajuk Balaghah yang dipelajari.

#### 4.2.1.1.9 Item 9

**Jadual 4.18** Taburan kerapian dan peratus responden mengikut kebolehan menguasai ilmu *al-Balaghah* setakat yang telah dipelajari

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
9	Saya dapat menguasai ilmu <i>al-Balaghah</i> dengan baik setakat yang telah saya pelajari	1	4	1.3	<b>3.50</b>
		2	33	10.3	
		3	111	34.7	
		4	142	44.4	
		5	30	9.4	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Paparan jadual 4.18 adalah berkaitan kemampuan responden menguasai ilmu Balaghah setakat yang telah mereka pelajari hingga sekarang. Secara dasarnya, analisis menunjukkan ramai responden memilih skor setuju dengan item ini. Ia merangkumi jumlah sebanyak 44.4% atau bersamaan 142 orang responden. Ditambah dengan 30 orang responden sangat setuju iaitu 9.4% daripada semua responden. 111 orang yang lain atau mewakili 34.7% pula memilih skor kurang setuju. Manakala didapati sejumlah 33 orang responden atau bersamaan 10.3% memilih untuk tidak setuju manakala empat responden yang lain memilih sangat tidak setuju bahawa mereka mampu menguasai ilmu Balaghah dengan baik setakat yang telah mereka pelajari hingga sekarang .

Catatan min bagi item ke-9 ini pula ialah 3.50 yang membawa pengertian bahawa kemampuan menguasai ilmu Balaghah dengan baik setakat yang telah mereka pelajari hingga sekarang di kalangan responden adalah pada tahap yang agak baik. Namun jika min ini terkurang hanya 0.01 sahaja, sudah meletakkan keputusan

item ini pada kedudukan kurang setuju. Hal ini adalah kerana masih ramai yang kurang setuju tentang kemampuan mereka dari aspek yang dinyatakan ini.

#### 4.2.1.1.10 Item 10

**Jadual 4.19** Taburan kerap dan peratus responden mengikut minat dan kesediaan untuk mempelajari *al-Balaghah* ke peringkat yang lebih tinggi.

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
10	Saya berminat dan sentiasa bersedia untuk mempelajari <i>al-Balaghah</i> ke peringkat yang lebih tinggi lagi.	1	5	1.6	<b>3.65</b>
		2	22	6.9	
		3	117	36.6	
		4	112	35.0	
		5	64	20.0	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Paparan jadual 4.19 adalah berkaitan minat dan kesediaan responden untuk mempelajari *Balaghah* ke peringkat yang lebih tinggi. Hal yang dimaksudkan ialah, sejauhmana setelah berjaya diperingkat SPM nanti, mereka berminat dan bersedia untuk menyambung pelajaran mereka di dalam bidang Bahasa Arab atau yang lebih khusus lagi dalam bidang Kesusasteraan Arab. Skor yang menjadi pilihan tertinggi responden bagi item ini ialah tidak pasti. Mereka merangkumi 36.6% daripada keseluruhan responden bersamaan dengan 117 orang responden.

Namun penyelidik mendapati ramai responden memberi respon yang positif kepada item ini dengan sebanyak 112 orang atau 35.0% memilih skor setuju dan 64 responden yang lain merangkumi 20.0% memilih skor sangat setuju. Kedua-dua golongan ini meliputi 55.0% daripada keseluruhan responden. Namun masih terdapat lagi responden yang sememangnya tidak berminat untuk menyambung pengajian *Balaghah* di peringkat yang lebih tinggi lagi. Perkara ini ditunjukkan dengan

sebanyak 22 orang responden memilih skor tidak setuju dan lima yang lain memilih untuk sangat tidak setuju kepada item ini.

Dari segi catatan min pula, keseluruhannya adalah berada pada tahap yang positif iaitu 3.65. Penyelidik mendapati bahawa bilangan responden yang berminat menyambung pengajian Balaghah di peringkat yang lebih tinggi adalah lebih ramai daripada golongan yang sebaliknya.

#### 4.2.1.2 Masalah-masalah yang Dihadapi Oleh Pelajar Dalam Pembelajaran Ilmu Retorik Arab/ al-Balaghah

Dalam bahagian ini, penyelidik telah menyediakan 10 item soalan yang berpandukan kepada objektif yang tertera di atas. Item-item soalan yang dibina adalah bertujuan untuk mengenal pasti serta mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam mempelajari ilmu *al-Balaghah* ini. Berikut dipaparkan analisis serta huraian berkenaan objektif yang kedua ini.

##### 4.2.1.2.1 Item 11

**Jadual 4.20** Taburan kerap dan peratus responden mengikut kefahaman terhadap bahagian-bahagian ilmu *al-Balaghah* seperti al-Ma'ani, al-Bayan dan al-Badi' atau setakat yang telah dipelajari

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
11	Saya faham dengan baik bahagian-bahagian ilmu <i>al-Balaghah</i> seperti <i>al-Ma'ani</i> , <i>al-Bayan</i> dan <i>al-Badi'</i> atau setakat yang saya telah pelajari.	1	3	0.9	3.56
		2	22	6.9	
		3	120	37.5	
		4	142	44.4	
		5	33	10.3	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Seterusnya pada jadual 4.20 menunjukkan analisis berkenaan kefahaman responden terhadap bahagian-bahagian ilmu *al-Balaghah* seperti al-Ma'ani, al-Bayan dan al-Badi' atau setakat yang telah dipelajari. Umumnya diketahui bahawa ilmu Balaghah terbahagi kepada tiga cabang ilmu, iaitu ilmu al-Ma'ani, al-Bayan dan al-Badi'. Skor yang menjadi pilihan ramai responden iaitu skor setuju iaitu sebanyak 142 responden iaitu 44.4% daripada keseluruhan responden. Manakala golongan yang memilih skor sangat setuju untuk item ini pula sebanyak 33 orang iaitu merangkumi 10.3% responden. Namun begitu skor yang kedua tertinggi bagi item ini yang menjadi pilihan 120 orang responden atau mewakili 37.5% iaitu skor kurang setuju. Manakala 22 responden iaitu merangkumi 6.9% menyatakan tidak setuju bahawa mereka memahami bahagian-bahagian ilmu *al-Balaghah* seperti al-Ma'ani, al-Bayan dan al-Badi' atau setakat yang telah dipelajari. Tiga responden memilih untuk sangat tidak setuju terhadap kenyataan item ini.

Min yang dicatatkan bagi item ini ialah sebanyak 3.56. Min ini menunjukkan ramai responden yang berasa bahawa mereka dapat memahami cabang-cabang bagi ilmu Balaghah setakat yang telah mereka pelajari.

#### 4.2.1.2.2 Item 12

**Jadual 4.21** Taburan kerap dan peratus responden mengikut pengetahuan bahawa tajuk-tajuk yang diajar dalam *al-Balaghah* mempunyai kaitan antara satu sama lain dalam penggunaan ayat

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
12	Saya tahu tajuk-tajuk yang diajar dalam <i>al-Balaghah</i> mempunyai kaitan antara satu sama lain dalam penggunaan ayat.	1	5	1.6	4.00
		2	8	2.5	
		3	49	15.3	
		4	178	55.6	
		5	80	25.0	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Jadual 4.21 di atas memaparkan pengetahuan responden bahawa tajuk-tajuk yang diajar dalam *al-Balaghah* mempunyai kaitan antara satu sama lain dalam penggunaan ayat. Majoriti responden menyatakan persetujuan mereka terhadap item ini dengan memilih skor setuju dan sangat setuju iaitu masing-masing sejumlah 178 dan 80 orang responden iaitu bersamaan dengan 55.6% dan 25.0% daripada keseluruhan responden. Responden yang menyatakan keputusan kurang setuju pula mencatatkan jumlah kedua tertinggi dengan 15.3% atau sebanyak 49 orang, manakala 13 orang atau 4.1% lagi memberikan respons negatif terhadap item ini dengan memilih skor tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Analisis juga telah mengenal pasti bahawa hanya lapan responden yang memilih jawapan tidak setuju dan baki lima orang lagi untuk skor sangat tidak setuju. Masing-masing membawa jumlah sebanyak 2.5% dan 1.6%. Kesimpulan yang dapat dinyatakan di sini ialah responden dapat mengaitkan tajuk-tajuk yang dipelajari di dalam kelas. Min yang direkodkan bagi item ini adalah positif iaitu 4.00.

#### 4.2.1.2.3 Item 13

**Jadual 4.22** Taburan kerap dan peratus responden mengikut kemudahfahaman kepada contoh dan huraian *al-Balaghah* dalam buku teks Bahasa Arab Tinggi (BAT).

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
13	Contoh dan huraian <i>al-Balaghah</i> dalam buku teks BAT mudah difahami oleh saya.	1	2	0.6	3.73
		2	31	9.7	
		3	88	27.5	
		4	131	40.9	
		5	68	21.3	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Seterusnya jadual 4.22 menerangkan berkenaan kemudahfahaman responden kepada contoh dan huraian *al-Balaghah* dalam buku teks Bahasa Arab Tinggi (BAT). Justeru, item ini adalah bertujuan untuk mengetahui samada responden memahami tentang isi kandungan yang dimuatkan di dalam buku teks BAT yang menjadi rujukan guru dan pelajar dalam mempelajari Balaghah. Didapati bahawa skor yang tertinggi ialah skor setuju iaitu sebanyak 131 orang responden atau mewakili 40.9% responden berpandangan sedemikian. Skor yang kedua tertinggi pula ialah skor kurang setuju di mana ia meliputi sebanyak 27.5% responden. Manakala, sebanyak 68 responden yang sangat setuju dengan item ini. 31 responden memilih skor tidak setuju untuk item ini, manakala untuk skor sangat tidak setuju pula, hanya dua orang yang memilihnya yang mewakili 0.6% daripada keseluruhan responden.

Hasil analisis ini memberikan gambaran yang jelas kepada kita bahawa pemahaman pelajar terhadap isi kandungan buku teks BAT berada pada tahap yang memuaskan. Hal ini mungkin kerana kekerapan penggunaan buku tersebut di kalangan guru ketika pengajaran dan pembelajaran Balaghah. Min yang berada pada tahap setuju dicatatkan bagi item ini iaitu 3.73.

#### 4.2.1.2.4 Item 14

**Jadual 4.23** Taburan kerapan dan peratus responden mengikut kecukupan masa yang diperuntukkan untuk belajar *al-Balaghah* dalam kelas

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
14	Saya rasa masa yang diperuntukkan untuk belajar <i>al-Balaghah</i> dalam kelas mencukupi/memadai	1	20	6.3	3.11
		2	88	27.5	
		3	73	22.8	
		4	114	35.6	
		5	25	7.8	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Jadual 4.23 merupakan analisis berkenaan pandangan responden samada masa yang diperuntukkan untuk belajar *al-Balaghah* dalam kelas sudah mencukupi ataupun sebaliknya. Walaupun skor yang tertinggi bagi item ini ialah skor setuju iaitu sebanyak 114 responden iaitu 35.6% daripada keseluruhan responden, namun didapati ramai responden yang memilih respon negatif terhadap item ini. Sebanyak 73 responden iaitu 22.8% responden memilih untuk kurang setuju dengan item ini. Bagi skor tidak setuju pula sebanyak 88 responden iaitu 27.5% responden. Manakala sebanyak 20 orang responden iaitu 6.3% daripada keseluruhan responden memilih untuk sangat tidak setuju dengan item ini. Jumlah keseluruhan bagi responden yang memilih respon negatif bagi item ini ialah merangkumi 56.6% daripada keseluruhan responden.

Analisis juga mengenal pasti hanya 25 orang responden yang sangat setuju terhadap item ini. Min yang dicatatkan menandakan pada aras kurang setuju iaitu sebanyak 3.11.

#### 4.2.1.2.5 Item 15

**Jadual 4.24** Taburan kerap dan peratus responden mengikut kefahaman terhadap kaedah-kaedah *al-Balaghah* yang dipelajari

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
15	Kaedah-kaedah <i>al-Balaghah</i> yang dipelajari mudah untuk difahami oleh saya.	1	5	1.6	<b>3.56</b>
		2	35	10.9	
		3	90	28.1	
		4	156	48.8	
		5	34	10.6	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Dapatan kajian yang dipaparkan dalam jadual 4.24 di atas ialah berkenaan kebolehan memahami kaedah-kaedah *al-Balaghah* yang dipelajari. Kelihatan dalam jadual di atas responden yang memberikan respon positif lebih banyak berbanding



yang sebaliknya. Mereka merangkumi 190 orang responden atau sebanyak 59.4% daripada keseluruhan responden. Daripada jumlah tersebut, 156 responden memilih skor setuju iaitu sebanyak 48.8% dan 34 responden pula memilih skor sangat setuju iaitu sebanyak 10.6% daripada keseluruhan responden. Manakala skor kurang setuju mencatatkan bilangan kedua tertinggi iaitu sebanyak 90 orang responden atau mewakili 28.1%. Sebanyak 35 orang responden atau bersamaan 10.9% memilih skor tidak setuju untuk item ini disamping lima yang lain atau mewakili 1.6% memberikan respons sangat tidak setuju.

Min bagi item ini ialah sebanyak 3.56 yang membawa maksud sebilangan besar daripada responden bersetuju bahawa mereka mampu memahami kaedah-kaedah *al-Balaghah* yang dipelajari. Penyelidik berpandangan bahawa hal ini adalah hasil kerja keras guru-guru yang mengajar para pelajar dengan teknik yang betul dan pelbagai.

#### 4.2.1.2.6 Item 16

**Jadual 4.25** Taburan kerap dan peratus responden mengikut kemampuan menggunakan buku teks BAT sebagai sumber utama semasa mempelajari ilmu *al-Balaghah*

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
16	Saya dapat menggunakan buku teks BAT sebagai sumber utama semasa mempelajari ilmu <i>al-Balaghah</i>	1	12	3.8	3.40
		2	53	16.6	
		3	90	28.1	
		4	124	38.8	
		5	41	12.8	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Seterusnya jadual 4.25 di atas menerangkan berkenaan kemampuan responden menggunakan buku teks BAT sebagai sumber utama semasa mempelajari ilmu *al-Balaghah*. Analisis mendapati separuh daripada keseluruhan responden

bersetuju terhadap item ini iaitu merangkumi 51.6%. Sebanyak 124 orang responden atau mewakili 38.8% memberikan respons setuju, manakala 41 yang lain atau bersamaan 12.8% menyatakan untuk skor sangat setuju.

Namun begitu, respon negatif yang diberikan oleh responden bagi item ini telah banyak menentukan min bagi item ini. Terdapat 28.1% dari kalangan responden yang berasa kurang setuju terhadap item ini. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat 53 orang responden atau menyamai 16.6% yang memberikan skor tidak setuju serta baki 12 responden yang lain berpandangan sangat tidak setuju iaitu sebanyak 3.8% daripada keseluruhan responden. Min yang dicatatkan bagi item ini ialah pada aras kurang setuju iaitu 3.40.

#### 4.2.1.2.7 Item 17

**Jadual 4.26** Taburan kerap dan peratus responden mengikut penggunaan bahasa Arab oleh guru semasa mengajar *al-Balaghah* berbanding penggunaan bahasa Melayu

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
17	Guru lebih banyak menggunakan bahasa Arab semasa mengajar semasa mengajar <i>al-Balaghah</i> daripada bahasa Melayu.	1	12	3.8	3.28
		2	91	28.4	
		3	68	21.3	
		4	95	29.7	
		5	54	16.9	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Analisis pada jadual 4.26 di atas memaparkan taburan penggunaan bahasa Arab oleh guru semasa mengajar *al-Balaghah* berbanding penggunaan bahasa Melayu. Didapati bahawa bilangan yang memberikan jawapan yang negatif iaitu dengan memilih skor 1,2 dan 3 lebih ramai daripada yang memberikan respon

sebaliknya. Terdapat 12 orang responden yang merangkumi 3.8% responden yang sangat tidak setuju terhadap item ini. Seterusnya 91 responden merangkumi 28.4% responden memilih skor tidak setuju. Bagi skor kurang setuju pula sebanyak 68 orang responden merangkumi 21.3% daripada semua responden.

Walaupun begitu, skor yang tertinggi ialah skor setuju iaitu 95 orang responden iaitu sebanyak 29.7% responden. Manakala bagi skor sangat setuju pula ialah sebanyak 54 orang responden iaitu merangkumi 16.9% responden. Catatan min yang berada pada aras pertengahan iaitu 3.28 menunjukkan responden berasa kurang setuju bahawa guru lebih cenderung menggunakan bahasa Arab semasa mengajar ilmu *al-Balaghah*.

#### 4.2.1.2.8 Item 18

**Jadual 4.27** Taburan kerapian dan peratus responden mengikut huraian yang dibuat oleh guru yang jelas dan mudah difahami

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
18	Huraian yang dibuat oleh guru jelas dan mudah difahami.	1	1	0.3	3.88
		2	22	6.9	
		3	61	19.1	
		4	167	52.2	
		5	69	21.6	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Item ke-18 dalam bahagian ini adalah berkaitan huraian yang dibuat oleh guru yang jelas dan mudah difahami. Jadual 4.28 menunjukkan sebilangan besar responden memilih untuk jawapan setuju. Ia membawa jumlah peratusan sebanyak 52.2% atau sebanyak 167 daripada keseluruhan responden. Analisis bagi responden yang sangat setuju pula ialah sebanyak 69 orang atau bersamaan 21.6. bagi skor kurang setuju pula, sebanyak 61 responden memilih skor tersebut. Di samping itu, sejumlah 6.9% dan 0.3% responden lagi memilih skor tidak setuju dan sangat tidak

setuju. Kedua-keduanya membawa bilangan sebanyak 23 orang responden. Selaras dengan itu, min yang diperoleh bagi item ini selepas dianalisis ialah sebanyak 3.88 iaitu terletak pada paras setuju.

#### 4.2.1.2.9 Item 19

**Jadual 4.28** Taburan kerap dan peratus responden mengikut kemampuan membuat latihan yang diberikan oleh guru berdasarkan pemahaman yang diberikan di dalam kelas

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
19	Saya mampu membuat latihan yang diberikan oleh guru berdasarkan pemahaman yang diberikan di dalam kelas.	1	1	0.3	<b>3.61</b>
		2	36	11.3	
		3	88	27.5	
		4	158	49.4	
		5	37	11.6	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Seterusnya jadual 4.28 memaparkan analisis berkenaan kemampuan membuat latihan yang diberikan oleh guru berdasarkan pemahaman yang diberikan di dalam kelas. Item ini adalah untuk mengesahkan bahawa responden benar-benar memahami apa yang dipelajari dalam ilmu *al-Balaghah*. Didapati bahawa sebilangan besar responden bersetuju terhadap item ini. Sebanyak 11.6% daripada jumlah keseluruhan atau 37 orang responden terdiri daripada mereka yang memilih skor sangat setuju. 49.4% atau sebanyak 158 yang lain memberikan respons setuju bahawa sememangnya mereka dapat menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru dengan pemahaman yang didapati di dalam kelas.

Selain itu, sebanyak 88 orang responden atau bersamaan 27.5% merasakan kurang setuju tentang kepentingan kamus, manakala baki 37 orang yang lain tidak bersetuju terhadap item ke-19 ini. Ini termasuklah 36 orang yang menyatakan tidak

setuju serta seorang lagi yang sangat tidak setuju. Kedua-duanya merangkumi 11.6%. Min yang dicatatkan bagi item juga positif iaitu sebanyak 3.61.

#### 4.2.1.2.10 Item 20

**Jadual 4.29** Taburan kerap dan peratus responden mengenai format dan bentuk soalan yang digunakan membantu untuk menguasai ilmu *al-Balaghah*

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
20	Format dan bentuk soalan yang digunakan membantu saya untuk menguasai ilmu <i>al-Balaghah</i>	1	2	0.6	<b>3.76</b>
		2	17	5.3	
		3	86	26.9	
		4	165	51.6	
		5	50	15.6	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Seterusnya hasil analisis bagi item ke-20 yang berkaitan membantunya format dan bentuk soalan yang digunakan untuk menguasai ilmu *al-Balaghah*. Hasilnya mendapati responden yang memilih skor setuju menunjukkan dapatan tertinggi iaitu sebanyak 165 orang atau merangkumi 51.6%. Skor sangat setuju pula sebanyak 50 orang responden serta meliputi 15.6%. Ini menunjukkan bahawa 67.2% responden telah bersetuju terhadap item ini.

Sebanyak 26.9% atau bersamaan 86 orang responden memilih skor kurang setuju. 5.3% lagi responden atau 17 responden yang lain menyatakan tidak setuju. Dapatan kajian juga menunjukkan sebanyak 2 orang responden atau mewakili baki 0.6% memberikan respons sangat tidak setuju bahawa format dan bentuk soalan yang digunakan membantu mereka untuk menguasai ilmu *al-Balaghah*. Min keseluruhan yang direkodkan bagi item ini berada pada aras setuju iaitu 3.76.

#### 4.2.1.3 Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu Retorik Arab atau *al-Balaghah* di Kalangan Pelajar.

Seterusnya bagi objektif yang ketiga ini, penyelidik telah memperuntukkan 10 item soalan untuk dijawab oleh responden. Kesemua item yang dibina adalah menjurus kepada objektif kajian yang ketiga yang juga objektif terakhir iaitu untuk mengenal pasti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (P & P) *al-Balaghah* kepada para pelajar dalam usaha untuk menguasai ilmu ini. Item-item yang didirikan diharapkan dapat menjawab persoalan kajian yang telah dinyatakan sebelum ini. Berikut dipaparkan hasil analisis terhadap item-item tersebut beserta huraianya sekali.

##### 4.2.1.3.1 Item 21

**Jadual 4.30** Taburan kerap dan peratus responden mengikut pengetahuan bahawa dalam bahasa Arab banyak ayat yang berunsurkan sastera

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
21	Saya tahu dalam bahasa Arab banyak ayat yang berunsurkan sastera	1	-	-	4.13
		2	6	1.9	
		3	55	17.2	
		4	151	47.2	
		5	108	33.8	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Analisis berikutnya akan cuba menghuraikan berkenaan taburan kekerapan dan peratusan berdasarkan pengetahuan responden bahawa dalam bahasa Arab banyak ayat yang berunsurkan sastera. Jadual 4.30 yang ditayangkan menunjukkan ramai responden menyedari bahawa dalam bahasa Arab banyak ayat yang berunsurkan sastera. Sebanyak 81% dari kalangan responden bersetuju dengan item ini. 47.2% daripadanya memberikan respon setuju, manakala bakinya 33.8% menandakan skor sangat setuju. Masing-masing meliputi jumlah responden sebanyak 151 dan 108 orang.

Penyelidik juga mendapati terdapat sebilangan kecil responden yang tidak bersetuju bahawa mereka mengetahui yang di dalam bahasa Arab banyak ayat yang berunsurkan sastera. 55 responden memberikan jawapan kurang setuju dan hanya enam orang responden sahaja memilih skor tidak setuju. Kedua-dua skor tersebut mewakili sebanyak 19.1% sahaja. Penyelidik juga mendapati, item ini merupakan item yang pertama di mana tiada seorang responden pun yang memilih skor sangat tidak setuju. Catatan min bagi item ini ialah sebanyak 4.13 iaitu di paras setuju.

#### 4.2.1.3.2 Item 22

**Jadual 4.31** Taburan kerap dan peratus responden mengikut kemampuan untuk menentukan beberapa unsur Balaghah yang terdapat dalam teks-teks Arab

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
22	Saya dapat tentukan dalam teks-teks Arab terdapat beberapa unsur <i>Balaghah</i> .	1	1	0.3	<b>3.70</b>
		2	10	3.1	
		3	123	38.4	
		4	135	42.2	
		5	51	15.9	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Item 22 dalam jadual 4.31 adalah untuk mengetahui kemampuan responden menentukan beberapa unsur Balaghah yang terdapat dalam teks-teks Arab. Hasil analisis menunjukkan responden berjaya untuk mencapai kemampuan untuk menentukan beberapa unsur Balaghah yang terdapat dalam teks-teks Arab. Keadaan ini ditunjukkan dengan 58.1% daripada keseluruhan responden bersetuju dengan item ini. Sebanyak 135 orang responden bersamaan 42.2% responden memilih skor setuju dan 51 responden iaitu 15.9% responden yang lain pula memilih sangat setuju. Di samping itu juga, penyelidik mendapati tidak kurang juga responden yang tidak bersetuju dengan item ini. Terdapat 38.4% lagi responden yang masih kurang setuju

bahawa mereka mampu untuk menentukan beberapa unsur Balaghah yang terdapat dalam teks-teks Arab.

Terdapat 10 orang responden sahaja iaitu merangkumi 3.1% sahaja yang memilih tidak setuju dan seorang yang lain dengan skor sangat tidak setuju. Min yang dicatatkan berada di paras setuju iaitu sebanyak 3.70. Ini jelas memberi gambaran bahawa kemampuan para responden untuk menentukan unsur-unsur Balaghah dalam teks Arab yang mereka baca sudah berada di tahap yang memuaskan. Kemampuan ini perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa agar kesedaran tentang keindahan bahasa Arab itu dapat juga dipertingkatkan.

#### 4.2.1.3.3 Item 23

**Jadual 4.32** Taburan kerap dan peratus responden mengikut kemampuan memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu al-Bayan seperti al-Tasybih dan lain-lain setakat yang dipelajari dalam kelas

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
23	Saya dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu <i>al-Bayan</i> seperti <i>al-Tasybih</i> dan lain-lain setakat yang saya pelajari dalam kelas.	1	1	0.3	3.62
		2	25	7.8	
		3	113	35.3	
		4	136	42.5	
		5	45	14.1	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Dalam jadual 4.32 di atas, item yang didirikan adalah untuk melihat sejauh mana kemampuan responden memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu *al-Bayan* seperti *al-Tasybih* dan lain-lain setakat yang dipelajari dalam kelas. Bagi item ini, skor setuju merupakan skor tertinggi iaitu sebanyak 136 responden merangkumi 42.5% daripada keseluruhan responden. Manakala sebanyak 45 atau



14.1% pula memberikan skor sangat setuju. Justeru, hasil analisis menunjukkan bilangan responden yang bersetuju dengan item ini lebih ramai daripada golongan yang tidak bersetuju iaitu merangkumi 56.6% daripada keseluruhan responden.

Bagi responden yang tidak bersetuju pula, analisis telah merekodkan sebanyak 113 orang responden yang memilih skor kurang setuju iaitu merangkumi 35.3% responden. 25 orang atau 7.8% daripada memberikan respons tidak setuju dan selebihnya untuk skor sangat tidak setuju. Catatan min yang masih berada di pertengahan iaitu 3.62 menunjukkan responden bersetuju bahawa mereka dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu al-Bayan seperti al-Tasybih dan lain-lain setakat yang dipelajari dalam kelas. Perkara ini terjadi mungkin kerana mereka mendapat bimbingan yang baik oleh guru di dalam kelas.

#### 4.2.1.3.4 Item 24

**Jadual 4.33** Taburan kerap dan peratus responden mengikut kemampuan untuk memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu *al-Ma'ani* seperti ayat *Insyah*, *Khabar* dan lain-lain setakat yang dipelajari dalam kelas

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
24	Saya dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu <i>al-Ma'ani</i> seperti ayat <i>Insyah</i> , <i>Khabar</i> dan lain-lain setakat yang saya pelajari dalam kelas	1	5	1.6	<b>3.61</b>
		2	19	5.9	
		3	107	33.4	
		4	154	48.1	
		5	35	10.9	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Analisis data seterusnya ialah berkenaan taburan kekerapan dan peratusan kemampuan responden untuk memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu

*al-Ma'ani* seperti ayat *insya'*, *khobar* dan lain-lain setakat yang dipelajari dalam kelas. Jika diamati, item ini adalah hampir sama dengan item yang sebelumnya. Jadi, jangkauan hasil bagi item ini adalah tidak jauh bezanya dengan hasil bagi item yang sebelumnya itu. Hasil paparan jadual 4.33 menunjukkan responden yang bersetuju lebih ramai daripada yang sebaliknya. Didapati sebanyak 154 orang responden atau melebihi 48.1% telah menyatakan sokongan penuh pada skor setuju. Di samping itu, 35 yang lain atau meliputi 10.9% telah memberikan respons sangat setuju.

Sebanyak 107 responden iaitu 33.4% daripada responden yang kurang setuju terhadap bahawa mereka mampu memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu *al-Ma'ani* seperti ayat *insya'*, *khobar* dan lain-lain setakat yang dipelajari dalam kelas. Pada skor tidak setuju pula sebanyak 19 orang responden iaitu 5.9% daripada responden. Kemudian skor sangat tidak setuju sebanyak lima orang responden yang memilihnya iaitu meliputi 1.6%, sama dengan skor setuju. Keseluruhannya, catatan min yang ditunjukkan iaitu sebanyak 3.61 menunjukkan lebih ramai responden mampu memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu *al-Ma'ani* seperti ayat *Insya'*, *Khobar* dan lain-lain setakat yang dipelajari dalam kelas.

#### 4.2.1.3.5 Item 25

**Jadual 4.34** Taburan kerap dan peratus responden mengikut kemampuan memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu *al-Badi'* seperti *al-Jinas*, *al-Tibaq* dan lain-lain setakat yang dipelajari dalam kelas

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
25	Saya dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu <i>al-Badi'</i> seperti <i>al-Jinas</i> , <i>al-Tibaq</i> dan lain-lain setakat yang saya pelajari dalam kelas	1	3	0.9	3.49
		2	30	9.4	
		3	123	38.4	
		4	134	41.9	
		5	30	9.4	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Seterusnya merupakan analisis berkenaan kemampuan responden memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu al-Badi' seperti *al-Jinas*, *al-Tibaq* dan lain-lain setakat yang dipelajari dalam kelas. Jadual 4.34 menunjukkan ramai responden memilih skor setuju dengan jumlah sebanyak 134 orang atau meliputi 41.9%. Sebanyak 9.4% atau, merangkumi 30 orang responden memilih untuk sangat setuju dengan item ini. Manakala bagi skor kurang setuju pula sebanyak 123 responden yang memilih skor tersebut merangkumi 38.4% responden. Skor ini merupakan skor kedua yang tertinggi bagi item ini.

Bagi responden yang tidak bersetuju pula, analisis telah merekodkan sebanyak 33 orang responden yang bertindak sedemikian iaitu 10.3% daripada keseluruhan responden. 30 orang atau 9.4% daripada memberikan respons tidak setuju dan selebihnya untuk skor sangat tidak setuju. Catatan min yang berada di pertengahan iaitu 3.49 menunjukkan responden kurang setuju bahawa mereka sememangnya mampu memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu *al-Badi'* seperti *al-Jinas*, *al-Tibaq* dan lain-lain setakat yang dipelajari dalam kelas

#### 4.2.1.3.6 Item 26

**Jadual 4.35** Taburan kerap dan peratus responden mengikut pengetahuan bahawa terdapat banyak ayat al-Quran yang mempunyai unsur-unsur Balaghah

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
26	Saya tahu banyak ayat al-Quran yang mempunyai unsur-unsur Balaghah	1	-	-	4.05
		2	6	1.9	
		3	84	26.3	
		4	118	36.9	
		5	112	35.0	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Jadual 4.35 memaparkan berkenaan pengetahuan responden bahawa terdapat banyak ayat al-Quran yang mempunyai unsur-unsur Balaghah. Hasil analisis mendapati sebilangan besar dari kalangan responden bersetuju dengan item yang disediakan. Sebanyak 118 responden memilih skor setuju, manakala 112 yang lain memilih skor sangat setuju. Masing-masing membawa jumlah peratus sebanyak 36.9% dan 35.0%.

Seterusnya bagi skor kurang setuju, sebanyak 84 orang responden atau mewakili 26.3% responden memilihnya. Hal ini bersamaan dengan hampir semua item-item sebelumnya dimana ramai responden yang gemar meletakkan pilihan mereka pada skor ini. Selain itu, terdapat segelintir kecil dari kalangan responden yang tidak bersetuju dengan item ini iaitu hanya enam orang responden atau 1.9% sahaja responden yang memilih skor tidak setuju. Tiada seorang pun responden yang memilih skor terakhir iaitu skor sangat tidak setuju. Min keseluruhan bagi item ini ialah 4.05 yang membawa pengertian bahawa responden bersetuju bahawa mereka mengetahui bahawa terdapat banyak ayat al-Quran yang mempunyai unsur-unsur Balaghah.

#### 4.2.1.3.7 Item 27

**Jadual 4.36** Taburan kerap dan peratus responden mengikut kemampuan menentukan unsur Balaghah yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran setakat yang dipelajari

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
27	Saya dapat tentukan unsur <i>Balaghah</i> yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran setakat yang saya pelajari	1	3	0.9	3.44
		2	28	8.8	
		3	147	45.9	
		4	108	33.8	
		5	34	10.6	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Al-Quran merupakan rujukan umat Islam yang diwahyukan oleh Allah dengan bahasa Arab. Terdapat banyak unsur-unsur retorik di dalam ayat-ayat al-Quran. Analisis pada jadual 4.36 menunjukkan kemampuan responden menentukan unsur Balaghah yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran setakat yang dipelajari.

Dapatan kajian menunjukkan ramai di kalangan responden kurang setuju bahawa mereka mampu menentukan unsur Balaghah yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran setakat yang dipelajari. Sebanyak 147 orang responden atau mewakili 45.9% memberikan respons kurang setuju. Bagi skor setuju pula sebanyak 108 responden yang memilihnya bersamaan dengan 33.8% daripada keseluruhan responden. Manakala 34 yang lain atau 10.4% menyatakan skor sangat setuju. Di samping itu juga, sebanyak 28 orang responden atau menyamai 8.8% memilih untuk skor tidak setuju serta hanya tiga orang responden atau 0.9% menyatakan skor sangat tidak setuju. Min yang di paras pertengahan iaitu 3.44 dicatatkan pada item ini menunjukkan responden memilih untuk kurang bersetuju bahawa mereka mampu menentukan unsur Balaghah yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran setakat yang dipelajari.

#### 4.2.1.3.8 Item 28

**Jadual 4.37** Taburan kerap dan peratus responden mengikut pengetahuan tentang betapa indahnyanya gaya bahasa Arab setelah mempelajari al-Balaghah dalam kelas

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
28	Saya mengetahui betapa indahnyanya gaya bahasa Arab setelah mempelajari <i>al-Balaghah</i> dalam kelas.	1	-	-	4.22
		2	5	1.6	
		3	46	14.4	
		4	142	44.4	
		5	127	39.7	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Perkara yang penting untuk menilai keberkesanan pembelajaran *al-Balaghah* terhadap para pelajar ialah apabila pelajar dapat merasakan keindahan bahasa Arab. Paparan jadual 4.37 menunjukkan analisis pengetahuan responden tentang betapa indahnya gaya bahasa Arab setelah mempelajari *al-Balaghah* dalam kelas. Keseluruhannya, majoriti responden bersetuju terhadap item yang disediakan iaitu meliputi 84.1% daripada jumlah keseluruhan responden. Sebanyak 127 orang responden atau 39.7% telah memilih pada skor sangat setuju. 44.4% atau bersamaan 142 orang yang lain telah memberikan maklum balas setuju.

Selain itu, terdapat sebanyak 46 orang responden atau mewakili 14.4% yang berasa kurang setuju bahawa mereka dapat merasakan keindahan bahasa Arab setelah mempelajari *al-Balaghah* dalam kelas. Manakala, didapati 1.6% atau bersamaan lima orang responden yang memilih skor tidak setuju untuk item ini. tiada responden yang memberikan respons sangat tidak setuju. Min keseluruhan yang dicatatkan bagi item ini agak tinggi iaitu 4.22 menunjukkan bahawa responden sememangnya dapat merasakan keindahan bahasa Arab setelah mempelajari *al-Balaghah* dalam kelas.

#### 4.2.1.3.9 Item 29

**Jadual 4.38** Taburan kerap dan peratus responden mengikut kesedaran bahawa mempelajari *al-Balaghah* banyak membantu untuk mengolah dan mengungkap ayat-ayat yang baik dalam bahasa Arab

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
29	Saya sedar dengan mempelajari <i>al-Balaghah</i> telah banyak membantu saya mengolah dan mengungkap ayat-ayat yang baik dalam bahasa Arab.	1	3	0.9	3.74
		2	21	6.6	
		3	95	29.7	
		4	139	43.4	
		5	62	19.4	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Salah satu lagi kesan yang dikehendaki setelah mempelajari *al-Balaghah* ialah seseorang itu mampu membuat ayatnya di dalam bahasa Arab dengan baik. Hal ini adalah sangat penting dalam aspek penguasaan penulisan dalam bahasa Arab. Jadual 4.38 di atas menunjukkan analisis terhadap kesedaran responden bahawa mempelajari *al-Balaghah* banyak membantu mereka untuk mengolah dan mengungkap ayat-ayat yang baik dalam bahasa Arab. Terdapat 201 orang responden yang bersetuju dengan item ini. 139 orang responden memberikan respons setuju, manakala 62 yang lain pula menyatakan sangat setuju. Masing-masing membawa jumlah peratus sebanyak 43.4% dan 19.4%.

Manakala bagi skor kurang setuju pula terdapat 95 responden iaitu 29.7% daripada semua responden yang memilih skor ini. Bagi golongan yang tidak bersetuju pula berjumlah 24 orang responden. Terdapat 21 orang atau mewakili 6.6% yang telah memilih skor tidak setuju, manakala baki tiga yang lain memilih skor sangat tidak setuju. Catatan min keseluruhan bagi item ini ialah 3.74 iaitu responden bersetuju dengan item ini.

#### 4.2.1.3.10 Item 30

**Jadual 4.39** Taburan kerapian dan peratus responden mengikut kebenaran bahawa pengajaran dan pembelajaran *al-Balaghah* membuatkan lebih berminat mempelajari bahasa Arab

Item	Perkara	Skor	Kekerapan	Peratus (%)	Min
30	Pengajaran dan pembelajaran <i>al-Balaghah</i> membuatkan saya lebih berminat mempelajari bahasa Arab.	1	3	0.9	3.85
		2	20	6.3	
		3	80	25.0	
		4	136	42.5	
		5	81	25.3	
<b>Jumlah</b>			<b>320</b>	<b>100%</b>	

$n = 320$

Jadual 4.39 adalah berkenaan sama ada pengajaran dan pembelajaran *al-Balaghah* membuatkan responden lebih berminat mempelajari bahasa Arab atau sebaliknya. Hasil analisis mendapati sebilangan besar dari kalangan responden bersetuju terhadap item ini. 136 daripada responden atau merangkumi 42.5% memilih untuk skor setuju, manakala 81 lagi atau bersamaan 25.3% memberikan respons sangat setuju.

Bilangan responden yang berpandangan kurang setuju menunjukkan jumlah yang agak tinggi iaitu 80 orang atau meliputi 25.0%. Dapatan juga menunjukkan sebanyak 20 orang responden menyatakan tidak setuju serta tiga yang lain lagi memilih sangat tidak setuju. Kedua-duanya membawa jumlah sebanyak 7.2%. Min pada aras setuju dicatatkan iaitu sebanyak 3.85. Ini menunjukkan ramai pelajar yang merasakan bahawa pengajaran dan pembelajaran *al-Balaghah* yang mereka alami di dalam kelas bersama dengan bimbingan guru telah membuatkan mereka lebih berminat mempelajari bahasa Arab. Perkara ini merupakan satu kejayaan kepada para guru yang mengajar subjek ini.

#### 4.2.2 Analisis Keseluruhan Item (Bahagian B)

Dalam bahagian ini, setiap item soalan akan dianalisis dan diberikan penghuraian secara menyeluruh. Huraian dan pandangan yang diberikan juga adalah berdasarkan kepada objektif dan persoalan kajian yang dibina. Seperti mana yang telah dinyatakan pada analisis mengikut setiap item, penyelidik akan membahagikan item-item soalan tersebut kepada tiga bahagian utama berdasarkan kepada persoalan kajian yang tiga, bertujuan melihat hasil atau dapatan kajian secara global dan menyeluruh. Proses penganalisan secara menyeluruh ini amat penting untuk melihat keputusan-keputusan yang bakal diperoleh melalui skop yang lebih luas dan terbuka.

Bagi bahagian skala (%), terdapat lima bahagian yang merupakan bentuk respon yang diberikan oleh responden. Tanda **SS** bermaksud **sangat setuju**, manakala tanda **S** membawa maksud **setuju**. Tanda **KS** pula ialah singkatan daripada **kurang setuju**. Tanda **TS** pula merujuk kepada maksud **tidak setuju** dan tanda **STS** pula bermaksud **sangat tidak setuju**.



#### 4.2.2.1 Persepsi dan Pengetahuan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab/ al-Balaghah

**Jadual 4.40** Taburan Peratusan Dan Min Bagi Objektif Yang Pertama

Item	Perkara	Skala (%)					Min
		SS	S	TP	TS	STS	
1	Saya sedar ada pengajian <i>al-Balaghah</i> dalam kertas Bahasa Arab Tinggi.	64.7	29.1	4.7	1.3	0.3	<b>4.57</b>
2	Saya berminat untuk mempelajari pengajian <i>al-Balaghah</i> .	2.72	51.6	18.4	2.5	0.3	<b>4.03</b>
3	Saya tahu tujuan, faedah dan manfaat yang akan saya dapat jika mempelajari ilmu <i>al-Balaghah</i> .	33.8	45.9	17.8	2.2	0.3	<b>4.11</b>
4	Saya tahu terdapat unsur-unsur ilmu <i>al-Balaghah</i> dalam bahasa Arab.	50.9	41.3	6.9	0.3	0.6	<b>4.42</b>
5	Saya yakin pengajian <i>al-Balaghah</i> dapat membantu saya memahami teks-teks Arab dengan baik.	32.5	41.9	22.5	2.5	0.6	<b>4.03</b>
6	Saya yakin pengajian <i>al-Balaghah</i> dapat membantu saya memahami al-Quran dan Hadis dengan lebih baik.	40.9	39.1	18.1	1.6	0.3	<b>4.19</b>
7	Saya dapat rasakan/bezakan gaya bahasa Arab yang baik dan tidak melalui pengajian ilmu <i>al-Balaghah</i> .	15.6	30.9	37.8	12.8	2.8	<b>3.44</b>
8	Saya dapat memahami tajuk-tajuk yang diajar dalam <i>al-Balaghah</i> dengan mudah.	9.7	40.6	33.4	14.1	2.2	<b>3.42</b>
9	Saya dapat menguasai ilmu <i>al-Balaghah</i> dengan baik setakat yang telah saya pelajari.	9.4	44.4	34.7	10.3	1.3	<b>3.50</b>
10	Saya berminat dan sentiasa bersedia untuk mempelajari <i>al-Balaghah</i> ke peringkat yang lebih tinggi lagi.	20.0	35.0	36.6	6.9	1.6	<b>3.65</b>
<b>Min Keseluruhan</b>							<b>3.94</b>

*n* = 320

Secara umum, penyelidik mendapati bahawa kebanyakan item yang terdapat di dalam bahagian ini mendapat respon positif daripada para responden yang telah dipilih. Item pertama menunjukkan catatan min sebanyak 4.57 iaitu pada paras sangat setuju. Para responden bersetuju bahawa mereka sedar terdapat pengajian *al-Balaghah* dalam kertas Bahasa Arab Tinggi. Min bagi item kedua pula ialah 4.03. min ini menunjukkan respon responden berada pada tahap setuju yang mana kebanyakan responden mengakui bahawa mereka berminat untuk mempelajari pengajian *al-Balaghah*.

Seterusnya item ke-3 mencatatkan perolehan min sebanyak 4.11. Penyelidik mendapati bahawa ramai responden yang dapat mengetahui tujuan, faedah dan manfaat yang mereka akan perolehi jika mempelajari ilmu *al-Balaghah*. Dapatan pada item ke-4 pula menunjukkan pengetahuan responden bahawa terdapatnya unsur *Balaghah* dalam gaya bahasa Arab berada pada tahap yang baik. Ini berikutan hasil catatan min menunjukkan pada tahap setuju iaitu 4.42.

Catatan min keseluruhan 4.03 pada item ke-5 jelas membuktikan bahawa keyakinan responden bahawa pengajian *Balaghah* dapat membantu mereka memahami teks-teks Arab dengan lebih baik berada di tahap yang baik. Hal ini dapat ditunjukkan dengan ramainya responden telah memilih untuk bersetuju dengan item ini. Seterusnya dapat dilihat kepada item ke-6 yang mana telah mencatatkan min keseluruhan sebanyak 4.19. Nilai tersebut menunjukkan bahawa keyakinan responden terhadap pengajian *Balaghah* akan dapat membantu mereka memahami al-Quran dan hadis dengan lebih baik berada pada tahap yang dikehendaki.

Item ke-7 pula adalah berkaitan kemampuan responden yang terlibat dalam membezakan keindahan gaya bahasa Arab yang baik atau tidak melalui pembelajaran *Balaghah*. Perolehan min keseluruhan sebanyak 3.44 menunjukkan responden kurang bersetuju bahawa mereka berkemampuan untuk membezakan keindahan gaya bahasa Arab yang baik atau tidak. Penyelidik tidak dapat menafikan bahawa kebolehan responden dalam memahami tajuk-tajuk *Balaghah* yang diajar juga berada di tahap sederhana dan agak kurang memberangsangkan. Ini dapat dilihat pada min keseluruhan yang dicatatkan iaitu sebanyak 3.42 dan majoriti responden kurang setuju tentang kemampuan mereka dalam memahami tajuk-tajuk *Balaghah*.

Seterusnya min keseluruhan yang dicatatkan bagi item ke-9 ialah 3.50. Catatan tersebut menunjukkan tahap kemampuan responden dalam menguasai ilmu Balaghah dengan baik setakat yang telah mereka pelajari hingga sekarang sebenarnya adalah pada tahap yang agak baik. Kebanyakan mereka bersetuju bahawa mereka dapat menguasai ilmu ini. Manakala item terakhir dalam objektif pertama menunjukkan catatan min sebanyak 3.65. Analisis jelas membuktikan bahawa minat responden untuk mempelajari Balaghah ke peringkat yang lebih tinggi lagi juga adalah pada tahap yang baik. Kesimpulannya, persepsi, penerimaan dan penguasaan responden terhadap pengajian ilmu Balaghah Arab berada di tahap yang baik. Hal ini adalah merujuk kepada min keseluruhan bagi bahagian I ini iaitu sebanyak 3.94.

#### 4.1.12.1 Masalah-Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar Dalam Pembelajaran Ilmu Retorik Arab/ al-Balaghah

**Jadual 4.41** Taburan Peratusan Dan Min Bagi Objektif Yang Kedua

Item	Perkara	Skala (%)					Min
		1	2	3	4	5	
11	Saya faham dengan baik bahagian-bahagian ilmu <i>al-Balaghah</i> seperti <i>al-Ma'ani</i> , <i>al-Bayan</i> dan <i>al-Badi'</i> atau setakat yang saya telah pelajari	10.3	44.4	37.5	6.9	0.9	<b>3.56</b>
12	Saya tahu tajuk-tajuk yang diajar dalam <i>al-Balaghah</i> mempunyai kaitan antara satu sama lain dalam penggunaan ayat.	25.0	55.6	15.3	2.5	1.6	<b>4.00</b>
13	Contoh dan huraian <i>al-Balaghah</i> dalam buku teks BAT mudah difahami oleh saya.	21.3	40.9	27.5	9.7	0.6	<b>3.73</b>
14	Saya rasa masa yang diperuntukkan untuk belajar <i>al-Balaghah</i> dalam kelas mencukupi/memadai	7.8	35.6	22.8	27.5	6.3	<b>3.11</b>

15	Kaedah-kaedah <i>al-Balaghah</i> yang dipelajari mudah untuk difahami oleh saya	10.6	48.8	28.1	10.9	1.6	<b>3.56</b>
16	Saya dapat menggunakan buku teks BAT sebagai sumber utama semasa mempelajari ilmu <i>al-Balaghah</i>	12.8	38.8	28.1	16.6	3.8	<b>3.40</b>
17	Guru lebih banyak menggunakan bahasa Arab semasa mengajar semasa mengajar <i>al-Balaghah</i> daripada bahasa Melayu.	16.9	29.7	21.3	28.4	3.8	<b>3.28</b>
18	Huraian yang dibuat oleh guru jelas dan mudah difahami	21.6	52.2	19.1	6.9	0.3	<b>3.88</b>
19	Saya mampu membuat latihan yang diberikan oleh guru berdasarkan pemahaman yang diberikan di dalam kelas.	11.6	49.4	27.5	11.3	0.3	<b>3.61</b>
20	Format dan bentuk soalan yang digunakan membantu saya untuk menguasai ilmu <i>al-Balaghah</i>	15.6	51.6	26.9	5.3	0.6	<b>3.76</b>
<b>Min Keseluruhan</b>							<b>3.59</b>

$n = 320$

Objektif kedua adalah bertujuan untuk mengenal pasti keadaan pembelajaran dan keberkesanan kaedah pengajaran Balaghah di dalam kelas. Berdasarkan kepada catatan min keseluruhan iaitu sebanyak 3.59, penyelidik mendapati responden tidak mempunyai masalah dalam pembelajaran ilmu retorik Arab atau Balaghah. Situasi ini dapat dilihat dengan jelas di dalam analisis mengikut item-item, di mana hampir setiap item min yang didapati berada pada paras setuju.

Min keseluruhan bagi item ke-11 ialah 3.56, menunjukkan bahawa majoriti dari kalangan responden bersetuju dan mengakui bahawa mereka dapat memahami dengan baik bahagian-bahagian ilmu *al-Balaghah* seperti *al-Ma'ani*, *al-Bayan* dan *al-Badi'* atau setakat yang mereka telah pelajari. Seterusnya, item ke-12 telah mencatatkan min keseluruhan sebanyak 4.00. Sebanyak 80.6% responden setuju bahawa mereka mengetahui tajuk-tajuk yang diajar dalam *al-Balaghah* mempunyai kaitan antara satu sama lain dalam penggunaan ayat. Catatan min tersebut

menunjukkan majoriti responden mengetahui tajuk-tajuk yang diajar dalam *al-Balaghah* mempunyai kaitan antara satu sama lain dalam penggunaan ayat.

Item yang ke-13 adalah berkenaan kenyataan bahawa contoh dan huraian *al-Balaghah* dalam buku teks BAT mudah difahami responden. Min 3.73 jelas membuktikan bahawa majoriti responden yang bersetuju bahawa contoh dan huraian *al-Balaghah* dalam buku teks BAT mudah difahami. Min keseluruhan yang direkodkan bagi item ke-14 pula ialah 3.11. Bagi item ini, penyelidik mendapati jumlah responden yang bersetuju dengan tidak bersetuju dan kurang setuju mempunyai bilangan yang seimbang. Ini menghasilkan min yang berada pada paras kurang setuju.

Min keseluruhan yang dicatatkan bagi item ke-15 pula ialah 3.56. Catatan tersebut memberi gambaran bahawa kebanyakan responden bersetuju bahawa kaedah-kaedah *al-Balaghah* yang dipelajari mudah untuk difahami. Seterusnya, min keseluruhan yang agak baik dicatatkan bagi item ke-16 iaitu 3.40. Analisis dalam jadual di atas mendapati majoriti responden kurang setuju bahawa mereka dapat menggunakan buku teks BAT sebagai sumber utama semasa mempelajari ilmu *al-Balaghah*.

Min bagi item ke-17 pula ialah 3.28 iaitu terletak pada kedudukan setuju. Dapatan kajian menunjukkan sebilangan besar dari kalangan responden kurang bersetuju terhadap item ini. Responden didapati kurang bersetuju bahawa guru lebih banyak menggunakan bahasa Arab semasa mengajar semasa mengajar *al-Balaghah* daripada bahasa Melayu. Dapatan min bagi item ke-18 pula menunjukkan responden bersetuju bahawa huraian yang dibuat oleh guru jelas dan mudah difahami. Min yang diperolehi bagi item tersebut ialah 3.88 iaitu pada setuju.

Perolehan min pada item ke-19 sebanyak 3.61. Hal ini menunjukkan lebih ramai responden bersetuju bahawa mereka mampu membuat latihan yang diberikan oleh guru berdasarkan pemahaman yang diberikan di dalam kelas. Akhir sekali pada item ke-20 pula, 67.2% dari kalangan responden bersetuju akan keterangan bahawa format dan bentuk soalan yang digunakan membantu mereka untuk menguasai ilmu

*al-Balaghah*. Ini dibuktikan dengan dapatan min sebanyak 3.76 iaitu terletak pada aras setuju.

#### 4.1.12.2 Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu Retorik Arab atau *al-Balaghah* di Kalangan Pelajar

**Jadual 4.42** Taburan Peratusan Dan Min Bagi Objektif Yang Ketiga

Item	Perkara	Skala (%)					Min
		1	2	3	4	5	
21	Saya tahu dalam bahasa Arab banyak ayat yang berunsurkan sastera	33.8	47.2	17.2	1.9	-	<b>4.13</b>
22	Saya dapat tentukan dalam teks-teks Arab terdapat beberapa unsur <i>Balaghah</i> .	15.9	42.2	38.4	3.1	0.3	<b>3.70</b>
23	Saya dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu <i>al-Bayan</i> seperti <i>al-Tasybih</i> dan lain-lain setakat yang saya pelajari dalam kelas.	14.1	42.5	35.3	7.8	0.3	<b>3.62</b>
24	Saya dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu <i>al-Ma'ani</i> seperti ayat <i>Insya'</i> , <i>Khabar</i> dan lain-lain setakat yang saya pelajari dalam kelas	10.9	48.1	33.4	5.9	1.6	<b>3.61</b>
25	Saya dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu <i>al-Badi'</i> seperti <i>al-Jinas</i> , <i>al-Tibaq</i> dan lain-lain setakat yang saya pelajari dalam kelas	9.4	41.9	38.4	9.4	0.9	<b>3.49</b>
26	Saya tahu banyak ayat al-Quran yang mempunyai unsur-unsur <i>Balaghah</i>	35.0	36.9	26.3	1.9	-	<b>4.05</b>
27	Saya dapat tentukan unsur - <i>Balaghah</i> yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran setakat yang saya pelajari	10.6	33.8	45.9	8.8	0.9	<b>3.44</b>
28	Saya mengetahui betapa indahnnya gaya bahasa Arab setelah mempelajari <i>al-Balaghah</i> dalam kelas	39.7	44.4	14.4	1.6	-	<b>4.22</b>

29	Saya sedar dengan mempelajari <i>al-Balaghah</i> telah banyak membantu saya mengolah dan mengungkap ayat-ayat yang baik dalam bahasa Arab.	19.4	43.4	29.7	6.6	0.9	<b>3.74</b>
30	Pengajaran dan pembelajaran <i>al-Balaghah</i> membuatkan saya lebih berminat mempelajari bahasa Arab.	25.3	42.5	25.0	6.3	0.9	<b>3.85</b>
<b>Min Keseluruhan</b>							<b>3.79</b>

$n = 320$

Analisis huraian bagi objektif ketiga ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran ilmu retorik Arab / Balaghah di kalangan pelajar. Jadual 4.42 di atas menunjukkan hasil analisis bagi objektif berkenaan berdasarkan min dan peratus bagi setiap item. Pada item ke-21 yang merupakan item pertama dalam bahagian ini, min keseluruhan yang dicatatkan ialah 4.13. Penyelidik mendapati 81.0% responden bersetuju terhadap item ini. Mereka mengakui bahawa mereka mengetahui dalam bahasa Arab terdapat banyak ayat yang berunsurkan sastera.

Ini diikuti pula dengan catatan min pada item ke-22 iaitu sebanyak 3.70. terdapat 41.8% responden yang tidak bersetuju terhadap item ini, manakala majoriti yang lain bersetuju bahawa mereka dapat tentukan dalam teks-teks Arab terdapat beberapa unsur Balaghah. Manakala, item ke-23 menunjukkan catatan min keseluruhan sebanyak 3.62. Hal ini kerana majoriti responden memberikan respon positif terhadap kenyataan bahawa mereka dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu *al-Bayan* seperti *al-Tasybih* dan lain-lain setakat yang dipelajari dalam kelas.

Analisis seterusnya menunjukkan item ke-24 mencatatkan min keseluruhan yang sederhana iaitu 3.61. Sama seperti item sebelumnya, bilangan responden yang bersetuju mempunyai jumlah yang lebih tinggi daripada yang tidak bersetuju. Daripada item ini, didapati bahawa golongan yang dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu *al-Ma'ani* seperti ayat *insya'*, *khobar* dan lain-lain setakat yang dipelajari dalam kelas adalah sebanyak 59%. Item ke-25 pula

merekodkan catatan min yang berbeza dengan item-item sebelum ini iaitu 3.49 menunjukkan responden bersikap kurang setuju terhadap item ini. Walaupun begitu, penyelidik mendapati lebih ramai responden yang merasakan bahawa mereka mampu memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu *al-Badi'* seperti *al-Jinas*, *al-Tibaq* dan lain-lain setakat yang dipelajari dalam kelas.

Seterusnya item ke-26 merekodkan catatan min yang baik iaitu 4.05. Lebih 71.9% responden bersetuju bahawa mereka mengetahui bahawa terdapat banyak ayat al-Quran yang mempunyai unsur-unsur *Balaghah*. Di samping itu, tiada seorang responden yang memilih skor sangat tidak setuju bagi item ini. Min bagi item ke-27 pula menunjukkan pada kurang setuju iaitu 3.44 menunjukkan responden kurang bersetuju dengan item ini. Hal ini jelas ditunjukkan apabila hampir separuh daripada responden iaitu sebanyak 45.9% responden memilih untuk kurang bersetuju terhadap keterangan bahawa mereka dapat tentukan unsur *Balaghah* yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran setakat yang dipelajari.

Min bagi item ke-28 juga yang dipaparkan dalam jadual di atas memberi gambaran jelas bahawa kebanyakan responden bersetuju terhadap item yang disediakan. Catatan min sebanyak 4.22 menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa mereka mengetahui betapa indahnyanya gaya bahasa Arab setelah mempelajari *al-Balaghah* dalam kelas. Sebilangan besar responden juga atau melebihi 80.0% bersetuju terhadap item ini dan kurang daripada 16.0% sahaja yang tidak bersetuju.

Dalam analisis yang dijalankan, penyelidik juga telah mengenal pasti lebih 60.0% dari kalangan responden yang bersetuju kepada item ke-29. Keputusan min setinggi 3.74 membuktikan majoriti responden bersetuju bahawa mereka menyedari bahawa dengan mempelajari *al-Balaghah* telah banyak membantu mereka mengolah dan mengungkap ayat-ayat yang baik dalam bahasa Arab.. Seterusnya ialah analisis bagi item terakhir bagi objektif ketiga dan juga merupakan item terakhir dalam soal selidik yang dijalankan. Min yang dicatatkan bagi item ke-30 ini ialah 3.85. Didapati bahawa responden tidak menafikan bahawa pengajaran dan pembelajaran *al-Balaghah* membuatkan mereka lebih berminat mempelajari bahasa Arab. Ini menunjukkan pengajaran *Balaghah* telah memberikan kesan kepada responden.



Secara keseluruhannya, min yang diperoleh ialah sebanyak 3.79 iaitu pada aras bersetuju. Ini bermakna majoriti responden merasai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran ilmu retorik Arab / Balaghah yang mereka lalui.

#### 4.3 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, penyelidik telah membahagikan bahagian B kepada tiga bahagian iaitu Bahagian I, II dan III. Jadual 4.43 di bawah memaparkan min keseluruhan bagi setiap bahagian tersebut.

**Jadual 4.43** Min Keseluruhan Bagi Setiap Bahagian (I, II dan III)

<b>Bil</b>	<b>Bahagian</b>	<b>Min</b>
1	<b>Bahagian I</b> (Persepsi dan Pengetahuan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab/ <i>al-Balaghah</i> )	<b>3.94</b>
2	<b>Bahagian II</b> (Masalah-masalah yang Dihadapi Oleh Pelajar Dalam Pembelajaran Ilmu Retorik Arab/ <i>al-Balaghah</i> )	<b>3.59</b>
3	<b>Bahagian III</b> (Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu Retorik Arab atau <i>al-Balaghah</i> di Kalangan Pelajar)	<b>3.79</b>

Jadual 4.43 yang dipaparkan di atas jelas menunjukkan min tinggi dicatatkan ialah pada Bahagian I dengan jumlah 3.94. Keadaan ini menjelaskan bahawa pandangan pelajar terhadap mata pelajaran retorik Arab atau Balaghah adalah positif. Selain tu dapat juga dibuat kesimpulan bahawa *overview* bagi para responden terhadap ilmu ini tidak bermasalah. Oleh itu dapat dibuat kesimpulan bagi objektif pertama ini ialah persepsi dan pengetahuan pelajar terhadap pengajian ilmu retorik Arab atau Balaghah adalah positif di mana mereka berminat, mempunyai kesedaran tentang kepentingannya dan ingin mendalami ilmu ini.

Manakala catatan min pada bahagian II menunjukkan perolehan yang tinggi juga iaitu sebanyak 3.59. Secara keseluruhannya, min pada Bahagian II memberi

gambaran bahawa tahap keberkesanan kaedah pengajaran Balaghah di dalam kelas adalah pada tahap yang memuaskan. Maka jawapan kepada persoalan kajian yang kedua ialah secara keseluruhannya pelajar tidak mempunyai masalah dalam pembelajaran ilmu retorik Arab atau Balaghah ini.

Manakala, bagi bahagian III pula, min yang dicatatkan ialah 3.79, juga pada aras positif iaitu aras setuju. Keadaan ini menunjukkan responden bersetuju dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diguna pakai dalam pembelajaran Balaghah. Maka jawapan bagi persoalan kajian yang terakhir ialah pengajaran dan pembelajaran Balaghah telah memberikan kesan yang positif kepada para pelajar yang mendalami ilmu ini.

Kesimpulannya ketiga-tiga bahagian dalam soal selidik yang telah dibina telah mendapat respon yang positif dalam kalangan responden yang menghasilkan natijah yang baik dalam menjawab persoalan kajian. Min ketiga-tiga bahagian tersebut berada di paras setuju. Justeru, penguasaan para pelajar sekolah menengah agama aliran agama terhadap pengajian ilmu retorik Arab atau Balaghah boleh dikatakan berada pada tahap yang baik.

## **BAB V**

### **PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.0 PENGENALAN**

Kajian yang dilakukan adalah untuk mendapatkan respons daripada pelajar-pelajar sekolah menengah aliran agama yang terlibat berkenaan tahap penguasaan pelajar terhadap ilmu retorik Arab. Untuk mengetahui perkara tersebut, kajian ini melihat kepada persepsi dan pengetahuan yang dimiliki oleh pelajar terhadap pengajian Balaghah. Selain daripada itu, kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh guru berkesan serta mampu memberikan impak yang positif dalam diri para pelajar khususnya dalam meningkatkan penguasaan mereka terhadap pengajian Balaghah ini.

Pada bab yang terakhir ini, penyelidik akan membuat perbincangan dan penghuraian berkaitan dengan dapatan kajian yang diperoleh. Selain itu, penyelidik juga akan membuat kesimpulan serta rumusan berdasarkan kepada hasil kajian seperti mana yang telah diperjelaskan di dalam bab IV sebelum ini. Seajar dengan perkara tersebut, penyelidik juga akan mengemukakan beberapa bentuk cadangan yang dirasakan sesuai dan perlu dalam menyelesaikan masalah yang timbul. Penyelidik juga akan menyertakan bersama cadangan-cadangan lanjutan kepada pihak-pihak yang ingin menjalankan kajian berikutnya berteraskan kepada tajuk kajian ini.

## **5.1 PERBINCANGAN**

Pada bahagian ini penyelidik akan membahagikan perbincangan kepada dua bahagian utama iaitu bahagian A dan bahagian B. Seperti yang kita sedia maklum, bahagian A merupakan perbincangan berkenaan latar belakang responden yang terlibat, manakala bahagian B pula akan membincangkan perkara-perkara berkaitan item-item soal selidik yang didirikan bagi menjawab segala persoalan kajian yang telah dinyatakan terdahulu di dalam bab I.

### **5.1.1 Bahagian A**

Kajian ini telah dilaksanakan ke atas para pelajar tingkatan lima di enam buah SMA di seluruh negeri Johor Darul Takzim seperti mana yang telah dijelaskan sebelum ini. Sampel kajian yang dipilih adalah berdasarkan secara rawak kelompok iaitu melibatkan para pelajar tingkatan lima di setiap sekolah yang dipilih memandangkan mereka telah mempelajari ilmu ini selama dua tahun hingga ke peringkat SPM. Jumlah keseluruhan responden ialah sebanyak 320 orang pelajar.

Jika dirujuk kepada penganalisan data di dalam bab IV, jumlah responden perempuan melebihi responden lelaki dengan perbezaan sebanyak 23.8% iaitu berbeza sebanyak 76 orang pelajar. Walaupun pada peringkat awal kajian, penyelidik ingin menyamaratakan dari segi jumlah responden lelaki dan perempuan, namun ia tidak dapat dipenuhi kerana pelajar perempuan sememangnya lebih banyak di setiap sekolah.

Kesemua responden yang terlibat adalah terdiri daripada pelajar tingkatan lima. Penyelidik hanya mengambil responden daripada tingkatan lima kerana berpandangan bahawa pelajar ini telah mengenali pengajian ilmu ini selama hampir dua tahun iaitu sejak di tingkatan empat lagi, bahkan semasa di tingkatan tersebut mereka telah dinilai dalam peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA).

Selain itu juga penyelidik juga meletakkan item yang bertujuan untuk mengetahui minat pelajar terhadap ilmu ini. Didapati 67.5% daripada responden

meminati ilmu ini. Hal ini sekurang-kurangnya dapat menjelaskan kepada penyelidik bahawa rata-rata responden yang dikaji sememangnya mempunyai sikap positif terhadap ilmu ini.

Selain itu dapatan kajian juga mendapati bahawa majoriti daripada responden mempelajari ilmu Balaghah di peringkat sekolah menengah. Bilangan mereka ialah sebanyak 204 orang iaitu sebanyak 63.8% daripada keseluruhan responden. Justeru, penyelidik dapat membuat kesimpulan bahawa responden merupakan pelajar yang 'baru' terhadap ilmu ini.

Seterusnya ialah perbincangan mengenai waktu atau tempoh masa mengulang kaji bahasa Arab dalam masa seminggu. Penyelidik mendapati kebanyakan responden mengambil masa kurang sejam untuk mengulang kaji bahasa Arab berbanding hanya 5.6% responden yang mengambil masa lebih tiga jam. Selain itu, dapat dilihat pada analisis kajian bahawa sebahagian besar responden memperoleh keputusan sederhana sewaktu Penilaian Menengah Rendah (PMR). Namun, terdapat 43.8% dari kalangan responden yang memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan tersebut.

Didapati juga kebanyakan responden sememangnya tidak bermasalah dari aspek latar belakang keluarga untuk mempelajari ilmu ini lantaran mereka datang dari keluarga yang pernah mempelajari bahasa Arab. Sebanyak 213 responden iaitu 66.6% daripada keseluruhan responden mempunyai saudara mara yang turut mempelajari bahasa Arab. Situasi ini merupakan satu kelebihan kepada mereka berbanding dengan pelajar yang tidak mempunyai saudara mara yang mempelajari bahasa Arab. Selain itu juga, sebanyak 77.8% dari kalangan responden menyatakan bahawa tujuan mereka mempelajari bahasa Arab adalah untuk mendalami ajaran Islam di samping 12.5% yang lain menyatakan untuk mendalami bahasa Arab itu sendiri. Penyelidik juga mengenal pasti sebanyak 14 orang responden berpandangan bahawa bahasa Arab hanyalah sebagai mata pelajaran tambahan.

Berikutan dengan itu, penyelidik mendapati sebab responden mengambil kertas Bahasa Arab Tinggi dalam SPM adalah untuk mengetahui banyak bidang pengajian dalam bahasa Arab. Keadaan ini dapat ditunjukkan apabila 85.3%

responden yang menyatakan sedemikian. Namun, penyelidik mendapati 47 responden iaitu 14.7% daripada keseluruhan responden yang mengambil kertas Bahasa Arab Tinggi dalam SPM adalah kerana terpaksa dan tiada pilihan lain selain mengambil kertas tersebut.

Terakhir sekali penyelidik mendapati mata pelajaran Balaghah menjadi pilihan ketiga oleh kebanyakan responden. Perkara ini terbukti apabila sebanyak 85 responden iaitu 25.6% daripada keseluruhan responden memilih skor pilihan ketiga dalam soal-selidik. Ini diikuti pula oleh skor pilhan pertama iaitu sebanyak 56 responden iaitu 17.5% daripada keseluruhan responden.

### **5.1.2 Bahagian B**

Dalam bahagian ini, penyelidik akan membincangkan pula perkara-perkara atau item-item yang terkandung di dalam soal selidik. Item-item tersebut telah dibina dan disediakan berpandukan kepada objektif kajian. Oleh yang demikian, aspek perbincangan di dalam Bahagian B ini akan memberi tumpuan kepada ketiga-tiga persoalan kajian seperti mana yang telah diperjelaskan sebelum ini.

#### **5.1.2.1 Persepsi dan Pengetahuan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab/*al-Balaghah***

Bagi menjawab persoalan yang ditimbulkan, penyelidik telah menyediakan 10 item soalan untuk dijawab oleh responden. Kesemua item soalan yang dibina adalah untuk mengenal pasti persepsi dan pengetahuan pelajar terhadap pengajian ilmu Retorik Arab atau *al-Balaghah* di kalangan pelajar-pelajar aliran agama di setiap SMA yang dikaji. Min 3.56 yang dicatatkan dalam item pertama menunjukkan majoriti responden sedar ada pengajian *al-Balaghah* dalam kertas Bahasa Arab Tinggi. Sebagai pelajar yang bakal mengambil kertas Bahasa Arab Tinggi dalam SPM, jika mereka belum menyedarinya merupakan satu perkara yang tidak sepatutnya. Namun didapati terdapat 20 pelajar yang memberikan respon negatif terhadap item ini.

Minat merupakan faktor terpenting dalam mempelajari bahasa Arab. Analisis yang dilakukan pada item ke-2 menunjukkan majoriti di kalangan responden mengakui bahawa mereka memang berminat mempelajari Balaghah. Namun begitu, tidak dapat dinafikan juga bahawa terdapat sebahagian dari kalangan responden yang berasa tidak bersetuju bahawa mereka berminat mendalami bahasa tersebut.

Mengetahui tentang tujuan, faedah dan manfaat yang akan didapati jika mempelajari ilmu *al-Balaghah* akan menyebabkan seseorang itu lebih tekun dalam mempelajarinya. Item ke-3 dalam jadual 4.13 menunjukkan kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka memahami perkara tersebut. Terdapat juga segelintir kecil atau hampir 2.5% dari kalangan mereka yang tidak faham terus akan apa yang dilafazkan sewaktu berkomunikasi. Penyelidik juga mendapati hampir keseluruhan responden yang bersetuju bahawa mereka mengetahui terdapat unsur-unsur ilmu *al-Balaghah* dalam bahasa Arab. Jadual 4.14 menjelaskan sebanyak 92.2% berpandangan sedemikian, menunjukkan kesedaran pelajar terhadap kewujudan Balaghah dalam bahasa Arab sangat tinggi.

Dari aspek pemahaman pula, majoriti di kalangan responden yakin pengajian *al-Balaghah* dapat membantu mereka memahami teks-teks Arab dengan baik. Min 4.03 pada jadual 4.15 menunjukkan bahawa setiap keyakinan responden tentang kemampuan ilmu Balaghah membantu mereka terhadap pemahaman mereka terhadap bahasa Arab secara keseluruhannya berada pada tahap yang dikehendaki. Kurangnya kefahaman kepada teks-teks Arab akan mempengaruhi minat seseorang terhadap bahan atau bahasa Arab. Jadual 4.16 bagi item ke-6 menunjukkan 80.0% dari kalangan responden yakin bahawa pengajian *al-Balaghah* dapat membantu mereka memahami al-Quran dan hadis dengan lebih baik. Hal ini merupakan satu motivasi kepada mereka, hal ini kerana mereka dapat mempraktikkan ilmu Balaghah dalam pelajaran al-Quran dan hadis serta yang lebih penting lagi mereka dapat menggunakan ilmu tersebut dalam ibadah mereka.

Di samping itu, walaupun catatan min pada item ke-7 berada pada paras kurang setuju, penyelidik mendapati majoriti responden kurang bersetuju bahawa mereka berkemampuan membezakan gaya bahasa Arab yang baik dan tidak melalui pengajian ilmu *al-Balaghah*. Perkara yang sama juga berlaku kepada item ke-8

apabila merekodkan catatan min yang sederhana iaitu 3.42. 33.4% responden kurang setuju bahawa mereka dapat memahami tajuk-tajuk yang diajar dalam *al-Balaghah* dengan mudah. Hal ini dapat menunjukkan kepada kita terdapat kemungkinan bahawa pelajar mempunyai masalah dalam memahami tajuk-tajuk yang dipelajari. Semoga perbincangan bagi bahagian kedua soal-selidik ini akan menemukan kita dengan jawapan bagi persoalan ini.

Item ke-9 merupakan kesinambungan bagi item ke-8 yang mana ia bertujuan untuk mengetahui sama ada pelajar dapat menguasai ilmu *al-Balaghah* dengan baik setakat yang telah mereka pelajari. Secara hipotesisnya, penyelidik menjangkakan hasil yang sama diperoleh seperti item sebelumnya. Namun, didapati keputusan yang baik didapati iaitu rata-rata responden bersetuju dengan item tersebut. Hal ini dapat dijelaskan dengan catatan min para paras setuju iaitu 3.50.

Item ke-10 pada persoalan kajian yang pertama ini dibina adalah untuk mengetahui minat dan kesediaan pelajar untuk mempelajari *al-Balaghah* ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Jika seseorang itu benar-benar meminati subjek ini serta mempunyai persepsi yang baik terhadapnya sudah tentu akan berminat untuk memahami ilmu ini dengan lebih mendalam lagi. Analisis pada bab IV menunjukkan item tersebut mencatatkan jumlah min yang baik iaitu 3.65. Secara dasarnya, minat responden terhadap ilmu ini adalah pada tahap yang memuaskan. Ini adalah disebabkan catatan min menunjukkan pada aras setuju.

Seperti mana yang telah dijelaskan di dalam bab IV, secara keseluruhannya persepsi dan pengetahuan terhadap pengajian ilmu retorik Arab atau *al-Balaghah* di kalangan pelajar-pelajar aliran agama di setiap SMA yang dikaji adalah pada tahap yang baik apabila min secara keseluruhan yang diperolehi bagi bahagian pertama ini berada pada paras yang baik iaitu 3.94.



### 5.1.2.2 Masalah–masalah yang Dihadapi Oleh Pelajar Dalam Pembelajaran Ilmu Retorik Arab/*al-Balaghah*

Seterusnya bagi objektif kedua, penyelidik telah membina 10 item soalan yang dijangka dapat menjawab persoalan kajian yang dikemukakan. Item-item soalan yang didirikan adalah menjurus kepada masalah-masalah yang umumnya berlaku semasa proses pembelajaran pembelajaran Balaghah di dalam kelas. Pada item yang pertama dalam bahagian ini iaitu item 11, penyelidik ingin mengenal pasti terlebih dahulu secara umumnya tentang kefahaman responden terhadap ketiga-tiga bahagian dalam ilmu Balaghah iaitu *al-Ma'ani*, *al-Bayan* dan *al-Badi'* setakat yang telah mereka pelajari. Min yang didapati bagi item ini menunjukkan responden dapat memahami ketiga-tiga bahagian dalam ilmu Balaghah *Badi'* setakat yang telah mereka pelajari. Jadi secara umum, penyelidik merasakan tiada masalah besar yang dihadapi para pelajar dalam mempelajari ilmu Balaghah.

Item ke-12 disediakan untuk melihat adakah responden dapat melihat kaitan antara tajuk-tajuk yang diajar dalam *al-Balaghah* dalam penggunaan ayat. Apabila pelajar dapat menyedari perkara ini menunjukkan pelajar tiada masalah sepanjang mereka mempelajari ilmu Balaghah ini. Min pada aras setuju dicatatkan iaitu 4.00 bagi item ke-12, menunjukkan bahawa responden dapat melihat perkaitan di antara tajuk-tajuk Balaghah.

Seperti yang dibincangkan dalam bab II sebelum ini, kajian oleh Abdullah Tahmim (1999:36) menyatakan bahawa apa yang diperhatikan dalam pengajaran ilmu Balaghah di sekolah-sekolah di Malaysia ialah contoh-contoh yang sukar difahami maknanya, contoh-contoh lama daripada bait-bait syair yang sememangnya lebih sukar bahasanya kalau dibandingkan dengan bahasa prosa.

Justeru item 13 adalah untuk memastikan adakah pelajar di sekolah menengah agama di Johor ini menghadapi masalah yang sama. Didapati majoriti pelajar bersetuju bahawa contoh dan huraian *al-Balaghah* dalam buku teks Bahasa Arab Tinggi (BAT) mudah difahami oleh mereka. Perkara ini bertentangan dengan kajian yang dilakukan oleh Abdullah Tahmim. Mungkin kaedah yang digunakan oleh

guru yang membantu mereka lebih memahami contoh-contoh Balaghah dalam buku teks BAT dengan lebih baik.

Dalam jadual 4.24 yang merujuk kepada item ke-14, didapati responden tidak bersetuju bahawa masa yang diperuntukkan untuk belajar *al-Balaghah* dalam kelas mencukupi atau memadai. Hal ini menunjukkan pelajar memerlukan masa yang lebih banyak daripada yang disediakan kini untuk mata pelajaran Balaghah di dalam kelas bagi memastikan mereka dapat menguasai ilmu ini.

Pada item ke-15 pula didapati pelajar tidak mempunyai masalah dalam memahami kaedah-kaedah *al-Balaghah* yang dipelajari. Kira-kira 59.4% dari keseluruhan responden yang bersetuju mereka dapat memahami kaedah-kaedah Balaghah yang dipelajari, namun terdapat juga sebilangan responden yang tidak bersetuju dengan kenyataan di atas seperti mana yang terkandung dalam jadual 4.25.

Selain itu juga, analisis data yang dilakukan menunjukkan salah satu lagi masalah yang dihadapi oleh pelajar ialah penggunaan buku teks BAT sebagai sumber utama semasa mempelajari ilmu Balaghah. Hasil analisis bagi item ke-16 menunjukkan terdapat masalah yang dihadapi oleh para pelajar untuk menggunakan buku teks BAT secara maksimum. Hal ini juga menunjukkan bahawa mereka juga terpaksa merujuk kepada buku-buku lain dalam pembelajaran Balaghah.

Penggunaan bahasa Arab sewaktu mengajar ilmu Balaghah adalah perkara yang sepatutnya dilakukan oleh para guru agar pelajar benar-benar berada dalam suasana (*bi'ah*) yang sebaiknya bagi menguasai ilmu tersebut. Jadual 4.27 pula memaparkan bahawa responden memilih untuk kurang bersetuju bahawa guru mereka lebih banyak menggunakan bahasa Arab semasa mengajar semasa mengajar *al-Balaghah* daripada bahasa Melayu. Maka dapat dikenal pasti masalah yang seterusnya ialah kurangnya penggunaan bahasa Arab oleh guru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Balaghah.

Pada item 18, 19 dan 20 tidak menunjukkan masalah-masalah lain dalam pengajaran dan pembelajaran Balaghah. Jadual 4.28 pada item ke-18 menunjukkan

majoriti responden mengaku bahawa huraian yang dibuat oleh guru jelas dan mudah difahami. Min sebanyak 3.61 pada item ke 19 pula menunjukkan tiada masalah bagi pelajar untuk membuat latihan yang diberikan oleh guru berdasarkan pemahaman yang diberikan di dalam kelas. Hal ini menjelaskan bahawa penjelasan yang diberikan guru dalam kelas sudah memadai untuk memberi kefahaman kepada pelajar tentang tajuk yang dipelajari.

Item yang terakhir iaitu item ke 20 mencatatkan min yang baik iaitu 3.76 menunjukkan format dan bentuk soalan yang digunakan membantu para untuk menguasai ilmu *al-Balaghah*. Dalam erti kata yang lain, pelajar tidak mempunyai masalah dengan format soalan yang digunakan dalam penilaian ilmu Balaghah. Min keseluruhan sebanyak 3.59 bagi persoalan kajian kedua ini, membawa pengertian pelajar tidak mempunyai masalah yang banyak dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Balaghah. Namun tidak dapat diketepikan beberapa masalah yang perlu diberikan perhatian agar dapat mkembantu pelajar lebih menguasai ilmu ini.

### **5.1.2.3 Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu Retorik Arab atau *al-Balaghah* di Kalangan Pelajar**

Persoalan kajian yang ketiga dan terakhir diwujudkan bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran Balaghah di sekolah. Berdasarkan kepada pengalaman peribadi penyelidik, keberkesanan P&P di dalam kelas sebenarnya banyak mempengaruhi tingkah laku pelajar ketika berada di luar kelas. Ia juga secara tidak langsung mampu memberikan kesan kepada penguasaan pelajar terhadap ilmu Balaghah. Persoalan kajian yang ketiga ini juga lebih tertumpu kepada guru yang mengajar ilmu Balaghah itu sendiri mengikut penilaian para pelajar.

Item pertama bagi bahagian ketiga ini adalah item yang menguji kerkesanan pengajaran dan pembelajaran Balaghah secara umum sebelum diuji secara khusus dalam item-item seterusnya. Item ke-21 ini menguji sama ada responden mengetahui dalam bahasa Arab banyak ayat yang berunsurkan sastera atau tidak. Hasil analisis menunjukkan responden sememangnya sedia maklum tentang perkara tersebut.

Justeru, secara umumnya dapat dibuat hipotesis awal bahawa pengajaran dan pembelajaran Balaghah secara umumnya berkesan untuk membantu pelajar menguasai ilmu ini.

Item ke-22 sekali lagi menunjukkan bahawa kerkesanan pengajaran dan pembelajaran Balaghah berada pada tahap yang dikehendaki apabila responden bersetuju bahawa mereka mampu menentukan dalam teks-teks Arab terdapat beberapa unsur Balaghah. Apabila mereka mampu menentukan unsur-unsur Balaghah dalam teks-teks Arab sudah mencapai objektif pengajaran Balaghah. Justeru ini menunjukkan kejayaan kepada guru yang mengajar Balaghah ini.

Item 23, 24 dan 25 adalah untuk menguji kefahaman pelajar terhadap gaya bahasa bagi ketiga-tiga pecahan ilmu Balaghah iaitu ilmu *al-Ma'ani*, *al-Bayan* dan *al-Badi'* setakat yang setakat mereka telah pelajari. Hasil yang positif didapati bagi item 23 dan 24 apabila min yang dicatatkan ialah 3.62 dan 3.61 menunjukkan keberkesanan terhadap pengajaran *ilmu Ma'ani* dan *ilmu Bayan* di kalangan pelajar adalah baik. Namun hasil yang sebaliknya dicatatkan pada item ke 25 apabila min yang diperolehi ialah sebanyak 3.49. hal ini menunjukkan kurangnya keberkesanan terhadap pengajaran *ilmu Badi'* di kalangan pelajar.

Manakala item ke-26 pula dibina bertujuan untuk mengetahui sejauh mana pelajar dapat menggunakan ilmu yang dipelajari dalam meningkatkan lagi pemahaman mereka terhadap al-Quran. Jadual 4.36 menunjukkan majoriti di kalangan responden mengakui bahawa mereka mengetahui bahawa terdapat banyak ayat al-Quran yang mempunyai unsur-unsur Balaghah. Namun, pada item seterusnya penyelidik mendapati responden kurang bersetuju bahawa mereka dapat menentukan unsur Balaghah yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran setakat yang mereka pelajari. Jadual 4.37 memaparkan 45.9% responden kurang bersetuju terhadap item ini. Dapat dijelaskan bahawa responden mampu untuk mengetahui bahawa terdapat banyak ayat al-Quran yang mempunyai unsur-unsur Balaghah, tetapi mereka tidak berkemampuan untuk menentukan unsur Balaghah yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran setakat yang mereka pelajari. Keadaan ini menunjukkan ada sedikit kekurangan dalam keberkesanan pengajaran ilmu Balaghah ini kepada para pelajar

sehingga mereka tidak mampu untuk mempraktikkan ilmu yang mereka pelajari dalam al-Quran.

Item ke-28 sekali lagi menunjukkan pengajaran dan pembelajaran (P&P) Balaghah telah memberikan kesan yang baik apabila majoriti responden telah bersetuju dengan catatan min yang tinggi iaitu 4.22 bahawa mereka mengetahui betapa indahnya gaya bahasa Arab setelah mempelajari *al-Balaghah* dalam kelas. Hasil yang sama diperolehi pada item ke-29 di mana responden bersetuju bahawa mereka menyedari bahawa dengan mempelajari *al-Balaghah* telah banyak membantu mereka mengolah dan mengungkap ayat-ayat yang baik dalam bahasa Arab.

Kedadaan ini diperkuatkan lagi dengan hasil bagi item yang terakhir bagi bahagian tiga ini dan juga item yang terakhir bagi keseluruhan soal selidik, yang mana min yang dicatatkan ialah sebanyak 3.85. Catatan min menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa pengajaran dan pembelajaran *al-Balaghah* membuatkan mereka lebih berminat mempelajari bahasa Arab. Fakta ini menunjukkan pengajaran dan pembelajaran Balaghah telah memberikan kesan yang baik kepada para pelajar terhadap mata pelajaran Balaghah secara khususnya dan terhadap bahasa Arab secara koletifnya.

Secara keseluruhannya, min 3.79 yang dicatatkan bagi persoalan kajian ketiga ini membuktikan keberkesanan P&P Balaghah di sekolah adalah pada tahap yang baik dan memuaskan. Penyelidik mendapati para guru telah memberikan persembahan yang terbaik dalam P&P, namun para pelajar juga perlu memainkan peranan yang sama bagi memastikan segala-galanya berjalan dengan lancar dan sempurna.

## 5.2 RUMUSAN

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan ini, kajian dapat merumuskan beberapa dapatan. Dapatan-dapatan tersebut ialah:

- 5.2.1 Majoriti para pelajar mempunyai minat untuk mempelajari ilmu retorik Arab atau Balaghah.
- 5.2.2 Pelajar mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kewujudan Balaghah dalam bahasa Arab dan juga kewujudan pengajian ilmu Balaghah dalam kertas Bahasa Arab Tinggi SPM.
- 5.2.3 Para pelajar juga didapati mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap faedah yang akan didapati daripada mempelajari ilmu Balaghah ini sama ada terhadap pemahaman mereka terhadap al-Quran, hadis dan juga terhadap teks-teks Arab.
- 5.2.4 Pelajar didapati tidak dapat memahami semua pengajaran yang telah diberikan oleh guru terhadap kaedah-kaedah Balaghah dan tajuk-tajuk tertentu dalam ilmu Balaghah.
- 5.2.5 Pelajar mempunyai masalah untuk menggunakan buku teks Bahasa Arab Tinggi (BAT) secara sepenuhnya untuk pembelajaran mereka terhadap ilmu Balaghah.
- 5.2.6 Pelajar merasakan masa yang diperuntukkan untuk subjek Balaghah adalah sangat terhad dan mereka merasakan masa yang diberikan tersebut tidak memadai atau tidak mencukupi.
- 5.2.7 Guru didapati cenderung menggunakan bahasa Melayu dalam pengajaran ilmu Balaghah berbanding bahasa Arab. Hal ini mungkin dapat memberi kesan terhadap penguasaan pelajar terhadap ilmu ini.

### **5.3 CADANGAN**

Berdasarkan kepada hasil analisis terhadap data yang diperolehi, perbincangan dan rumusan yang telah dilakukan sebelum ini, maka pada bahagian ini penyelidik ingin mengemukakan beberapa cadangan terhadap kajian ini. Cadangan-cadangan ini

merupakan sebagai langkah untuk mempertingkat serta memperbaiki penguasaan para pelajar terhadap pengajian ilmu retorik Arab atau Balaghah khususnya di kalangan pelajar sekolah menengah aliran agama. Antara pihak yang terbabit untuk cadangan ini ialah Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Agama Johor, pentadbiran sekolah dan tenaga pendidik.

### **5.3.1 Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Agama Johor**

Pihak pengurusan kurikulum dicadangkan agar menambah masa untuk subjek Bahasa Arab Tinggi lantaran banyak pecahan-pecahan ilmu yang terletak di bawah subjek bahasa Arab tersebut seperti Nahu, Saraf, Balaghah dan pelbagai lagi yang perlu dipelajari. Perkara ini perlu diberikan perhatian kerana pengajian balaghah dan elemen-elemen lain dalam BAT didedahkan secara bersepadu. Justeru tempoh masa yang mencukupi dapat menjamin proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik lagi.

Dalam melahirkan guru yang berkemampuan dalam ilmu retorik Arab, pihak Jabatan Agama Johor disaran mengadakan bengkel-bengkel atau seminar berkaitan teknik-teknik yang terbaru dan terbaik dalam pengajaran ilmu ini. Ini bagi memastikan pelajar dapat mempelajari ilmu ini dengan seronok dan mudah bagi melahirkan pelajar-pelajar yang benar-benar menguasai bahasa Arab dan seterusnya ilmu-ilmu Islam.

### **5.3.2 Pengurusan dan Pentadbiran Sekolah**

Pihak sekolah perlu banyak memberikan sokongan dan galakan kepada guru dan pelajar sentiasa meningkatkan pengetahuan mereka dalam pengajian ilmu retorik Arab ini. Pihak sekolah perlu memberikan sokongan dan kerjasama kepada pihak panitia Bahasa Arab seperti mengadakan sebarang aktiviti yang menonjolkan unsur-unsur Balaghah seperti pertandingan menghafaz syair-syair Arab, kuiz Balaghah dan sebagainya.

Di sebalik aktiviti-aktiviti yang pihak sekolah anjurkan, pihak sekolah perlu mewujudkan persekitaran yang dapat merangsang kepada penonjolan unsur-unsur Balaghah. Misalnya dengan memperbanyakkan lagi paparan papan tanda yang mempamerkan penggunaan bahasa Arab yang mempunyai unsur keindahan yang tinggi. Pihak sekolah juga boleh meletakkan ayat-ayat ini atau bait-bait syair yang bersesuaian dengan tempat-tempat tertentu di sekolah. Hal ini akan merangsang sikap ingin tahu pelajar tentang maksud syair itu dan apa kaitannya dengan tempat tersebut.

### **5.3.3 Tenaga Pendidik**

Sebagai insan yang bergelar guru di sekolah, kebijaksanaan serta ketinggian hikmah dalam pengajaran dan pembelajaran amat diharap oleh para pelajar. Guru yang kreatif dan inovatif akan dapat menjelmakan satu bentuk suasana pembelajaran yang kondusif serta bermakna. Perkara yang paling penting di sini ialah guru diharap dapat mengubah persepsi pelajar terhadap ilmu Balaghah ketika mengajar mata pelajaran bahasa Arab. Persepsi yang dimaksudkan ialah anggapan terhadap bahasa Arab dan Balaghah adalah sukar.

Guru juga dilihat perlu memberitahu kepada para pelajar tentang hala tuju bagi pembelajaran pengajian Balaghah dengan memberitahu peluang yang dibuka kepada para pelajar untuk mendalami ilmu Balaghah setelah menamatkan alam persekolahan dan berpindah ke alam universiti.

Seterusnya guru perlu menanamkan minat di kalangan pelajar terhadap ilmu Balaghah. Guru tidak seharusnya bersikap acuh tak acuh terhadap rasa tidak minat pelajar terhadap ilmu Balaghah. Penjelasan terhadap matlamat faedah yang mereka akan perolehi daripada mempelajari Balaghah perlu diterangkan pada awal pengajaran Balaghah agar mereka sentiasa bermotivasi untuk mempelajarinya. Seperti yang telah dijelaskan dalam bab dua sebelum ini terdapat lagi pelajar yang tidak mengetahui matlamat mempelajari ilmu Balaghah. Penjelasan awal ini sedikit sebanyak akan membaiki persepsi pelajar terhadap ilmu ini. Bagi meningkatkan



minat pelajar, guru perlu menekankan tentang keindahan bahasa Arab yang dapat dirasakan hasil daripada pembelajaran Balaghah.

Kepelbagaian terhadap kaedah atau corak pengajaran dan pembelajaran juga perlu dilaksanakan guru. Misalnya dengan kaedah projek iaitu pelajar diminta membuat folio tentang hasil kesusasteraan Arab. Guru yang menggunakan kaedah yang bersifat *stereotype* akan menyebabkan pelajar merasa bosan dan tidak bersemangat untuk belajar. Para guru perlu sentiasa peka dengan penemuan-penemuan terbaru tentang cara pengajaran Balaghah yang berkesan. Para guru tidak sepatutnya mengekalkan kaedah tradisional yang kadangkala merugikan pelajar sendiri.

Selain itu, guru-guru perlu memastikan pelajar dapat mengaplikasikan ilmu mereka pada kehidupan mereka seperti dalam pembacaan mereka kepada teks-teks berbahasa Arab, dan yang paling penting mereka dapat mengaplikasikan ilmu Balaghah ini untuk lebih memahami al-Quran dan hadis.

#### **5.4 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN**

Kajian ini hanya melihat pengajian ilmu retorik Arab dalam skop yang agak terbatas. Banyak kelemahan serta kekurangan yang perlu diperbaiki bagi mendapatkan hasil yang memuaskan. Kajian ini hanya melibatkan para pelajar dari Sekolah Menengah Agama (SMA) negeri Johor sahaja. Oleh yang demikian, dapatan serta hasil analisis menggambarkan keputusan dan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar SMA negeri Johor sahaja. Kemungkinan keputusan dan masalah ini berubah atau berbeza jika dibuat kajian di SMA negeri-negeri lain, atau sekolah-sekolah lain yang menawarkan pengajaran ilmu ini di seluruh negara. Penyelidik ingin mencadangkan kepada para penyelidik akan datang agar dapat memperluaskan lagi skop kajian bagi mendapatkan maklum balas yang lebih tepat dan jitu iaitu seboleh-bolehnya merangkumi semua jenis sekolah yang menawarkan pengajian Balaghah di seluruh negara.

## **5.5 PENUTUP**

Tahap penguasaan pelajar terhadap pengajian ilmu retorik Arab ini masih lagi pada kedudukan yang sederhana. Walaupun dapatan kajian mendapati kebanyakan pelajar berminat mempelajari ilmu ini, tetapi masih banyak dalam kalangan para pelajar yang tidak pasti dengan matlamat pengajian ilmu ini. Minat tersebut perlu dipupuk dengan persediaan ke arah pembelajaran yang lebih berkesan. Pendekatan serta pendedahan yang berbagai-bagai menjadi elemen penting dalam usaha menarik pelajar agar lebih berminat dan merasa seronok untuk mempelajari pengajian ilmu retorik Arab di sekolah. Pihak yang terlibat secara langsung dalam pengajian ilmu retorik Arab perlu lebih peka terhadap perubahan pendekatan pengajaran dan pembelajaran ilmu ini.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abd Halim Ariffin (1999), *Pengajaran Ilmu Balaghah (Retorika) di sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Bawah Kementerian Pendidikan*. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Abdul Hakim Abdullah (2003), *Pengajaran Balaghah di Peringkat STPM di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) : Perlaksanaan dan Permasalahannya*, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Abdul Hamid Othman, Zainal Abidin Haji Abd Kadir & Abdul Aziz Andek Achok (1992), *Ke arah Penyelarasan dan Penyatuan Sistem Pentadbiran dan Pelajaran Sekolah-sekolah Menengah Agama dan Arab di Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Abdul Rahim Haji Ismail (1994), *Pengajaran bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua : Permasalahan dan Penyelesaian*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Abdullah Basmeih. (2001), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*, Darul Fikir, Kuala Lumpur.

Abdullah Ishak. (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Abdullah Jusuh. (1989). *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Tahmim (1999), *Pengajaran balaghah di Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi*. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Ahmad Hifni Muhammad Ali. (1999), *Beberapa Unsur Ilmu al-Badi' dalam Bahasa Arab (Satu Perbandingan dengan Bahasa Melayu)*. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Ahmad Mahdzan Ayob (1992), *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*, Edisi Kedua, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Ali Al-Jarimdan Musafa Amin (1998), *Terjemahan Al-Balaghatul Wadhihah*, Sinar Baru Algensindo Offset Bandung, Indonesia .

Azhar Muhammad, Ahmad Kilani Mohamed & Kamarul Azmi Jasmi. (2003), *Sudut Perbezaan Mata Pelajaran al-Balaghah Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Mempengaruhi Perkaedahan dan Teknik Pengajaran dan Pembelajaran*, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Ee Ah Meng (1999), *Psikologi Pendidikan I : Psikologi Perkembangan*. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Herbert F. Weisberg, Bruce D. Bowen. (1977), *An Introduction to Survey Research and Data Analysis*, W. H. Freeman and Company, New York, San Francisco.

Husaimi Hj Othman. (1999), *Pengajian Balaghah di Sekolah Agama Rakyat (Perak): Pengalaman dan Tinjauan*. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Husin Sulaiman Qurrah (Dr.), t.t. *Dirasat Tahliliyyah wa Mawaqif Tatbiqiyyah Fi Ta'lim al-Lughah al-'Arabiyyah wa al-Din al-Islami*, Dar al-Ma'arif, Kaherah

Ismail Ab. Rahman. (1992), *Masalah yang Dihadapi oleh Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

James D. Lester and James D. Lester, Jr., (2003), *Principle of Writing Research Papers*, Longman, New York.

Kamarudin Ngah, Roslim Md. Akhir. (1990), *Kaedah Penyelidikan Panduan Mudah Kerja Luar*, Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya.

Mohd Nawi Ab Rahman. (2000), *Teras Penyelidikan*, Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Muhammad Ali Al-Khuli terjemahan Ahmad Kilani Mohamed. (1998), *Asalib Tadris Al-Lughah Al-Arabiyyah*. Johor : Universiti Teknologi Malaysia

Munif Zariruddin Fikri Nordin (1998), *Perkembangan Bahasa Arab dan Kesannya kepada Bahasa dan Pemikiran Melayu Dalam Era Globalisasi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Kamarulzaman Abdul Ghani dan Muawfak Abdella Ahmed al-Khusairi (1999), *Kaedah Pengajaran Bahasa Arab*. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Osman Hj Khalid. (1987), *Sejarah Peradaban Arab*. Kuala Lumpur: Syarhat Nadhi

Osman Hj Khalid. 1994, *Pengaruh Bahasa Arab Dalam Memperteguh dan Memperkaya Bahasa Melayu : Suatu Pengamatan.*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Salmah Hj Ahmad. (1999), *Ilmu al-Ma'ani: Kajian Perbandingan dengan Bahasa Melayu.* Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Samarudin Rejab, Nazri Abdullah. (1993), *Panduan Menulis Tesis*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Siti Saudah Haji Hassan. (1999), *Ilmu Bayan: Satu Perbandingan dengan Bahasa Melayu*. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Sidi Gazalba (Drs) (1981), *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur.

Sohair Abdel Moneim Sery (1999), *Perintis ke Arah Memberi Nafas Baru kepada Ilmu Balaghah*. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Sulaiman Masri. (2003), *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (esei, proposal, tesis)*, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd., Kuala Lumpur.

Syauki Dhaif. (1965), *Al-Balaghah Tatawwur Wa Al-Tarikh*.

Syed Arabi Idid. (1992), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Virginia M. Sugden (1973), *The Graduate Thesis: The Complete Guide To Planning And Preparation*, Pitman Publishing Corporation, New York.

Wan Hashim, Ting Chew Peh, Shamsul Amri Baharuddin. (1980), *Kaedah Penyelidikan Sosial*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

William L. Rivers and Susan L. Harrington, (1988), *Finding Facts Research Writing Across the Curriculum*, Second Edition, Prentice Hall, New Jersey.

#### **ARTIKEL DARI LAMAN WEB**

<http://www.smakjkluang.org/sejarah.html>

**Lampiran A****BORANG SOAL SELIDIK****TAJUK:****PENGUASAAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH  
ALIRAN AGAMA TERHADAP PENGAJIAN ILMU  
RETORIK ARAB**

**TAHNIAH, ANDA TERPILIH UNTUK MENJAWAB SOAL SELIDIK INI.**

Tujuan soal selidik ini dikemukakan adalah untuk mendapatkan respon anda berkaitan dengan pembelajaran ilmu retorik arab atau *al-Balaghah*. Diharapkan anda dapat menjawab semua soalan yang dikemukakan berdasarkan pengalaman anda dengan jujur dan ikhlas.

**Segala maklumat yang anda berikan akan dirahsiakan. Anda tidak perlu menulis nama ataupun menandatangani kertas soal selidik ini.**

***MAKLUMAT YANG DIBERIKAN ADALAH UNTUK KAJIAN SAHAJA.***

Borang ini mengandungi dua bahagian :

**Bahagian A** : Latar Belakang Responden

**Bahagian B** : Kajian Tajuk Berkaitan

**BAHAGIAN (A)**

*Arahan : Sila jawab soalan yang dikemukakan dengan menandakan ( ✓ ) pada ruang yang disediakan atau sila nyatakan maklumat yang dikehendaki pada tempat yang bersesuaian.*

1. Jantina :-                      Lelaki                       Perempuan
  
2. Tingkatan:
  - i) Tingkatan Empat
  - ii) Tingkatan Lima
  
3. Adakah anda berminat mempelajari Bahasa Arab?
  - i) Minat
  - ii) Kurang minat
  - iii) Tidak minat
  
4. Mula mempelajari Bahasa Arab :-
  - i) Di peringkat pra-sekolah/ tadika
  - ii) Di peringkat sekolah rendah
  - iii) Di peringkat sekolah menengah
  
5. Masa mengulang kaji Bahasa Arab dalam seminggu :-
  - i) Kurang 1 jam
  - ii) 1 hingga 2 jam
  - iii) 2 hingga 3 jam
  - iv) Lebih 3 jam
  
6. Keputusan peperiksaan Bahasa Arab Komunikasi PMR :-
  - i) A-B
  - ii) C-D
  - iii) E



7. Adakah antara saudara anda (contoh: ibu/bapa/abang/kakak) yang pernah mempelajari Bahasa Arab?

i) Ada


ii) Tiada

Nyatakan jika ada : 1. ....

2. ....

3. ....

8. Tujuan mempelajari Bahasa Arab (*boleh tentukan lebih daripada satu*) :

i) Mendalami ajaran agama Islam

ii) Mendalami bahasa Arab itu sendiri

iii) Untuk bertutur di dalam bahasa Arab

iv) Hanya sebagai mata pelajaran tambahan

v) Sebab lain (nyatakan) :

.....

9. Sebab mengambil Bahasa Arab Tinggi di dalam peperiksaan SPM:

i) Dapat mengetahui banyak bidang pengajian dalam bahasa Arab


ii) Terpaksa/Tiada pilihan lain

10. Komponen pengajian yang paling diminati dalam Bahasa Arab Tinggi berdasarkan turutan keutamaan pilihan pertama hingga pilihan keenam. {cth : pilihan pertama = (1) , pilihan kedua = (2)}.

i) Nahu

ii) Soraf

iv) Balaghah

v) Nusus

vi) Bacaan teks & menjawab soalan kefahaman dan lain-lain.

vii) Membuat ayat, ta'bir & Insya' (buat karangan)

### BAHAGIAN (B)

*Arahan : Tandakan ( / ) pada petak yang telah disediakan berdasarkan skala berikut.*

- SS - Sangat Setuju**  
**S - Setuju**  
**KS - Kurang Setuju**  
**TS - Tidak Setuju**  
**STS - Sangat Tidak Setuju**

#### Objektif Satu

Mengetahui persepsi dan pengetahuan pelajar terhadap pengajian ilmu retorik Arab/*al-Balaghah*.

BIL	SOALAN	SS	S	KS	TS	STS
1	Saya sedar ada pengajian <i>al-Balaghah</i> dalam kertas Bahasa Arab Tinggi					
2	Saya berminat untuk mempelajari pengajian <i>al-Balaghah</i>					
3	Saya tahu tujuan, faedah dan manfaat yang akan saya dapat jika mempelajari ilmu <i>al-Balaghah</i>					
4	Saya tahu terdapat unsur-unsur ilmu <i>al-Balaghah</i> dalam bahasa Arab					
5	Saya yakin pengajian <i>al-Balaghah</i> dapat membantu saya memahami teks-teks Arab dengan baik					
6	Saya yakin pengajian <i>al-Balaghah</i> dapat membantu saya memahami Al-Quran & Hadis dengan lebih baik					
7	Saya dapat rasakan/bezakan gaya bahasa Arab yang baik dan tidak melalui pengajian ilmu <i>al-Balaghah</i>					
8	Saya dapat memahami tajuk-tajuk yang diajar dalam <i>al-Balaghah</i> dengan mudah					
9	Saya dapat menguasai ilmu <i>al-Balaghah</i> dengan baik setakat yang telah saya pelajari					
10	Saya berminat dan sentiasa bersedia untuk mempelajari <i>al-Balaghah</i> ke peringkat yang lebih tinggi lagi.					

### Objektif Dua

Mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran ilmu retorik Arab/*al-Balaghah*.

BIL	SOALAN	SS	S	KS	TS	STS
1	Saya faham dengan baik bahagian-bahagian ilmu <i>al-Balaghah</i> seperti <i>al-Ma'ani</i> , <i>al-Bayan</i> dan <i>al-Badi'</i> ATAU setakat yang saya telah pelajari					
2	Saya tahu tajuk-tajuk yang diajar dalam <i>al-Balaghah</i> mempunyai kaitan antara satu sama lain dalam penggunaan ayat					
3	Contoh dan huraian <i>al-Balaghah</i> dalam buku teks BAT mudah difahami oleh saya					
4	Saya rasa masa yang diperuntukkan untuk belajar <i>al-Balaghah</i> dalam kelas mencukupi/memadai					
5	Kaedah-kaedah <i>al-Balaghah</i> yang dipelajari mudah untuk difahami oleh saya					
6	Saya dapat menggunakan buku teks BAT sebagai sumber utama semasa mempelajari ilmu <i>al-Balaghah</i>					
7	Guru lebih banyak menggunakan bahasa Arab semasa mengajar <i>al-Balaghah</i> daripada bahasa Melayu					
8	Huraian yang dibuat oleh guru jelas dan mudah difahami					
9	Saya mampu membuat latihan yang diberikan oleh guru berdasarkan pemahaman yang diberikan di dalam kelas.					
10	Format dan bentuk soalan yang digunakan membantu saya untuk menguasai ilmu <i>al-Balaghah</i>					

### Objektif Tiga

Mengenal pasti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran ilmu retorik Arab /*al-Balaghah* di kalangan pelajar.

BIL	SOALAN	SS	S	KS	TS	STS
1	Saya tahu dalam bahasa Arab, banyak ayat yang berunsurkan sastera					
2	Saya dapat tentukan dalam teks-teks Arab terdapat beberapa unsur <i>balaghah</i>					
3	Saya dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu <i>al-Bayan</i> seperti <i>al-Tasybih</i> dan lain-lain setakat yang saya pelajari dalam kelas					
4	Saya dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu <i>al-Ma'ani</i> seperti ayat <i>Insya'</i> , <i>Khabar</i> dan lain-lain setakat yang saya pelajari dalam kelas					
5	Saya dapat memahami gaya bahasa yang berasaskan kepada ilmu <i>al-Badi'</i> seperti <i>al-Jinas</i> , <i>al-Tibaq</i> dan lain-lain setakat yang saya pelajari dalam kelas					
6	Saya tahu banyak ayat Al-Quran yang mempunyai unsur-unsur <i>balaghah</i>					
7	Saya dapat tentukan unsur <i>balaghah</i> yang terdapat dalam ayat-ayat Al-Quran setakat yang saya pelajari					
8	Saya mengetahui betapa indahnnya gaya bahasa Arab setelah mempelajari <i>al-Balaghah</i> dalam kelas.					
9	Saya sedar dengan mempelajari <i>al-Balaghah</i> telah banyak membantu saya mengolah dan mengungkap ayat-ayat yang baik dalam bahasa Arab					
10	Pengajaran dan pembelajaran <i>al-Balaghah</i> membuatkan saya lebih berminat mempelajari bahasa Arab					

*Terima Kasih di atas kerjasama dan sokongan yang anda berikan.*

### LAMPIRAN C

**AZHAR BIN MUHAMMAD**  
**Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial,**  
**Universiti Teknologi Malaysia**  
**81310 Johor Bahru,**  
**Johor Darul Takzim.**

---

10 Mei

2005  
 Pengetua,  
 SMA Kerajaan Johor, Kluang.  
 SMA Kota Tinggi, Kota Tinggi.  
 SMA Maahad Pontian, Pontian.  
 SMA Maahad An-Nur, Pontian.  
 SMA Bugisiah, Pontian.  
 SMA Al-Quran wa al-Din, Johor Bahru.

Johor Darul Takzim.

*Tuan,*

**MEMOHON KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN**

Sukacita dimaklumkan di sini bahawa saya sedang menjalankan satu kajian yang bertajuk :

**“Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajian Retorik Arab”**

2. Sehubungan dengan itu, saya ingin melaksanakan sedikit kajian dan soal selidik di sekolah tuan. Kajian saya ini akan melibatkan beberapa kumpulan daripada pelajar di sekolah tuan. Kumpulan pelajar tersebut ialah pelajar-pelajar tingkatan 5 yang mengambil kertas BAT peringkat SPM untuk menjawab soal selidik yang akan diedarkan. Masa yang diperlukan untuk menjawab soal selidik tersebut ialah lebih kurang 30 minit.

3. Bersama-sama ini saya sertakan surat kebenaran untuk menjalankan kajian daripada Jabatan Agama Johor.

4. Adalah diharapkan pihak tuan dapat mempertimbangkan permohonan ini. Segala kerjasama dan bantuan yang pihak tuan hulurkan saya dahului dengan ucapan terima kasih.

*Sekian, wassalam.*

Yang benar,

.....  
 Ketua Penyelidik 75193

s.k. Pengarah PPIPS